



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 17)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 32

(Halaman 18)

Maksud B. 41

(Halaman 40)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa:-

Maksud P. 32

(Halaman 18)

Maksud P. 41

(Halaman 40)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO

2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO

3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA

4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC

5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN

6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO

7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO

8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO

9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO

10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO

11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA

12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jelun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP

22. Yang Berhormat Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN

60. Yang Berhormat Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO

98. Yang Berhormat Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 24 November 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah misi perdagangan dan pelaburan keluar negara yang telah diadakan oleh kementerian sepanjang tahun 2004 dan berapakah jumlah nilai pelaburan luar yang dapat dibawa ke negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2004 sebanyak lapan misi galakan perdagangan dan pelaburan keluar negara telah diadakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu ke negara-negara Qatar, Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Vietnam, Thailand, Indonesia, Singapura, Taiwan, Jepun, Hong Kong, Australia, India, United Kingdom, Switzerland, Jerman, Perancis, Peru, Brazil dan Argentina. Sebanyak 23 seminar mengenai peluang-peluang perniagaan di Malaysia di negara-negara yang di lawati telah diadakan semasa misi-misi tersebut. Seminar-seminar ini telah berjaya menarik 6,617 peserta dan sebanyak 3,451 perbincangan perniagaan telah diadakan di antara ahli-ahli sektor swasta Malaysia dengan ahli-ahli perniagaan dan pelabur-pelabur di negara-negara yang dilawati.

Hasil daripada sesi perbincangan ini sebanyak 224 projek telah dikenal pasti sebagai mempunyai potensi. Projek-projek ini adalah bidang perkilangan - 123 projek, perkhidmatan perkilangan - 15 projek, teknologi maklumat dan komunikasi - 21 projek, bioteknologi - 3 projek dan lain-lain projek - 62 projek. Misi-misi galakkan pelaburan yang diadakan pada tahun 2004 telah menghasilkan jumlah pelaburan asing bernilai RM6,332 juta dari negara-negara yang dilawati bagi tempoh Januari 2004 hingga Ogos 2005. Di samping itu, misi-misi tersebut telah menghasilkan jualan sebenar setakat ini bernilai RM224.5 juta dan telah menghasilkan jualan berpotensi bernilai RM162 juta. Produk-produk tersebut termasuk sistem teknologi maklumat - RM64.5 juta, *porcelain* - RM20 juta, produk kesihatan - RM12.7 juta, aksesori kereta - RM9.7 juta, peralatan binaan - RM6 juta, lampu dan peralatan lampu - RM6 juta, kabel kren - RM5 juta dan perabot pejabat - RM41 juta. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit.

Tuan Nasarudin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya percaya dalam misi pelaburan yang dibuat sepanjang tahun 2004 itu pihak MITI khususnya mendapat maklumat balas berkenaan dengan perbincangan-perbincangan yang diadakan dengan pihak pelabur dan swasta di negara-negara yang dilawati. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah persepsi yang diterima daripada negara-negara atau tempat-tempat yang dilawati itu terhadap suasana pelaburan di Malaysia khususnya berkenaan dengan dasar ekonomi negara dan juga adakah apa-apa komen berkenaan dengan perkara-perkara yang negatif seperti kerenah birokrasi atau *red tape* yang selalunya menjadi bahan aduan yang diterima oleh pelabur-pelabur tempatan di negara kita dan yang keduanya, apakah fokus misi ini terutamanya dalam menentukan jenis pelaburan yang diberi keutamaan terhadap pelaburan yang dibuat di negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Dalam perbincangan dengan pihak swasta di negara-negara yang di lawati tidak didapati perkara-perkara negatif yang dibangkitkan tentang negara ini. Malah kita dapati sebahagian besar pelabur-pelabur berminat datang ke negara ini dan mereka ingin tahu tentang insentif, dasar dan sebagainya. Mengenai dengan fokus kita. Kita memfokuskan kepada semua sektor kecuali yang berbentuk *labour* intensif. Berdasarkan kepada perbincangan-perbincangan yang telah berlaku antara bidang yang menarik minat pelabur luar adalah bidang petrokimia, bioteknologi *advance electronic* dan *electrical*, *agro-industry*, *pharmaceutical* serta peralatan perubatan, teknologi makanan, mesin serta peralatan dan komponen alat ganti dan sektor perkhidmatan perkilangan seperti ibu pejabat operasi, pusat perolehan antarabangsa dan pusat pengedaran serantau. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kita tahu negara kita ialah pengerusi kepada OIC, dan kita mempunyai hubungan diplomatik boleh dikatakan seluruh negara-negara Islam. Industri halal boleh menjadi satu sumber pertumbuhan baru pada ekonomi negara terutama orang Melayu ataupun Islam. Soalan tambahan saya, apakah program-program khusus yang telah dan sedang dirancang oleh pihak kerajaan atau kementerian dalam membantu membangunkan usahawan-usahawan Melayu terutama Islam dalam industri halal negara ini agar mereka dapat mencapai ke tahap pengeksport-pengeksport barang-barang tersebut ke negara-negara luar terutamanya ke negara-negara Islam. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa industri halal merupakan industri yang mempunyai potensi besar terutama untuk meningkatkan kedudukan bumiputera sebagai suatu kuasa ekonomi di peringkat global. Dari segi beberapa aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak MITI dan MATRADE pertama menganjurkan OIC *Trade Exhibition* sempena OIC *Trade Forum* pada 20 dan 21 Julai. Di sini terdapat 181 pelawat perdagangan termasuk 466 ahli perniagaan asing yang terlibat. Misi pemasaran khas untuk produk halal di OIC *Trade Forum* yang dapat menjana RM65.5 juta jualan. Lawatan dan jalinan rangkaian sempena *Thailand Food Exhibition 2005* melibatkan penyertaan 17 pengeluar makanan halal.

Penyertaan di Euro halal *Trade Exhibition* di Paris pada 6 hingga 8 Jun yang dapat menarik 127 syarikat Malaysia, MIHAS MATRADE Trade Matching Program pada 29 hingga 30 Julai yang dapat menghasilkan jualan RM217 juta. Kemudian misi pemasaran khas ke China yang dapat menghasilkan RM52.19 juta. Bagi tahun 2006 kita mensasarkan untuk Mihas 2006 dapat membawa masuk 120 *buying mission*. Kemudian penyertaan Pameran Perdagangan Antarabangsa Gulf Food Dubai dan pameran Euro-halal. Kemudian menerbitkan direktori untuk *exporters* Malaysia halal produk. Di samping itu kita mengadakan latihan untuk memastikan mereka yang berminat dalam produk ini memahami dari segi label dan bungkusan dan sebagainya di samping mengadakan geran sebanyak RM10 juta bagi tujuan untuk pembangunan dan promosi halal.

2. **Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah mengikut pecahan kaum bagi pegawai berpangkat Leftenan ke atas yang sedang berkhidmat di dalam Tentera Udara Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Diraja Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membuat soalan ini. Saya ingin maklumkan bahawa daripada jumlah keseluruhan 9,629 orang pegawai yang sedang berkhidmat, nisbah peratus mengikut keturunan ialah 91.3 pegawai berketurunan Melayu, 2.8% berketurunan Cina, 3.2% berketurunan India, 0.6% berketurunan Sikh, 0.9% berketurunan Iban dan 1.1% berketurunan lain-lain. Terima kasih.

Tuan Huan Cheng Guan: Jawapan banyak cepat ya. [Ketawa]. Tak sempat mahu bangun, terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Jawab ikut soalan ya. [Ketawa].

Tuan Huan Cheng Guan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang amat terperinci [Ketawa]. Tetapi, dari apa yang di maklum oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dapati penyertaan kaum bukan bumiputera dalam angkatan tentera memang masih kurang lagi, memang terdapat jurang yang amat besar di antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera.

Kalau kita dibandingkan dalam Polis Diraja Malaysia memang kita terdapat lebih kurang 30% bukan bumiputera yang terdapat dalam pasukan Polis. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam angkatan tentera penyertaan kaum bumiputera dan bukan bumiputera khususnya berhubung dengan pangkat di peringkat Brigedier Jeneral ke atas terdapat berapa bumiputera dan bukan bumiputera, cuma Brigedier Jeneral yang atas di mana soalan saya tanya kementerian ialah minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah mengikut pecahan kaum bagi pangkat pegawai berpangkat Leftenan ke atas yang sedang berkhidmat.

Saya ingin tahu mengapa kaum bukan bumiputera 'tidak' suka untuk menyertai pihak angkatan tentera dan soalan saya apakah kaedah dan usaha yang akan diambil oleh kerajaan bagi menarik lebih ramai bukan bumiputera untuk menyertai angkatan tentera Malaysia. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, angkatan tentera negara ini dipanggil Angkatan Tentera Malaysia bukan Angkatan Tentera Melayu atau Tentera Cina atau Tentera India dan kita beri peluang kepada semua rakyat di negara ini menyertai Angkatan Tentera dan kita juga beri peluang kepada semua Angkatan Tentera dan rakyat negara ini menyertai ataupun mengambil peluang untuk mencapai kedudukan sehingga sampai kepada pangkat Jeneral.

Saya ingin menyatakan bahawa terdapat kekurangan rakyat bukan bumiputera menyertai dalam angkatan tentera dan juga termasuk kekurangan rakyat bukan bumiputera mencapai dan mendapat kedudukan pangkat berbanding dengan bumiputera di semua tahap. Walaupun demikian Kementerian Pertahanan dan kerajaan sendiri memang menggalakkan supaya rakyat bukan dari kalangan bumiputera digalakkan dan diberi peluang menyertai dalam bidang ini. Untuk mereka yang sehingga sampai kepada kelulusan universiti *degree* dan diploma pihak angkatan tentera telah memberi peluang kepada mereka untuk menghadiri temu duga, dan kemudian sekiranya mereka dipilih diberi peluang untuk mengikuti kursus untuk menjadi pegawai di dalam angkatan tentera.

Apabila mereka lulus daripada kursus selama 8 bulan dan 16 bulan, yang berkelulusan *degree* dan tamat kursus di dalam angkatan tentera mereka akan diberi pangkat Kapten dan yang berkelulusan diploma dan lulus dalam latihan ketenteraan mereka akan diberi pangkat Mejar. Inilah galakan yang kita beri kepada bumiputera dan bukan bumiputera. Anak-anak di peringkat universiti dan peringkat sekolah menengah kita galakkan menjadi PALAPES di peringkat universiti, dan menjadi persatuan angkatan - kita kata ini macam PALAPES di sekolah untuk mengikut rancangan ini. Ini terpulang kepada kedudukan sekolah yang berkenaan.

Kalau berdekatan dengan kem tentera laut mereka menjadi kumpulan PALAPES Tentera Laut dan Tentera Udara mereka menjadi kumpulan PALAPES Tentera Udara. Begitu juga kepada Tentera Darat. Ini tidak ada sekatan. Janganlah Ahli Yang Berhormat membawa cerita bahawa kita pilih kasih dan kita pilih bulu. Mereka yang berminat akan menyertai kumpulan ini. Terima kasih.

Tuan Huan Cheng Guan: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya cuma hendak memberi penjelasan kepada Yang Berhormat bahawa saya tidak menyatakan bahawa kementerian pilih kasih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Wah, Sri Gading.

Beberapa Ahli: [Sorak]

Seorang Ahli: Mahu kahwinkah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bidang ketenteraan dan bidang kepolisan adalah bidang kerja yang mulia. Kita memahami kesukaran hendak merekrut tentera dan polis yang baru.

Apakah tidak terfikir oleh kerajaan sebab utama kurang minat rakyat kita berbilang kaum bukan sahaja di kalangan orang Melayu, Melayu pun kadang-kadang berfikir dua tiga kali kerana gaji yang tak berapa lumayan. Soalnya ialah tarikan gaji, kemudahan-kemudahan dan kebajikan-kebajikan yang lain. Apakah kerajaan tidak berhasrat, tidak bercadang untuk melipatgandakan gaji, elaun dan imbuhan-imbuhan kebajikan yang lain sebagai satu tarikan yang kuat untuk warganegara muda kita berbilang kaum menceburi bidang ketenteraan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Kerajaan telah berfikir sama ada untuk polis ataupun untuk tentera. Skim gaji angkatan tentera ini telah diperbaharui sejak tahun lepas. Selain dari skim yang ada, kita juga memberi kemudahan-kemudahan yang lain termasuk elaun dan sebagainya.

Kemudahan elaun yang tertinggi yang terdapat dalam angkatan tentera ialah di dalam Angkatan Udara Diraja mengikut kategori dan *stripe* mereka masing-masing. Galakan ini sebagai satu cara yang membolehkan Angkatan Tentera Udara dapat, bukan menyekat tetapi menarik profesional dalam kelulusan memandu kapal terbang ini tidak meninggalkan TUDM untuk berhijrah kepada komersial *airline*. Kita memberi galakan ini dan sehingga hari ini kita ada 100,360 anggota angkatan tentera kita, tetapi dalam masa yang sama kita juga tidak berhajat sangat untuk memperbesarkan bagi menampung walaupun kita ada masalah pengangguran dalam negara kita, maka peluang untuk berkhidmat dalam angkatan tentera menjadi sumber mengurangkan bilangan pengangguran, itu bukan tujuan.

Tujuan kita ialah untuk keperluan di dalam negara ini, untuk mempertahankan negara ini dengan profesional dan kelulusan angkatan tentera yang lebih moden dan mampu mempertahankan negara ini dengan semangat patriotisme yang tinggi. Oleh sebab itulah anggota-anggota tentera ini diberi perhatian. Mereka yang telah ada di dalam pada ketika ini saya percaya kedudukannya lebih baik daripada masa-masa yang lepas, dan mereka yang telah ataupun meninggalkan angkatan tentera kita telah ada satu badan untuk mengelola dan melihat masa depan mereka, dan ini menandakan bahawa kerajaan dan Kementerian Pertahanan mengambil berat tentang anggota-anggota tentera waktu berada di dalam sebagai anggota tentera dan meninggalkan atau berpencen daripada anggota tentera dan waktu berada di luar. Ini menunjukkan bahawa kerajaan mengambil berat dan memberi perhatian bukan sahaja kepada anggota tentera bahkan kepada keluarga mereka termasuk pendidikan anak-anak di sekolah. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dan terima kasih.

3. **Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah polisi kementerian berkaitan had laju memandu di jalan raya di Langkawi memandangkan pelancong tidak gemar memandu dengan kelajuan yang tinggi kerana lebih berminat untuk menikmati keindahan di sepanjang jalan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memandangkan minat para pelancong untuk menikmati keindahan di sepanjang jalan dan bagi menggalakkan pertumbuhan pelancongan di Pulau Langkawi, kementerian ini akan terus menyediakan kemudahan-kemudahan dan membina *look out point*, dengan izin di tempat-tempat yang sesuai dan menarik supaya memudahkan para pelancong untuk menikmati keindahan di Langkawi. Antaranya ialah pembinaan lokasi perhentian sementara yang dikenali sebagai *visitor point*, dengan izin di mana pelancong dapat berhenti seketika untuk menikmati keindahan Langkawi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jalan-jalan di Langkawi terdiri daripada jalan Persekutuan, jalan negeri, jalan perbandaran dan jalan kampung. Jalan-jalan tersebut di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan – jalan Persekutuan, Jabatan Kerja Raya Negeri - jalan negeri dan pihak berkuasa tempatan - jalan bandaran dan pejabat daerah -

jalan kampung. Had laju jalan di Langkawi bergantung kepada jenis jalan tersebut dan tertakluk kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Bagi jalan utama negeri dan Persekutuan sementara bagi jalan-jalan di bawah Majlis Perbandaran Langkawi tertakluk kepada *Street Drainage and Building Act 1974*, dengan izin. Bagi jalan utama had laju maksimum ditetapkan pada 90 kilometer sejam, manakala bagi jalan bandaran had lajunya ditetapkan kurang daripada 60 kilometer sejam.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, orang-orang India Langkawi kirim salam kepada Dato' Seri.

Tuan Yang di-Pertua, Langkawi kenderaannya lebih kurang 50,000 sahaja dan saya tidak nampak mengapa jalan daripada Kuah ke Airport perlu dibesarkan dengan *dual carriage way* atau dua jalan kerana pada saya ini akan menyebabkan pelumba-pelumba haram dan juga *certain part* saya harap janganlah pula jalan yang dari Kota ke Pantai Kok tidak perlu dibesarkan kerana ia hanya yang *needed* hanya *certain part, that's all*. Lebih baik jumlah perbelanjaan lebih kurang RM116 juta antara Kuah dengan Airport itu dibelanjakan untuk membuat jalan daripada Temoyong ke Kota Malai dan juga mungkin satu hari nanti antara Kok atau Kurau ke Datai melalui kawasan yang tepi laut. Kalau buat demikian sudah tentulah Langkawi akan menjadi masyhur lagi kerana kalau Ahli Yang Berhormat pergi ke Langkawi jalan itu perlu diadakan, kerana kalau ia dibuat akan menjadi macam Monaco ataupun jadi macam Italy, jalan yang berlekok-lekok melalui hutan dan juga melalui gunung ganang. Minta pendapat Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mula membina jalan di Pulau Langkawi kita kena jaga sikit. Ini kawasan indah. Ada juga beberapa pihak berkuasa untuk menjaga keindahan. Selain daripada itu kita kena jaga perkara-perkara yang ada kaitan dengan alam sekitar. Mana-mana jalan pun kita tidak membenarkan sesuka hati kita. Semuanya ada dalam kekuasaan beberapa agensi–agensi kerajaan.

Walau bagaimanapun, di mana ada jalan sempit kita telah membesarkan jalan. Apabila kita membesarkan jalan ada juga rumah-rumah dan kedai-kedai kecil di tepi jalan kena roboh. Ini juga akan mendatangkan masalah. Walau bagaimanapun, saya telah menghantar kepada kerajaan kita mesti mengadakan satu perancangan pada keseluruhannya kepada Pulau Langkawi untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai satu pulau yang antarabangsa, tetapi ini belum lagi dapat diselesaikan lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah. Maaf Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Gelang Patah di sebelah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita bukan sahaja kisah tentang kereta yang dipandu terlalu laju, tetapi kita juga diganggu oleh kenderaan yang dipandu terlalu perlahan khususnya di jalan-jalan dalam bandar. Mereka menghalang lalu lintas. Soalan saya ialah, adakah kementerian bercadang menentukan had laju minimum bukan maksimum bagi jalan-jalan raya di dalam kawasan bandar raya supaya kereta-kereta ini tidak menghalang pengguna jalan raya yang lain, supaya kelicinan trafik di jalan raya kawasan bandar dapat terjamin.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara berkenaan dengan had laju, kita boleh juga mengadakan beberapa undang-undang baru. Yang kedua, kita boleh mengadakan beribu-ribu papan tanda dan kita juga boleh mengadakan beberapa banyak penguat kuasa, mata-mata dan lain-lain tetapi minda pembawa kenderaan itu kita tidak boleh tukar. Kami tidak mempunyai apa-apa mekanisme untuk menukar minda mereka.

Kita juga boleh menetapkan berapakah had laju di sesuatu tempat. Ada juga sedikit kawasan 110 km/j, ada juga 90 km/j dan ada yang 60 km/j. Kalau 60km/j bererti pada masa dahulu 30 batu sejam. *Safelah*. Sangat bagus. Tetapi macam itu pun ada juga kemalangan berlaku dan orang mati.

Saya percaya satu *psychology exercise* mesti diadakan untuk memberitahu kepada pembawa-pembawa kenderaan mereka mempunyai tanggungjawab untuk menjaga

kepentingan nyawa orang di atas jalan. Itu satu perkara yang penting. Apa yang kami buat, kami taruh papan tanda dan undang-undang baru. Sekarang ini 90 kilometer sudah jadi 110 kilometer, ada juga orang yang mahu jadikan 120 kilometer pula! Dengan itu bolehlah kasi mati lebih oranglah. *[Ketawa]* Inilah masalah manusia, Tuan Yang di-Pertua.

4. **Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah untuk menaikkan mutu perkhidmatan bagi *Southern Waste Management* (SWM) supaya menyediakan mutu perkhidmatan yang lebih sempurna, khasnya di kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Syarikat *Southern Waste Management Sdn. Bhd.* sedang melaksanakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan kerja pembersihan secara interim di seluruh negeri Johor dimulai dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Johor Bahru pada 1 November 1997. Di antara syarat yang dikenakan kepada syarikat konsesi dalam masa interim ialah perkhidmatan yang diberikan hendaklah sekurang-kurangnya sama atau lebih baik daripada perkhidmatan yang diberikan oleh PBT sebelum diambil alih.

Pelaksanaan pengambilalihan interim ini merupakan langkah sementara sebelum kerajaan memuktamadkan keputusan penswastaaan pengurusan sisa pepejal. Ekoran daripada itu, bayaran perkhidmatan bulanan yang dibayar oleh PBT kepada syarikat konsesi tidak dikaji semula dan masih menggunakan kadar lama seperti di awal pengambilalihan tersebut walaupun kos operasi telah meningkat. Dalam hal ini, beberapa tindakan telah dan sedang diambil oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta PBT bagi membantu pihak syarikat meningkatkan mutu perkhidmatan seperti memberi bantuan kewangan kepada syarikat dan PBT yang tidak berkemampuan.

Bagi perkhidmatan di kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah beberapa tindakan telah diambil oleh syarikat *Southern Waste Management* sebagai usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. Di antaranya ialah:

- (i) menempatkan seorang *liaison officer* secara sepenuh masa di PBT berkenaan bagi mengendalikan semua urusan aduan yang berkaitan dengan perkhidmatan syarikat. Ini membolehkan aduan-aduan yang diterima dari orang awam dapat diambil tindakan dengan segera;
- (ii) menyediakan talian *hotline* 1-800-880-200 untuk menerima sebarang aduan dari orang awam;
- (iii) menyediakan borang khas kepada ahli-ahli majlis bagi melaporkan sebarang aduan dalam kawasan masing-masing secara terus kepada pihak syarikat;
- (iv) mewujudkan *squad team* bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang memerlukan tindakan segera; dan
- (v) menganggotai empat jawatankuasa tetap PBT yang setiap satunya bermesyuarat sekali pada setiap bulan. Oleh yang demikian, sebarang atau teguran dapat diambil tindakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dijangkakan setelah penswastaaan perkhidmatan perusahaan sisa pepejal dilaksanakan sepenuhnya kelak, mutu perkhidmatan yang lebih sempurna, efisien dan lebih sistematik serta tidak mencemar alam sekitar dapat dicapai oleh syarikat-syarikat konsesi.

Puan Tan Ah Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, ramai penduduk mengadu bahawa SWM tidak memungut sampah tertentu misalnya rumput dan ranting kecil yang dimuatkan dalam beg plastik atau kotak; atau lampu rosak yang diletakkan di tepi tong sampah,

kononnya mereka memungut sampah dapur sahaja. Adakah kementerian bercadang melihat semula perjanjian yang dibuat dengan SWM supaya semua sampah rumah kediaman juga dipungut. Sekian, terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Seperti mana yang saya telah jawab tadi bahawa sekarang ini perjanjian masih lagi di peringkat interim. Kerajaan dalam kajian akhir di pihak EPU untuk membawa kepada kabinet untuk keputusan bagi memuktamadkan. Insya-Allah segala aduan dan komplain daripada rakyat akan diambil kira termasuklah daripada kawasan di mana *Southern Waste Management* bertanggungjawab seperti di Johor - bukan sahaja di Johor malah di seluruh kawasan di mana pihak konsesi telah pun diberi tanggungjawab untuk penswastaaan pemungutan sampah ini. Segala-galanya akan diambil kira dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya dan saya yakin apabila keputusan telah dibuat, ia akan mengambil kira segala-galanya dan akan memberikan kepuasan kepada semua yang terlibat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, bolehkah saya bertanya kepada Timbalan Menteri, mengapakah kita perlu menswastakan pengutipan sampah sarap ini walhal majlis tempatan diwajibkan dari segi undang-undang untuk mengendalikan perkara macam ini dan dengan menswastakan perkara seperti ini adakah cukai taksiran di majlis tempatan akan dihapuskan setakat pengutipan yang dibuat oleh *Southern Waste Management* dan adakah *Southern Waste Management* hanya bagi negeri Johor sahajakah atau ke seluruh negara? Adakah kerajaan membenarkan lain-lain syarikat untuk mengambil alih kerja yang dibuat oleh majlis tempatan?

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Keputusan ini telah pun dibuat awal lagi daripada tahun 1995 dan telah mula dilaksanakan pada tahun 1997 iaitu di negeri Selangor, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang yang melibatkan syarikat-syarikat konsesi Alam Flora dan juga *Southern Waste Management* dan pertanyaan Yang Berhormat tadi sama ada ini akan menyebabkan kutipan cukai tidak lagi dikenakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, apabila penswastaaan ini dilakukan sebenarnya ada dua kaedah pembayaran - satu *direct billing* iaitu *direct* kepada *consumers* ataupun yang keduanya *indirect billing* iaitu PBT akan membayar dan tentunya mungkin kita lebih mirip kepada PBT membayar kepada syarikat konsesi. Apabila PBT yang membayar kepada syarikat konsesi tentulah pembayaran ini hasil daripada kutipan cukai terhadap rakyat yang ada duduk di kawasan PBT tersebut.

Walau bagaimanapun sekarang ini kutipan cukai ini pun tidak sebenarnya mencukupi untuk tujuan pembayaran kepada syarikat konsesi kerana kebanyakan PBT kita tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk bukan sahaja kutipan sampah, pembersihan dan sebagainya, kadang-kadang tidak pun mencukupi untuk pembayaran gaji kakitangan mereka. Kerajaan Persekutuan masih lagi terpaksa membantu PBT dalam usaha untuk kebersihan dan kutipan sampah ini.

Tujuan kerajaan sebenarnya ialah untuk mempertingkatkan lagi kebersihan di dalam negara kita ini. Itulah sebabnya diadakan antara lain mengapa penswastaaan ini dilaksanakan. Tetapi seperti yang saya maklumkan awal tadi lagi bahawa keputusan untuk memuktamadkan ini masih lagi di dalam pertimbangan kerajaan, belum ada keputusan yang *final* sehinggalah kabinet telah mengambil kira segala-galanya dan membuat keputusan yang muktamad.

Soal sama ada ini akan dilaksanakan di seluruh negara, setakat ini ianya adalah untuk kawasan PBT di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja. Itu pun kita akan tunggu sehingga keputusan seperti yang saya sebutkan tadi muktamad daripada kabinet nanti.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sisa pepejal ini masalahnya bukan di Semenanjung sahaja, di Sabah pun ada masalah. Tentulah apabila saya mengemukakan soalan, kementerian mengatakan di Sabah tidak ada kuasa Kementerian Persekutuan. Saya sudah tahu tentu jawapannya

tidak ada kuasa. Kalau begini jawapannya tentu sekali masalah kita di Sabah tidak akan selesai kalau kita tinggalkan masalahnya kepada kerajaan negeri sahaja.

Sisa-sisa pepejal ini memudaratkan kawasan-kawasan yang mereka ini tidak bertanggungjawab. Walaupun ada syarikat yang sudah diberi kontrak untuk mengambil dan mengumpul, mereka ini tidak bertanggungjawab. Banyak sampah-sampah yang telah mereka kumpul dimasukkan ke dalam lori kemudian apabila lori berjalan semua sampah jatuh ke jalan raya. Kita minta kalau boleh apa polisi Kerajaan Persekutuan ke seluruh negara, bukan di Semenanjung sahaja, termasuk Sabah dan Sarawak polisi baru untuk kita menangani sisa pepejal ini. Ini saya minta.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kalabakan. Sebenarnya saya akan menjawab bukan seperti mana yang di *expect*, dengan izin, oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan. Bukan kita mengatakan bahawa kita tidak ada kuasa bagi negeri Sabah dan Sarawak tetapi oleh sebab negeri Sabah dan Sarawak merasakan mungkin mereka ingin supaya kerajaan negeri yang melaksanakan kutipan sisa pepejal ini di negeri masing-masing. Sekiranya kedua-dua kerajaan negeri ini berminat untuk turut serta dalam penswastan seperti mana yang dijalankan di semenanjung Malaysia, mungkin bolehlah diadakan perbincangan yang lebih lanjut lagi di antara kedua-dua kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan supaya mereka juga tidak ketinggalan dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi kebersihan di dalam negara kita ini khususnya di dalam kutipan sisa pepejal ini. Terima kasih.

5. **Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah kes-kes pembunuhan anggota polis semasa bertugas sejak 5 tahun yang lalu dan apakah usaha kementerian untuk mempertingkatkan keselamatan anggota polis.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jumlah kes anggota polis yang mati dibunuh semasa bertugas bagi tahun 2000 hingga 2005 adalah sebanyak 4 kes dan 17 anggota trafik yang maut ketika menjalankan tugas mereka. Kementerian telah mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan kepada anggota-anggota dan pegawai polis dengan membekalkan baju kalis peluru bagi melindungi nyawa anggota yang bertugas dan semua kereta-kereta peronda turut dilengkapi dengan peralatan tersebut.

PDRM juga turut mengarahkan semua anggota menggunakan peralatan tersebut semasa menjalankan operasi-operasi yang dianggap berisiko tinggi berlakunya kejadian tembak menembak. Di samping itu juga, PDRM turut mengadakan latihan khusus dan khas untuk pegawai dan anggota semasa mengendalikan operasi dan tugas mereka. Terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya mengucapkan tahniah kerana saya menjangkakan sejumlah anggota yang ramai terbunuh dalam tempoh lima tahun, rupanya hanya empat kes. Walaupun kita tahu jumlah polis kita kekurangan lebih kurang 26,000, lebih kurang macam itu, kalau kita tengok *ratio* 1:286 penduduk.

Cuma soalan saya, apakah kebajikan keluarga yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada anggota kita yang terbunuh? Saya tidak merujuk kepada yang terbunuh semasa menjalankan tugas trafik dan sebagainya. Ini kerana mereka yang terbunuh semasa tembak menembak dengan penjenayah ini risikonya lebih tinggi. Dan, adakah keluarga kepada empat anggota kita yang terbunuh ini terbela sehingga hari ini? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Itu yang terbunuh, tetapi yang tercedera ada 36 orang. Apabila seorang anggota polis itu terbunuh sewaktu menjalankan tugas, kerajaan menyediakan bantuan daripada Tabung Amanah Perwira Negara (TAPN), hanya RM20,000 dan juga kalau melalui insurans Koperasi Polis akan dapat RM10,000. Dalam masa yang sama anggota tersebut akan menikmati faedah-faedah pencennya.

Mengenai empat keluarga yang Yang Berhormat bangkitkan, saya tidak dapat maklumat terperinci. Kita juga ada satu tabung, Tabung Amanah Polis, di mana dalam mesyuarat yang baru-baru ini kita telah pun membuat keputusan untuk kita mengambil anak angkat kepada mana-mana anggota polis yang terbunuh ataupun yang tercedera sewaktu mereka menjalankan tugas. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya mahu minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, adakah polis negara kita diberi latihan yang sebenarnya mencukupi untuk mereka menjalankan tugas dengan cemerlang dan selamat? Juga untuk mengetahui tahap kecekapan pasukan polis negara kita, di manakah *benchmark* yang kita pakai dalam latihan? Adakah kita mengikut *standard* polis di UK, Australia, US ataupun kita Malaysia sendiri?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, soalan Yang Berhormat. Sebenarnya latihan yang polis kita dapat memang *standard* yang baik, dan kita juga memberikan latihan kepada beberapa buah negara lain datang untuk belajar, untuk membuat latihan. Ini kerana daripada perkhidmatan polis, kita boleh dikatakan polis yang terbaik. Daripada kes-kes penyiasatan, saya beri contoh, kalau Yang Berhormat lihat, daripada latihan kita tengok hasil kerja mereka. Kalau mengikut *standard* Interpol, *standard* yang diletakkan ialah 25% untuk kes-kes penyelesaian, tetapi polis kita dapat menyelesaikan kes yang diadukan kepada mereka sampai ke tahap 45%. Ini dua kali ganda daripada *benchmark* penyelesaian kes yang ditetapkan oleh pihak Interpol.

Daripada hasil kerja ini dan dengan bilangan polis kita yang berkurangan kalau dibandingkan dengan penduduk, bahawa polis kita mampu dan berjaya menjaga keselamatan di dalam negara. Tetapi sudah tentulah kita tidak menafikan

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Seputeh bangun, saya tahu hendak tanya pasal isu wanita itulah, yang China itu. Kita tidak nafikan bahawa dalam anggota polis, lebih kurang ada 85,000, ini adalah mustahil kita boleh pastikan semua mereka ini akan patuh, akan mengikut segala peraturan. Sudah tentu kurang 1% pun, kalau kita lihat perangkaan tidak sampai 1% anggota-anggota polis yang terlibat, mungkin dalam rasuah ataupun salah laku.

Adalah tidak adil kalau bilangan yang 1% ini boleh memberikan gambaran yang negatif kepada keseluruhan pasukan polis yang begitu banyak berjasa kepada negara kita. Sebab itu negara kita menjadi tumpuan pelancong-pelancong, mereka merasa selamat sebab perkhidmatan polis kita terbaik, kalau kita bandingkan dengan keadaan polis-polis yang lain. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6. **Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memasang lampu di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan untuk mempertingkatkan keselamatan pengguna lebuhraya tersebut terutamanya dalam keadaan hujan lebat dan waktu malam.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang berhasrat untuk memasang lampu jalan di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan. Walau bagaimanapun, disebabkan sumber kewangan yang terhad, maka pihak kerajaan tidak mampu untuk berbuat demikian pada masa sekarang.

Pemasangan lampu jalan telah berjaya dipasang di beberapa kawasan mengikut keperluan, khususnya di kawasan penempatan dan trafik yang tinggi. Seperti di Lebuhraya Baru Lembah Pantai, Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE). Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dari Sungai Besi ke Nilai dan sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan hubungan tengah dari Nilai ke persimpangan Shah Alam dan NKVE.

Di samping itu, bagi menjamin keselamatan pengguna Lebuhraya Utara-Selatan, lampu jalan telah dipasang di semua persimpangan bertingkat, kawasan rehat dan rawat dan hentian sebelah supaya dapat menerangi kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya pihak kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk memasang lampu jalan di sepanjang laluan dari Sungai Buluh ke Slim River dan juga dari Nilai ke Air Keruh, dalam perancangan sahaja.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamad [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebab saya bertanyakan soalan ini adalah kerana pengguna lebuh raya sekarang lebih gemar memandu pada awal waktu malam, terutamanya dari jam 7 hingga 12 tengah malam, kerana keadaan cuaca yang sejuk dan sebagainya.

Oleh itu jumlah kereta yang ada di atas jalan raya pada ketika itu amat tinggi dan sering menimbulkan kesesakan lebuh raya. Keadaan ini bertambah sulit apabila berlaku hujan yang lebat sehingga pemandu tidak dapat melihat di hadapan mereka. Kedua-dua faktor ini juga membahayakan pemandu di sesetengah kawasan lebuh raya yang telah dikenal pasti sebagai kawasan berbahaya disebabkan oleh kualiti permukaan jalan yang licin dan sebagainya.

Soalan tambahan saya, sekiranya kerajaan belum lagi bercadang untuk memasang lampu di sepanjang lebuh raya ini kerana kosnya, adakah kerajaan bercadang untuk sekurang-kurangnya memasang lampu di kawasan berbahaya yang telah dikenal pasti, dan sering berlaku kemalangan yang lain daripada tempat-tempat yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi demi keselamatan pengguna lebuh raya. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah membaca dengan laju, saya tidak boleh mengerti apa itu? *[Ketawa]* Bagilah sedikit masa untuk saya dengar. Tidak dapat dengar macam mana saya mahu jawab. Terus sahaja baca, mana boleh? Bagi *break* sedikitlah. *[Dewan gamat]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamad: Bukan Yang Berhormat, selalunya Tuan Yang di-Pertua dia potong saya kalau saya hendak cakap lebih. *[Ketawa]* Saya terpaksa laju sedikit. Sebenarnya soalan tambahan saya, Yang Berhormat telah mengenal pasti tempat-tempat tertentu, tetapi ada lagi tempat-tempat tertentu di lebuh raya yang juga berbahaya, yang perlu dipasang lampu kerana pemandu lebih suka memandu pada waktu malam, jadi gelap tidak nampak.

Kedua, kalau timbul hujan yang lebat pun tidak nampak juga. Tetapi ada sesetengah tempat di lebuh raya yang keadaannya berbahaya, yang belum lagi dipasang lampu. Soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan juga bercadang untuk memasang lampu di tempat-tempat yang berbahaya ini dan yang sering berlaku kemalangan ini? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Lebuh Raya Utara-Selatan direka bentuk mengikuti dengan piawaian antarabangsa. Mana satu kawasan yang Yang Berhormat percaya bahaya? Itu saya tidak percaya. Kalau Yang Berhormat sebut Jalan Persekutuan, saya bersetujulah. Mana ada kawasan berbahaya, semuanya jika kita ikut dengan laju yang ditetapkan oleh kerajaan, tidak ada masalah. Jalan dengan lajunya 110 – ada orang ikut dengan 175, 180 – macam mana, mesti berbahayalah. Dia tidak peduli dengan nyawanya sendiri.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat kata masa hujan kita tidak boleh melihat. Itulah yang saya kata tadi, kita berperingkat-peringkat akan mengambil kira pemasangan lampu. Seluruh lebuh raya boleh pasang. Tidak ada duit. *[Ketawa]* Kita bukanlah boleh dapat duit dari kerajaan tiap-tiap kali. Kita belanja di lebuh raya RM5 juta, RM10 juta, RM100 juta, RM200 juta tetapi Jalan Persekutuan kita tidak ada belanja duit, lebih orang meninggal.

Hah, itulah sejarahnya sekarang! Oleh kerana itu, saya memohon maaf kepada Yang Berhormat, tunggulah, sabarlah sikit hari boleh dapat. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, siapa yang bertanggungjawab untuk memantau lampu-lampu di jalan raya Utara-Selatan dan lain-lain jalan ini? Sama ada JKR ataupun TNB, Majlis Tempatan atau siapa? Sebab saya nampak kadangkala tidak ada, sudah rosak seperti di MRR2 itu, bukan

sahaja masalah keretakan bahkan juga masalah lampu. Kadangkala lampu terjuntai, kita tidak tahu siapa yang bertanggungjawab?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lampu kena terjuntailah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat terangkan, sama ada pihak JKR serahkan kepada TNB untuk memantau dan untuk memperbaiki lampu yang sudah tidak ada.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ada juga beberapa pihak akan menjaga. Iaitu salah satunya kawasan-kawasan yang ada dalam tangan JKR, kita sendiri jaga. Dan, lampu-lampu yang kita serahkan kepada majlis-majlis tempatan, itu di bawah kuasa Majlis Tempatan. Ada dua pihak sahaja. Jalan-jalan lampu telah dipasang dari Sungai Besi ke Nilai sudah diserahkan kepada Lebuhraya Utara-Selatan untuk menjaga dan memasang lampu-lampu *extra* jika ada dan bukannya satu pihak.

7. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa harga makanan dan minuman di restoran-restoran dan baru-baru ini di kedai-kedai nasi kandar dikenakan cukai perkhidmatan 5%. Apakah bentuk perkhidmatan diberi kepada pelanggan sehingga dikenakan cukai tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, restoran, kedai makan termasuk kedai nasi kandar adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan apabila nilai jualan tahunan mencapai RM500,000 bagi tempoh 12 bulan. Ini dikenakan semenjak tahun 70-an lagi.

Cukai perkhidmatan tersebut adalah sebanyak 5% yang dikenakan ke atas perkhidmatan menyediakan atau menjual makanan, minuman dan keluaran tembakau, berdasarkan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Cukai perkhidmatan merupakan sejenis cukai tidak langsung yang dikenakan ke atas pengguna melalui pemegang lesen cukai perkhidmatan, contohnya pemilik restoran dan kedai nasi kandar.

Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan dan pengusaha berkaitan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah akta tersebut.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Banyak kedai, kami pun ragu-ragu sama ada selepas mengenakan cukai kepada pelanggan-pelanggan mereka, mereka pun ada membayar kepada kerajaan atau tidak. Seperti di R&R, lebuhraya, mereka mengenakan 5% cukai perkhidmatan tetapi tidak beri bil langsung, jadi bagaimana mereka hendak mengambil kira atau pihak kerajaan hendak mentaksirkan mereka untuk mengenakan mereka membayar cukai.

Di dalam hal ini, khususnya di R&R – sama ada kerajaan akan memansuhkan tindakan ini, iaitu mengenakan 5% cukai perkhidmatan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut tadi di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975 memang sebenarnya pihak Kastam akan meneruskan usaha mereka untuk mengenal pasti kedai-kedai atau premis-premis yang patut dikenakan cukai perkhidmatan. Memang ada kedai-kedai yang tidak bagi resit apabila pelanggan membeli barangan daripada kedai itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang ada dalam Peraturan Cukai Perkhidmatan di mana bahagian cukai perkhidmatan itu tidak perlu ditunjuk, cuma dimasukkan ke dalam bil dan dikenakan bayaran oleh pelanggan. Tetapi semua kutipan cukai ini hendaklah ditunjukkan kepada pihak Kastam. Kalau benar berlaku di mana pihak tuan kedai kutip cukai perkhidmatan tetapi dia tidak bayar, ini adalah satu kesalahan yang besar yang boleh dikenakan tindakan, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kalau ada kes sebegini, boleh buat laporan dan tindakan boleh dibuat.

Untuk pelanggan-pelanggan, mereka mestilah melihat papan tanda di kedai masing-masing di mana yang mengenakan cukai perkhidmatan ada tanda dikenakan cukai perkhidmatan 5%. Kalau tidak ada, dia tidak boleh kutip, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kes 5% ini saya nampak celaru, Tuan Yang di-Pertua. Saya dok pergi makan di kedai nasi kandar atau kedai mamak tengah malam, makan roti canai apa, tidak pernah dibagi resit. Habis sangat, dia bawa mai resit, dia selit bawah pinggan. Selepas itu kita pergi bayar di kaunter, selesai. Begitu juga R&R, satu. Ini bermakna penguatkuasaan saya nampak tidak ada. Kerajaan rugi cukup banyak dan depa untung.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, cukai perkhidmatan. Perkhidmatan maknanya adakah servis kerajaan kepada kita atau servis kedai itu kepada kita? Kalau servis kedai kepada kita, Tuan Yang di-Pertua, kalau R&R, *self-service*, layan diri. Kedai-kedai makan sekarang ini semuanya *self-service*. Roti canai sahaja dia bawa mai kepada kita. Nasi kandar pun kita kena pergi beratur, dia bubuh kuah dan lauk, apa semua, *self-service* juga. Jadi ikut mana yang mai cukai perkhidmatan ini. Saya hendak minta penjelasan.

Yang ketiganya, penguatkuasaan itu saya tidak nampak. Sampai kacang rebus di R&R beli sebungkus pun ada servis ini. Kuih pau bukan besar, kuih pau kecil sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dua biji saya beli pun mahal. [Ketawa] Air milo cawan kecil pun kena *service tax*. Minta kerajaan kaji balik, tempat-tempat yang sesuai, ada *service tax*, hotel lima bintang okey, restoran mamak yang jual nasi kandar ini okey, tetapi yang hak dok tepi jalan ini kalau hendak ada *service tax* juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat di sini ada sedikit kekeliruan dari segi pemahaman umum terhadap cukai perkhidmatan ini. Sebenarnya cukai perkhidmatan ini seperti yang disebut di dalam akta itu sendiri, tahun 1975, iaitu cukai perkhidmatan boleh dikutip jika nilai jualan tahunan mencapai RM500,000.

Ia sebenarnya ada 16 kategori yang dikenakan cukai perkhidmatan.

- (i) penyediaan tempat menginap atau tempat tidur. Ini untuk hotel melebihi 25 bilik;
- (ii) penyediaan atau jualan makanan, minuman atau keluaran tembakau. Ini termasuklah restoran nasi kandar tadi;
- (iii) tempat letak kereta berbayar. Ini pun kena cukai perkhidmatan juga;
- (iv) premis untuk mesyuarat atau promosi pertunjukan kebudayaan atau fesyen;
- (v) padang golf atau lapang sasaran golf atau perkhidmatan yang berkaitan dengannya;
- (vi) insurans;
- (vii) kiriman cepat pos di mana apa-apa servis yang ada kena dengan penghantaran;
- (viii) servis am kenderaan;
- (ix) pengawal keselamatan;
- (x) perakaunan;
- (xi) pengauditan;
- (xii) penyimpanan kira-kira;
- (xiii) perkhidmatan guaman;
- (xiv) perundingan profesional;
- (xv) kereta sewa; dan
- (xvi) pengiklanan.

Ini adalah 16 kategori yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada kekeliruan berlaku. Ini saya ingat sementara sahaja. Memang kerajaan mencadangkan pada tahun 2007 akan mengadakan GST, maka cukai perkhidmatan ini akan dihapuskan peringkat demi peringkat.

Tentang penguatkuasaan memang pihak Kastam akan sentiasa bertugas berterusan untuk mengesan mereka yang patut membayar apa yang dilesenkan di bawah cukai perkhidmatan ini, Tuan Yang di-Pertua.

8. **Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apa sebab-sebabnya kes kebakaran tidak boleh dikawal di Selangor khususnya di Sepang dan Kuala Selangor yang menyebabkan keadaan berjerebu pada bulan Ogos yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan persekitaran Sepang dan Kuala Selangor yang terlibat dalam pembakaran dalam bulan Ogos 2005 adalah terdiri daripada kawasan daripada kawasan tanah paya gambut yang dimajukan untuk pembangunan pertanian. Keadaan cuaca yang kering dan tanpa hujan bagi tempoh yang panjang telah menyebabkan kawasan tanah gambut di persekitaran tersebut kering dan senang terbakar.

Punca kebakaran adalah dipercayai daripada kegiatan pembersihan tanah untuk tujuan pertanian dan kesukaran yang dihadapi oleh pasukan bomba juga penyelamat ialah kekurangan sumber air dan juga kesulitan untuk memasuki tapak kebakaran yang terdapat di kawasan pedalaman. Faktor utama keadaan berjerebu pada bulan Ogos lalu bukan disebabkan oleh pembakaran terbuka dalam negara tetapi adalah kerana pencemaran merentasi sempadan, berpunca daripada kebakaran hutan dan tanah di Sumatera.

Walau bagaimanapun, bagi kebakaran di Sepang dan Kuala Selangor, penyiasatan bagi tiga kes telah selesai untuk tindakan mahkamah dan setakat ini telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk arahan selanjutnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kita sentiasa tuduh jiran kita, Indonesia, tidak kawal alam sekitar, contohnya di Sumatera dan Kalimantan. Sebab itu Malaysia sentiasa terlibat atau terjejas oleh masalah jerebu tiap-tiap tahun. Tetapi apa yang terjadi di Sepang dan Klang dan lain-lain tempat tidak dikawal dengan sebaik-baiknya, termasuk pertanian sawah padi iaitu membakar sekam. Bolehkah kerajaan ambil berat perkara ini dan guna hukuman berat termasuk penjara.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tidaklah menuduh Indonesia yang menyebabkan jerebu kepada kita, bukan kita tuduh. Tetapi kita mempunyai fakta-fakta daripada gambar-gambar titik panas dan sebagainya, memang terdapat kebakaran kebanyakannya bukan di negara kita yang menyebabkan jerebu tersebut. Jadi berdasarkan fakta tersebut, kita membuat rumusan dan keputusan bahawasanya punca sebenar keadaan jerebu di negara kita adalah tidak berasal dari negara kita sendiri.

Bagi cadangan berkenaan dengan penjara dan sebagainya itu untuk mereka yang membakar jerami padi dan sebagainya, kita sebenarnya ke arah polisi *zero burning*. Maksudnya pembakaran sifar. Ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat kerana sosioekonomi dan juga cara pertanian di negara kita sememangnya lebih baik daripada yang berlaku di negara jiran dan insya-Allah pada masa yang akan datang, pembakaran sifar ini dapat dilaksanakan dan saya rasa untuk kita memenjarakan secara mandatori bagi kes kesalahan pencemaran alam ini belum lagi kita pertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk pagi ini sekian sahaja

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of Order*, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) mengenai hal *privilege at the first available opportunity*. Baru-baru ini, beberapa minit tadi saya dapat *Hansard* semalam mengenai apa yang berlaku dalam masa soal jawab di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada diarahkan dan dia akui bahawa dia ada kata “macam monyet” dan dia tarik balik.

Inilah perkataan terakhir beliau, “*Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tidak kata, ‘Monyet’. Saya cakap, ‘Macam monyet’, tetapi perlu ditarik balik oleh Tuan Yang di-Pertua, ‘Macam monyet’, okeylah. Saya tarik balik perkataan, ‘Macam monyet’*”.

Tetapi kalau kita tengok apa dalam *Hansard* dan juga dalam video clip ada dalam Radio Malaysia, 12 minit, sekarang ada di sini boleh tengok. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menggunakan “monyet” tiga kali. Dalam *Hansard* pun, ini saya petikkan, “*Satu monyet belakang, satu monyet depan.*” Satu monyet belakang ialah sayalah, [*Ketawa*] dia tuju kepada saya. Kalau saya monyet, semua yang di sini pun monyet. Saya pun boleh ketawalah, kita semua ketawa, saya monyet, semua monyet, okey. “*Duduklah, satu monyet belakang.*” Dia tuju kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Kemudian lagi, “*Ha, tengok, monyet sekali lagi bangun.*” Dia tuju kepada Yang Berhormat bagi Tanjong.

Kita, Dewan yang mulia, ini menunjukkan bahawa beliau sudah cakap bohong. Perkataan “monyet” belum ditarik balik. Dia tarik balik ‘macam monyet’ dan sebab itu kena ungkit kerana dia sudah cakap bohong, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) untuk cadang bahawa dia dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan oleh kerana beliau telah melanggar hak keistimewaan apabila beliau bukan sahaja cakap menggunakan perkataan yang *offensive*, yang *unparliamentary* dan *obnoxious* tetapi pun sudah cakap perkara yang bohong.

Dalam penyiasatan Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan, jawatankuasa boleh siasat mengenai laporan RTM semalam yang kata bahawa saya sudah rosakkan nama baik negara oleh kerana ada pelawat-pelawat Eropah. Orang yang merosakkan nama baik ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menggunakan “monyet”, berupa monyet. Dia yang merosakkan nama negara, bukan saya. Kenapa RTM, TV2 kata saya merosakkan nama baik negara? Ini fitnah, ini dusta.

Bolehkah Tuan Yang di-Pertua bahawa kita buat satu keputusan untuk merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan oleh kerana dia cakap bohong. Dia kata monyet sebanyak tiga kali tetapi dia nafi dan dia pun belum tarik balik. Dia ada di sini, dia patut dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini kita anggap selesai. Pada mula-mulanya memang ungkapan atau sebutan yang sedemikian adalah satu yang tidak sopan, kata yang tidak sopan dilafazkan dalam Dewan yang mulia ini atau dalam bahasa Inggerisnya, *unparliamentary*. Saya telah pun meminta beliau supaya menarik balik. Pada mulanya beliau tidak menarik balik kerana beliau kata bukan berkata “monyet” tetapi “macam monyet”. Tetapi saya rasa lebih kurang samalah kesannya itu. [*Ketawa*]

Beliau tidak tarik balik. Selepas itu saya suruh tarik balik, suruh tarik juga. Bermakna penarikan yang pertama itu beliau kata bukan “monyet” tetapi “sebagai monyet”, itu yang tidak ditarik balik. Tetapi kali yang keduanya, saya juga menyarankan dan mengarahkan kepada beliau supaya menarik balik perkataan monyet itu, beliau kata beliau tarik baliklah. Itu fahaman saya. Dalam fahaman saya, beliau telah menarik balik perkataan “monyet” itu dan “sebagai monyet”, kedua-duanya. Dengan itu saya anggap perkara ini telah ditarik balik oleh beliau dan saya anggap perkara ini telah selesai.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ini dua perkara yang sangat spesifik, yang sangat jelas, “monyet” dan “serupa monyet”. Kita tengok apa dia kata, “Saya tarik balik. Saya cakap, “Macam monyet”, tetapi perlu ditarik balik oleh Tuan Yang di-Pertua, “Macam monyet”, okeylah. Saya tarik balik perkataan, “Macam monyet”.

Ini bukan sahaja melanggar hak keistimewaan ahli-ahli yang tersentuh tetapi memalukan Dewan yang mulia ini, memalukan negara kita dan khasnya oleh kerana

peristiwa ini, tengok apa yang ada dalam surat khabar. Semua laporan semalam, 9 jam mengenai tiga kementerian langsung tidak mendapat liputan. Semua mengenai monyet-monyet sahaja. Adakah semua yang dikatakan oleh Ahli-ahli Parlimen tidak guna? Mungkin apa yang dikata oleh pihak sini, pihak pembangkang dianggap sebagai tidak gunalah, tetapi adakah semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, Yang Berhormat bagi Sri Gading pun tidak guna. Satu perenggan pun tidak ada, mana?

New Straits Times, satu para pun tidak ada. *The Stars*, empat perenggan sahaja. Parlimen nampaknya diketepikan, tidak dihormati oleh media massa semacam isu monyet-monyet ini yang diciptakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita perlu ambil sikap yang serius supaya surat khabar pun memberi liputan yang sewajarnya. Perkara yang dibincangkan di sini selama 9 jam, penting dan mustahak, bukan monyet sahaja. Saya harap bahawa pengarang-pengarang mengambil perhatian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Saya memahami perasaan Yang Berhormat mengenai perkara itu tetapi semalam saya anggap perkara ini sudah selesai. Apabila beliau telah tarik balik saya anggap perkara ini telah selesai dan tidak semua seluruh Dewan pada masa itu diam tidak ada apa perkara yang berbangkit lagi. Saya anggap perkara ini selesai ya. Ahli-Ahli Yang.....

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Membantah*] [*Dewan amat riuh*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua saya kira sudah selesai sudah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Point of Order.*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini apa ini benda sudah selesai buat apa hendak diungkit-ungkit kalau tidak ada nanti kita jadi monyet nombor dua nanti.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sebab kelmarin

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat.

Tuan Chong Chieng Jen: Sebab kelmarin kita belum dapat rujuk kepada *Hansard*.

Tuan Yang di-Pertua: Other way

Tuan Chong Chieng Jen: Sebab kelmarin kita belum dapat rujuk kepada *Hansard*.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan M. Kula Segaran: Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat. Point of Order. Point of Order Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Point of Order. Ini perkara yang lain Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain. [*Dewan semakin riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Okay baik nanti sekejap.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua 26 (1) (p) ini mengenai jawapan yang diberi oleh Menteri semalam. Beliau mengatakan bahawa peguam-peguam pembangkang yang menyebabkan kes-kes ditunda di seluruh mahkamah di seluruh Malaysia. Ini tidak benar langsung dan ini adalah satu *misleading* dan saya harap....

Puan Chong Eng: Memesong. Memesong Dewan.

Tuan M. Kula Segaran:memesong Dewan. Saya harap dia dirujuk kepada *Committee of Privileges*.

Puan Chong Eng: Hah, ini memesong Dewan.

Tuan M. Kula Segaran: Ini adalah satu perkara yang tidak betul langsung Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng: Ataupun dia tarik balik.

Tuan M. Kula Segaran: Di Malaysia ada lebih kurang 13,000 peguam, di pembangkang hanya ada dua peguam, tiga peguam mana boleh kita melibatkan menimbangkan semua kes-kes. Point of Order.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua benda itu benda kecil persidangan Parlimen ini apa yang bising-bising ini. Kita banyak kerja lagi.

Puan Chong Eng: [*Masih membantah*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan M. Kula Segaran: *You* duduklah....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pi raah...

Tuan M. Kula Segaran: *You* tidak tahu ke?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Benda ini kecil sahaja. Apa yang bising-bising ini?.

Tuan M. Kula Segaran: Bila *Point the Order* saya mengambil perkara ini *you* mana ada faham.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order, Point of Order*, buat ganggu sahaja hal lain banyak hal negara banyak lagilah.

Tuan M. Kula Segaran: Saya ada hak untuk cakap *you* ada apa ada hak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa ada hak? *Don't always be bloody funny, you know you just waste the time.....*

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*] [*Dewan amat riuh*]

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Membantah*] [*Bercakap sesama sendiri*]

Tuan Yang di-Pertua: Jerai, Jerai duduk.

Tuan M. Kula Segaran: *You are also bloody useless MPs, unfit, misfit.....*

Tuan Yang di-Pertua: Jerai duduk. Ya sila.

Tuan M. Kula Segaran: Saya haraplah dia dirujuk kepada.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun perkataan keras juga tetapi janganlah.....

Tuan M. Kula Segaran: *No*, saya rasa ini bukan satu perkara yang boleh diterima Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat *very misleading, very disrespectful* lah. Saya harap satu keputusan dibuat dengan segera.....

Puan Chong Eng: Ataupun dia tarik balik, tarik balik ini.

Tuan M. Kula Segaran: Dia tidak pernah tarik balik perkara ini langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat itu adalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya dan perkara itu adalah pendapat beliau ya jadi terpulanglah kepada.....

Tuan M. Kula Segaran: Mana boleh ini pendapat kerajaan. Pendapat kerajaan

Tuan Yang di-Pertua: Terpulanglah kepada orang-orang yang berkenaan untuk menilaikannya.

Tuan M. Kula Segaran: Pendapat kerajaan adakah ini betul Tuan Yang di-Pertua?

Puan Chong Eng: Peraturan Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Pendapat beliau.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua saya rasa dia menjawab soalan sebagai timbalan menteri dan untuk menjaga nama baik kerajaan saya rasa dia boleh mempunyai

pendirian sendiri. Dia menjawab jawapan di dalam soalan bagi pihak Perdana Menteri dan dalam Dewan yang mulia ini. Dia mesti menjawab sebagai betul dan benar.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat baik, baik.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat duduk.....

Puan Chong Eng: Saya harap dia boleh jangan memesongkan seluruh negara supaya menarik balik jawapan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat duduk.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua hari ini saya ada bagi tahu kepada Timbalan Menteri dia ada di luar Dewan. Saya kata di Teluk Intan sudah tujuh bulan tidak ada hakim Mahkamah Seksyen apa sudah jadi? Ini bukan perkara pertama saya bangkit, sudah lama.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat duduk, duduk Yang Berhormat.....

Tuan M. Kula Segaran: ..Ini antara sebab di mana penangguhan kes-kes.....

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua kita hendak bincang masalah negara bukan masalah ini, sedikit-sedikit ini apalah.

Tuan Yang di-Pertua: Baik buruknya jawab Timbalan Menteri adalah terpulang kepada pihak-pihak berkenaan untuk menilainya ya. Sila.

Tuan M. Kula Segaran: Sehingga menipu pun boleh Tuan Yang di-Pertua?

RANG UNDANG-UNDANG DIBWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pelajaran; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kedua belas]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat Tuan Pengerusi, 14.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan 14 mengenai urusan mesyuarat. Semalam Tuan Yang di-Pertua ada umumkan bahawa kajian jawatankuasa untuk Kementerian Pelancongan sudah ditukar kepada hari terakhir ialah 5 Disember sebenarnya patut bermula semalam dan hari ini.

Ada sebab-sebab yang kuat kenapa pertukaran itu jadual oleh kerana kementerian sekarang, isu yang berkaitan dengan kementerian sekarang sangatlah mustahak khasnya muka depan *China Press* ada wanita-wanita dalam lokap balai polis yang dibogelkan yang disiarkan melalui SMS dan MMS semua mobile telefon. Yang akan lagi satu pukulan hebat kepada kepercayaan pelancong-pelancong khasnya daripada China apabila sudah berlaku tiga wanita Cina diseksa dan kita cuba tengok dalam *Star* hari ini '*Chinese National Leaving In Fear*' dan sekarang wanita dalam lokap polis dibogelkan.

Sebab itu Kementerian Pelancongan sangat mustahak dan apabila pinda perbahasan itu daripada hari ini kepada minggu depan kita elak daripada tanggungjawab Parlimen untuk menangani isu ini. Bolehkah kita Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua beritahu kenapa adakah kementerian beri sebab-sebab yang kukuh dan kalau tidak bolehkah kementerian ini diarah supaya bahas hari ini supaya isu-isu semacam ini yang akan menjatuhkan keyakinan orang ramai kepada pelancongan, keyakinan boleh kita bahas dalam Parlimen. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya. Notis telah diberi bahawa kementerian yang berkenaan berkehendakkan jawapan itu ditangguhkan pada masa yang telah ditetapkan yang telah diberitahu. Ini adalah oleh kerana kementerian yang berkenaan sedang menguruskan lawatan ke luar negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya telah menerima permohonan daripada Kementerian Penerangan dan membenarkan untuk giliran perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 bagi Kementerian Penerangan yang dijadualkan pada hari Rabu 30 November 2005 dipinda ke hari Isnin 28 November 2005.

Maksud B.32 [Jadual] -

Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan 2006] –

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.32 dan Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Titiwangsa.

11.23 pagi

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya di sini ingin menyentuh mengenai pelan struktur di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kalau kita perhatikan pelan struktur kita perhatian dia tidak beri banyak penekanan mengenai perkara-perkara yang lain seperti penunggang basikal. Kalau kita kaji bandar raya bertaraf dunia mana-mana pun baik dari segi London kah, New York kah kita perhatikan banyak bandar-bandar ini memberi banyak kemudahan kepada penunggang basikal.

Di sini saya rasa agak berkurangan. Saya telah dijemput oleh pihak DBKL untuk mengadakan beberapa perbincangan untuk mengadakan lorong-lorong basikal tetapi saya

rasa ini tidak mencukupi kerana ini telah dibuat secara *ad-hoc*. Saya harap pihak DBKL boleh memberi sedikit penekanan supaya mereka yang ingin menunggang basikal boleh diberi kemudahan yang lebih baik. Kalau kita perhatikan Presiden George Bush pun dalam lawatan beliau ke Beijing beliau bawa basikal dia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Yang kedua saya juga rasa pihak Kuala Lumpur patutlah membuat lebih banyak kemudahan untuk *extreme games*. Kemudahan untuk *extreme game* ini tidak banyak tidak memerlukan kawasan yang besar dan peralatannya pun agak lasak sedikit dan tidak ada benda yang perlu diselenggarakan begitu kerap. Dengan adanya *extreme games park* lebih banyak adalah diharapkan budak-budak yang dalam lingkungan umur 10 ke 20 tahun dapat satu kawasan supaya mereka dapat beriadah.

Sekarang ini kalau kita perhatikan di Kuala Lumpur pada pukul 2.00 pagi sering remaja-remaja berkeliaran dengan sebab tenaga banyaklah maklum orang muda dan kalau tidak ada tempat-tempat mereka beriadah pada siang hari saya rasa tenaga ini akan dilepaskan sebelah malam.

Ekoran daripada ini juga elok juga kalau kita memberi tumpuan kepada PPR untuk dipagarkan. Banyak telah diperkatakan mengenai kecurian dan sebagainya di kawasan-kawasan sedemikian tetapi saya rasa walaupun perkara ini telah saya timbulkan dengan Kementerian Perumahan tetapi pihak DBKL harus mengambil tindakan yang lebih tegas supaya semua kawasan-kawasan PPR didirikan pagar bukan sahaja untuk *to keep people out* tetapi lebih mustahak untuk menjaga anak-anak kita kepada sebelah malamnya kita dapat sedikit sebanyak ada kawalan kepada mereka.

Seterusnya saya ingin membangkitkan mengenai pasar moden Keramat yang masih belum siap. Saya rasa barangkali pasar ini mempunyai rekod yang terpanjang iaitu projek yang tidak siap dia sudah hampir 20 tahun masih tidak siap lagi. Saya sudah difahamkan kontraktor yang sedia ada ini diberi lanjutan sehingga hujung tahun ini. Tetapi saya rasa pihak DBKL sekiranya pada hujung tahun ini mereka tidak dapat juga menyelesaikan eloklah tindakan yang amat tegas diambil untuk di tender semula kerja-kerja yang belum siap ini.

Saya rasa ini adalah satu *big shame full that is taken so long to complete this modern* pasar ya. Akhir sekali saya ingin bertanyakan bilakah jalan pintas yang telah dirancang oleh pihak DBKL dari Jalan Tuanku Abdul Rahman ke Jalan Raja Abdullah akan disiapkan. Kalau jalan ini telah disiapkan elok juga kalau kita dapat menaik taraf kawasan persekitaran Kelab Sultan Sulaiman iaitu kelab yang begitu bersejarah Tuan Pengerusi. Kerana di situlah bibit-bibit sejarah kemerdekaan kita telah dilahirkan. Itu sahaja sekian terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Tan Kok Wai: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

11.27 pagi

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin merujuk kepada Butiran 01000 Pengurusan Am dan juga 02000 DBKL.

Tuan Pengerusi salah satu masalah yang paling serius di bandar raya Kuala Lumpur ialah masalah kesesakan lalu lintas dan juga sistem pengangkutan yang tidak memuaskan. Pada awal tahun ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah membuat kenyataan bahawa oleh kerana isu pengangkutan ini melibatkan beberapa agensi kerajaan dan kementerian oleh itu kerajaan akan menubuhkan *urban transport authority* untuk menambah baik masalah pengangkutan di kawasan bandar.

Oleh kerana *urban transport authority* ini melibatkan DBKL dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan dan kita juga tahu bandar raya Kuala Lumpur adalah terkenal dengan kesesakan jalan raya, oleh itu saya ingin tanya apakah rancangan pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur dan bilakah badan ini akan ditubuhkan secara rasmi?

Kalau kita mengikut Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 ia telah jelas menyatakan rangkaian REL dan rangkaian LRT yang baru akan dibina di banyak kawasan di Kuala Lumpur. Saya ingin tanya apakah pihak DBKL telah menetapkan tapak-tapak itu supaya tapak-tapak stesen REL dan LRT ini tidak akan digunakan untuk membina rumah ataupun apa-apa bangunan. Juga supaya isu seperti bantahan kuat daripada penduduk di Sri Petaling dan juga Jalan Kausar yang membantah lebuh raya bertingkat yang dekat dengan rumah mereka itu tidak akan berulang lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin minta pihak kementerian dan juga pihak DBKL apabila mereka merangka Pelan Tempatan ataupun *Local Plan* saya minta mereka jumpa menjemput penyertaan daripada persatuan-persatuan penduduk tempatan dan juga Wakil Rakyat dan Ahli Parlimen untuk menyertai dalam pada tahap perancangan pelan tempatan. Supaya segala pembangunan di kawasan-kawasan Parlimen kita ini akan diketahui dan juga dipersetujui oleh penduduk tempatan.

Saya juga ingin minta pihak kementerian untuk memastikan segala rancangan yang termaktub dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 itu akan dipatuhi dan diikuti oleh pihak kerajaan khususnya DBKL. Misalnya yang saya tahu ada banyak kes di mana perkara ataupun bangunan ataupun projek yang tidak termaktub dalam Pelan Struktur yang lepas itu ia muncul secara tiba-tiba. Twin Tower adalah salah satu contoh.

Salah satu contoh lagi ialah stesen LRT yang sepatutnya di kawasan yang berdekatan dengan kondominium Bukit OUG kerana bila kondominium itu dilancarkan ia telah menyiarkan iklan yang menyatakan bahawa stesen LRT akan diletakkan di tepi kondominium itu tetapi sekarang kalau kita pergi ke Kondominium Bukit OUG kita akan mendapati semua kawasan persekitaran kondominium itu telah dibina rumah kediaman dan juga kedai-kedai. Segala janji pihak pemaju dan juga rancangan asal kerajaan itu sebenarnya tidak dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, pada masa ini penduduk di Jalan Kausar Kuala Lumpur telah membuat bantahan kuat terhadap cadangan lebuh raya bertingkat Duta Ulu Klang Expressway (DUKE), manakala penduduk di Jalan 2/149 Sri Petaling pula membantah lebuh raya bertingkat KL-Putrajaya kerana yang lebuh raya ini adalah terlalu dekat dengan rumah mereka. Saya ingin bertanya dalam isu seperti ini, apakah pendirian Kementerian Wilayah Persekutuan kerana sampai sekarang kita lihat pihak kementerian sama ada menteri, timbalan menteri, semuanya kelihatan tidak memberi apa-apa pandangan dan juga kelihatan tidak memberi perlindungan kepada penduduk yang menghadapi masalah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: 10 minit, 10 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah. Cuba bantu sedikitlah supaya lebih ramai boleh berucap.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tak ramailah kementerian ini, tak laku punya kalau kita sini tidak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, ada kementerian lain. Yang Berhormat ada kementerian lain nanti.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, bagi saya teruskan Tuan Pengerusi, yang dalam dua contoh ini menunjukkan kurang koordinasi di antara pihak DBKL dan juga pihak LLM. Jadi di sini saya ingin bertanya pihak DBKL telah pun melantik pakar dari IKRAM untuk membuat siasatan terhadap keretakan yang berlaku di dinding rumah yang berdekatan dengan lebuh raya bertingkat KL-Putrajaya. Saya hendak tahu apakah hasil siasatan laporan tersebut? Adakah keretakan di rumah di Sri Petaling itu adalah disebabkan oleh projek Lebuh Raya Bertingkat KL-Putrajaya dan juga bagaimanakah pihak kementerian

Wilayah Persekutuan akan membantu mereka dalam isu ini dan juga bagaimanakah Kementerian Wilayah Persekutuan akan memastikan supaya perkara seperti ini tidak berulang pada masa hadapan. Tuan Pengerusi, saya sekali lagi ingin membangkitkan dengan.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sikit, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Apa ini sudah tidak ada masalah. Yang Berhormat bagi Larut bukan duduk di kawasan Kuala Lumpur, nak tanya apa lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah Yang Berhormat. Cukup masa, Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya mahu tanyalah. Saya mahu tanya sebab tadi sebut lebuhraya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tak bagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bagi tidak? Penjelasan, penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak bagi. Ada banyak lagi. Duduk, duduk. Dengarlah ucapan saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya mahu minta penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti, nanti minta.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan, tadi kata lebuhraya menyebabkan berlakunya keretakan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dia tak beri laluan. Dia tak beri laluan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak minta fasal saya.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tak bagi, tutup *mike* dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak bagi, tak bagi. Kalau dia bagi dia akan duduk. Masa dia pun cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, tutup *mike* dia. Jangan paksalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tadi kata dia kata bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi. Saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, nanti menteri akan jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bagi tak bagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nak bagi sekarang Tuan Pengerusi sudah nak minta saya gulung. Saya nak habiskan isu-isu yang saya bincangkan. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan isu-isu yang telah saya bangkitkan hampir dua kali setiap tahun dalam sidang Parlimen iaitu tentang isu penempatan semula setinggan mangsa kepada projek KL Linear City yang terbengkalai yang mana dalam

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan mesyuarat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan mesyuarat Yang Berhormat. Peraturan mesyuarat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan mesyuarat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat apa itu?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Apa itu? Yang mana, yang mana dulu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduklah saya nak bercakap.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang mana dulu berapa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 35(1).

Puan Teresa Kok Suh Sim: Apa itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat kena pandang Tuan Pengerusi bukan pandang sebelah sini, minta penjelasan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat itu saya boleh buat *ruling* tak apa. Duduk dulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar. Ya, ya. Sebab kena beritahu juga. Peraturan Mesyuarat kena ikut.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Peraturan 35(1), Tuan Pengerusi, seseorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi maka hendaklah dia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Saya suka mendapat satu keputusan dari Tuan Pengerusi sebab peraturan ini sering digunakan oleh Ahli-ahli yang ingin mencari fasal sebab mengikut peraturan ini dia kata mengarahkan ucapan dia dalam versi Inggeris “ *shall address his observation to the Chair*” bukan kata kena pandang Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat baik Yang Berhormat cukup, cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Tetapi menunjukan ucapan dan perbahasan kepada *Chair*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup. Saya fikir saya.....

Tuan Tan Kok Wai: harus satu keputusan dibuat supaya tidak ada lagi ada orang selewengkan peraturan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Memang, memang kita mengharapkan supaya mengarahkan kepada Pengerusi di sini, memang.

Tuan Tan Kok Wai: Ucapan saja, bukan mata. Melainkan Pengerusi dapat mendengar apa yang diucapkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sebab juga berlaku Ahli-ahli Yang Berhormat dia suka pandang ke belakang, pandang ke sana, kiri kanan. Elok juga kita Peraturan Mesyuarat ikutlah. Cukuplah, Yang Berhormat bagi Seputeh ada satu minit saja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Mana satu minit, dia sudah ganggu saya dan lepas itu tiga minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu, itu nasib Yang Berhormatlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya bangkitkan isu lain - saya cakap macam ini boleh pandang pada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pandang sayalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, tentang setinggan KL Linear City ini, 200 keluarga yang pilih pakej pampasan rumah mereka telah menandatangani kontrak yang begitu menarik sekali iaitu mereka akan diberi elaun sewa rumah sebanyak RM300 sebulan dan pihak KL Linear City akan membina rumah yang berharga RM42 ribu dan dijual kepada mereka di Bukit Jalil tetapi sekarang di tapak itu, kondominium sudah dibina tetapi bukan bagi mereka dan bukan dijual kepada mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah masa cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim:dan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang semasa Tuan Pengerusi jadi speaker juga, Dato' Paduka Amin dan juga bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Hj. Mohmad Shaid Mohd Taufek pernah memberitahu kepada setinggan di hadapan saya pada 2 Januari tahun 2002 bahawa EPU akan membina dan menjual unit rumah kos rendah yang berharga RM42,000 itu kepada mereka dan satu surat jaminan daripada pihak DBKL telah pun dikeluarkan kepada mereka tetapi sekarang sudah sampai November 2005 rumah itu masih tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, nanti kita tunggu jawapanlah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya bangkitkan tiap-tiap tahun dan kelihatannya pihak kerajaan tidak mengendahkan keperluan mereka dan sampai sekarang janji masih belum dikotakan. Saya ingin minta pihak Kementerian Wilayah Persekutuan ini memberi jawapan kepada saya supaya saya boleh sampaikan kepada mereka bagaimanakah pihak kementerian mengendalikan isu mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cukuplah. Yang Berhormat, harap jangan keluarlah, duduklah tunggu jawapan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada lagi ada lagi. Tuan Pengerusi di sini saya ingin.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.....

Puan Teresa Kok Suh Sim:hentikan isu industri kecil dan sederhana.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Belum lagi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dia sudah ganggu - tak sampai 10 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak mahu ikut keputusan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan Tuan Pengerusi jangan ganggu saya ada dua isu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tak boleh.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dua isu saja saya bangkitkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak cukup. Kalau Yang Berhormat tak ikut nanti terpaksa saya minta Yang Berhormat keluarlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Haiya. Ini orang kacau tidak dipanggil keluar panggil saya keluar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti saya menang lebih undi lagi pada pilihan raya akan datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan degil-degil, cukuplah

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi nanti bagi saya 30 saat saya gulung sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 30 saat ok boleh, bolehlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tentang industri kecil dan sederhana, sekarang kerajaan bina lebuhraya di sana sini. Banyak industri kecil dan sederhana itu mereka sebenarnya tak ada tempat untuk pindah. Saya hanya ingin buat cadangan supaya kerajaan menggariskan tempat-tempat tertentu seperti di Kampung Baru Salak Selatan dan

juga Kampung Pakar bagi kawasan untuk bengkel industri kecil dan sederhana supaya yang pengusaha bengkel ini mereka ada tempat bila disuruh pindah. Saya juga minta bantuan daripada kementerian untuk menambah baik pasar di Jalan Klang lama dan juga menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya bagi mereka dan sekarang bumbung pasar itu sudah pun bocor.

Saya sudah bangkitkan isu ini beberapa kali di DBKL tetapi tak ada apa-apa langkah diambil pada pihak DBKL.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya ingin minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga boleh datang melawat tapak dan menyelesaikan masalah mereka. Ada banyak isu lagi mungkin saya ganggu nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya benarkan dua orang sahajalah. Yang Berhormat bagi Cheras. Yang Berhormat siapa yang Pengerusi di sini?

11.38 pagi.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, masalah yang dialami oleh bekas setinggan Linear City juga dialami oleh ramai orang warga kota di Kuala Lumpur kerana kerajaan DBKL jarang mengotai janji mereka. Butiran yang saya rujuk adalah 020000 - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Tuan Pengerusi saya rasa kesal kerana pemangku Menteri Wilayah Persekutuan tidak dapat hadir baik pun semalam atau hari ini untuk menjawab hujah-hujah yang ditimbulkan walaupun beliau harus membuktikan kepada Perdana Menteri beliau berkemampuan memegang dua jawatan sekali tetapi kesallah beliau memilih untuk *shy away* dari Dewan ini dan saya juga rasa kesal kerana Timbalan Menteri pun tidak ada di sini cuma Setiausaha Parlimen ini menunjukkan kerajaan tidak mementingkan kementerian ini, lebih baik kementerian ini dibubarkan. Apa guna kementerian ini di hidup semula selepas hilang dirinya 15 tahun sejak tahun 1990 dan saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, cadangan saya ini serius kerana.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah Yang Berhormat. Ada Setiausaha Parlimen akan jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, anggaran perbelanjaan mengurus bagi Kementerian Wilayah Persekutuan tahun 2006 adalah sebanyak RM190 juta. Ini satu jumlah wang yang besar.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan? Boleh sikit minta penjelasan.

Tuan Tan Kok Wai: Ini satu jumlah wang yang besar.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat Cheras.

Tuan Tan Kok Wai: Tetapi kementerian ini ditubuhkan semata-mata untuk mengaut pengaruh politik bukan kepentingan orang ramai.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras, Larut bangun. Nak berikan laluan kah?

Tuan Tan Kok Wai: Dia kacau sajalah. Dia kaki main saja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, tidak. Saya mahu minta. Saya mahu sokong, mahu sokong. Bagi pandangan.

Tuan Tan Kok Wai: Dia kaki main sahaja. Jangan bazirkan masa di sini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya mahu bagi pandangan. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat serius bagilah saya penjelasan.

Tuan Tan Kok Wai : Yang Berhormat sila duduk, kacau sajalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, Yang Berhormat yang tak serius, kalau Yang Berhormat serius takkan Yang Berhormat minta kementerian ini dibubarkan, bererti Yang Berhormat tak serius nak menyelesaikan orang-orang Kuala Lumpur termasuk Cheras.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, saya minta arahan dan meminta daripada.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kenapa minta supaya kementerian ini dibubarkan? Yang Berhormat Cheras tidak serius.

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta arahan keluar dari Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak bolehlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tengok, mana boleh minta orang keluar.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, memandangkan.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cheras tak seriuslah kalau serius takkan minta kementerian ini dibubarkan. Cheras tidak serius.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat Larut, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Cadangan saya ini memang membina memandangkan ini adalah satu peluang yang emas. Memandang Menteri Wilayah Persekutuan telah pun letak jawatan, sekarang kami menunggu-nunggu jemaah menteri disusun semula ini adalah peluang terbaik bagi Yang amat Berhormat Perdana Menteri untuk membubarkan kementerian.

Tuan Pengerusi, apa yang telah diperbuat oleh kementerian ini saya tak nampak. Cuma mereka nak cari modal politik Dewan. Kalau satu pungutan suara diadakan di antara kakitangan-kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur saya boleh pastikan hampir 100% akan katakan demikian kerana saya beri satu contoh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit?

Tuan Tan Kok Wai: Satu tingkat enam bangunan Dewan Bandar Raya telah dijadikan Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan sejak tingkat itu diambil alih oleh kementerian, kementerian ini telah dianggap sebagai satu cawangan UMNO untuk Wilayah Persekutuan. Saya kesal bagi pihak Setiausaha Parlimen kerana sejak penubuhannya kementerian ini selepas pilihan raya umum tahun yang lepas, walaupun tingkat enam diperuntukkan untuk Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri Setiausaha Parlimen tidak ada pejabatnya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan?

Tuan Tan Kok Wai: Saya diberitahu walaupun rayuan dibuat cuma sekaranglah sebahagian tingkat tujuh bangunan Dewan Bandar Raya sekarang kerja-kerja pengubahsuaian untuk memperuntukkan satu pejabat untuk Setiausaha Parlimen.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cheras, boleh minta penjelasan sedikit, Cheras.

Tuan Tan Kok Wai: Ini memandang rendah kepada Setiausaha Parlimen.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat bagi Cheras, boleh minta penjelasan.

Tuan Tan Kok Wai: Maka, kalau jawatan Setiausaha Parlimen MCA ini tidak penting, jawatan Timbalan Menteri pun tidak penting. Menteri juga. Sebab, seorang

Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah mencukupi untuk menjaga hal ehwal Wilayah Persekutuan. Apa yang diperuntukkan dalam beberapa akta telah memberikan kuasa yang penuh kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk mentadbir Kuala Lumpur.

Tidak perlulah ditubuhkan satu kementerian lagi. Saya bercadang Yang Berhormat, misalnya, Yang Berhormat bagi Padang Rengas, dia boleh jaga hal ehwal Kuala Lumpur sebab persidangan Parlimen bukan diadakan setiap hari. Dia ada banyak masa untuk memberi perhatian. Ini akan jimat banyak wang membayar cukai, Tuan Pengerusi.

Maka, saya ingin memberitahu Tuan Pengerusi juga, pada hari yang sama apabila Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dilantik memangku Menteri Wilayah Persekutuan, saya ada terima panggilan daripada pengundi-pengundinya di kawasan Parlimen Lembah Pantai. Di tempat utamanya, iaitu Bangsar Baru di mana penduduk-penduduk di situ merasa, menyampaikan perasaan kecewa kepada saya bahawa wakil rakyat mereka dilantik memangku Menteri. Mengapa? Sebab mereka meraguragukan kejujurannya. Baikpun sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun memangku Menteri Wilayah Persekutuan.

Ini sebab ada satu peristiwa yang berlaku sebelum dan semasa pilihanraya umum, di mana Yang Berhormat memangku Menteri telahpun berjanji kepada pengundinya sebab ada satu kejadian yang cukup serius berlaku di Bangsar Baru..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang mana punya Butiran kah?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* DBKL! Menteri.

Tuan Tan Kok Wai: DBKL! Ini berhubung dengan keputusan DBKL. *[Disampuk]* Sebab pada waktu beberapa bulan sebelum pilihan raya umum, 2004, DBKL memperkenalkan..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 36(10)(b). Duduklah nak bercakap.

Tuan Tan Kok Wai: Tak payah cakap, saya pun tahu apa nak dikatakanlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini, ini Peraturan Mesyuarat! 36(10)(b). Duduklah, saya nak ulas.

Tuan Tan Kok Wai: *You* suarakan dulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, duduk! Kena duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Suarakan, dia main sahaja.

Tuan Tan Kok Wai: saya dengar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kena duduk.

Tuan Tan Kok Wai: Saya hormati..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya hormat, 36(10)(b), Cheras tidak boleh dalam sini berkata perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan. Kementerian Wilayah Persekutuan dilantik oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau Cheras serius, Cheras tidak boleh cakap macam tu. Nak membela nasib orang Kuala Lumpur macam mana? Nak membela nasib orang Cheras macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Janganlah cakap tak serupa bikin! Ini adalah Peraturan Mesyuarat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terus! Cukup, cukup, cukup, cukup. Teruskan.

Tuan Tan Kok Wai: Dia membunuh masa saya. Sebenarnya apa yang terjadi beberapa sebelum Pilihanraya Umum 2004 ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meluluskan sebidang tanah seluas 3.8 ekar di tengah-tengah Bangsar Baru. Di mana tanah kediaman tanpa pertukaran syarat tanah, DBKL telah membenarkan seorang pemaju untuk membina satu bangunan komersial begitu besar mengandungi restoran besar, sekarang bernama *Bangsar Seafood Garden Restaurant* dan lapan buah pavilion dua setengah tingkat di tengah-tengah kawasan perumahan. Tanah itu syarat penggunaan tanah masih kediaman.

Syarat tak tukar, tapi DBKL meluluskan, memberikan perintah pembangunan penduduk-penduduk termasuk Persatuan. Penduduk membantah, merayu, jumpa Datuk Bandar, jumpa Ahli Parlimen Lembah Pantai, iaitu Menteri sendiri, dan didapati Menteri sendiri bersetuju dengan cadangan itu.

Apabila Yang Berhormat memangku Menteri sedar apa yang dia setuju adalah tidak baik, dan memandangkan pilihanraya umum akan sampai, akan datang sekejap nanti, beliau minta DBKL supaya mengeluarkan perintah henti kerja dua minggu sebelum hari pengundian. Pada waktu apabila Yang Berhormat memangku Menteri selaku calon di situ, dia dalam perjumpaan dengan penghuni, dia ada keluarkan kenyataan bahawa beliau akan mempertahankan hak penduduk-penduduk terhadap sebarang dan apa jua tindakan untuk menjadikan tapak itu satu tapak komersial dan didirikan bangunan komersial.

Dengan janji dan jaminan itu, pengundi rasa sangat seronok dan memberi sokongan penuh kepada beliau. Beliau dipilih semula di Lembah Pantai dan dilantik semula sebagai Menteri. Tetapi Tuan Pengerusi, 2 minggu selepas beliau dipilih semula, kerja-kerja membina kompleks komersial ini bermula sekali, sudah dibuka dengan rasminya, awal tahun ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dah cukup masa.

Tuan Tan Kok Wai: Sedikit sahaja saya menggulung. Tuan Pengerusi, jawatan Menteri ini adalah satu jawatan yang dihormati. Bukan sahaja oleh pengundinya sendiri, tapi juga oleh rakyat jelata. Tetapi apa yang dijanji oleh seorang Menteri tidak ditunai. Seorang Menteri yang mungkir janji, bolehkah dia diberikan mandat? Bolehkah dia dihormati? Maka, beliau seorang Menteri yang tidak bertanggungjawab, seorang wakil rakyat yang tidak menghormati janjinya sendiri. Adalah malu kalau beliau terus memegang jawatan pemangku Menteri. Dan ini adalah sangat penting.

Saya juga ingin tanya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, cuma permit sementara diberikan oleh bangunan komersial ini, iaitu *Bangsar Seafood Garden Restaurant*. Saya difahamkan, ia akan diberikan satu tempoh tiga hingga lima tahun sahaja. Kalau tempoh tiga hingga lima tahun itu habis, DBKL akan bertindak atau tidak untuk merobohkan bangunan ini. Kalau pemaju itu enggan, macam mana, kerana pemaju itu telah membelanjakan lebih kurang RM7 juta untuk membina kompleks itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah. Cukup, cukup, cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Mungkin beliau akan rela menanggung kos belanja yang begitu tinggi kalau dikenakan roboh tiga atau lima tahun nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta satu jawapan daripada kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman, lepas itu Bukit Bintang, Setiausaha Parlimen, jawab.

11.53 pagi

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja daripada saya. Butiran mengenai 020000 - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga 02000 - Jalan-Jalan dan Jambatan-Jambatan di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, Kuala Lumpur ataupun bandar-bandar di dalam Wilayah Persekutuan bukanlah semata-mata milik orang Kuala Lumpur, bukan semata-mata milik Cheras, milik Seputeh, dan milik orang-orang yang berada di dalam kawasan ini, tetapi ia adalah milik negara. Milik seluruh rakyat negara ini. Saban hari orang luar daripada kawasan Kuala Lumpur nak datang ke Kuala Lumpur. Menjadi cita-cita anak-anak nak belajar di sini.

Menjadi cita-cita orang-orang kampung nak melawat di sini. Tetapi malangnya, sering mereka bertanya tak tahu jalan kerana sering berlaku perubahan dari segi arah jalan, papan tandanya yang tidak mencukupi, petunjuk arah yang tidak begitu menentu dan sebagainya.

Kalau dalam negara-negara yang lebih maju sekarang ini, rata-rata bandar-bandar besar mereka sudah dilengkapi dengan sistem *mobile*, dengan izin, *mobile navigations system*, ya, iaitu penggunaan sistem penunjuk arah digital yang boleh dipasangkan di kereta-kereta, dipasangkan, digunakan pada telefon-telefon mudah alih kita, PDA kita yang menggunakan sistem satelite ataupun GPS (*Global Position in System*), dengan izin.

Di mana orang tidak sepatutnya tidak sesat lagi. Orang akan tahu di manakah jalan yang terdekat dan masa yang terdekat. Masa yang terpendek untuk sampai pada satu titik ke satu titik yang hendak ditujui dengan cara yang mudah dan ini dapat membantu mengatasi masalah kesesakan jalan raya yang menyebabkan banyak kita terbuang masa kita di dalam bandar raya kita ini disebabkan oleh penunjuk jalan dan maklumat yang tidak mencukupi. Sekarang kita hanya menggunakan sistem radio dan beberapa papan tanda elektronik yang dibekalkan.

Tetapi saya rasakan tidak mencukupi dan tidak mencerminkan bahawa kita mampu untuk mengikuti perkembangan arus kemajuan dunia yang paling kemas kini. Banyak kereta-kereta yang diimport sekarang ini sudah dilengkapi dengan alat ini. Tetapi kebanyakan orang kita ditengok apa ini? TV apa ini? Tetapi tidak boleh dimain TVnya. Apakah DVD boleh dimainkan, tetapi tidak.

Sebenarnya kereta-kereta yang diimport sudah dilengkapi dengan *system mobile navigator* yang tersendiri. Kita tidak tahu menggunakannya. Sama seperti dahulu orang berkata, orang kampung yang belum ada elektrik tetapi sudah membeli peti sejuk yang tidak boleh digunakan. Saya kira, bahawa sudah tiba masanya, negara kita, khususnya Dewan Bandaraya kita untuk menyediakan satu pelan ke arah mewujudkan *software* ataupun sistem di mana penunjuk arah jalan kita tidak lagi bergantung semata-mata kepada papan-papan tandanya, tapi kita pergi ke peringkat yang lebih canggih, yang lebih *sophisticated* dengan menyediakan *mobile navigations* sekurang-kurangnya bagi keperluan Kuala Lumpur, Lembah Kelang dan seterusnya kita kembangkan ke seluruh negara kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, selepas itu Setiausaha Parlimen.

11.57 pagi

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya suka merujukkan Butiran 010100 - Pengurusan Am dan 02000 - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, program pembersihan dan perpindahan setinggan-setinggan, oleh DBKL di dalam perumahan PPR sekitar Kuala Lumpur tidak boleh dinafikan ada kebaikannya seperti bekas setinggan menikmati kemudahan, kediaman yang lebih baik, lebih bersih dan teratur.

Sungguhpun mereka perlu membayar sewa rumah, setiap bulan yang mana sebelumnya mereka tidak perlu bersusah payah membayar sewa kecuali rumah yang diduduki bukan rumah sendiri. Pada peringkat ini para pekerja berpendapatan rendah atau peniaga kecil.

Tuan Pengerusi, saya mendapati bahawa bagi setinggan yang namanya sudah didaftar oleh DBKL tidak ada masalah untuk mendapat tawaran PPR, tetapi yang sukar ialah bila nama tidak ada dalam daftar bancian DBKL ataupun tercicir, mereka perlu turun naik DBKL untuk merayu pertimbangan supaya diuntukkan tawaran meskipun mereka adalah setinggan tulen di dalam satu-satu kawasan.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapakah bilangan setinggan sama ada tulen atau palsu yang telah ditolak oleh DBKL? Berapakah pula bilangan setinggan bujang yang tidak dapat tawaran berpindah, sebaliknya terpaksa mencari kediaman sendiri. Saya memberi satu contoh Tuan Pengerusi, baru-baru ini, dua bulan yang lalu, satu perpindahan dari Kg. Brunei, setinggan Kg. Brunei. Oleh kerana ada satu projek bernilai RM120 juta akan dilaksanakan di setinggan Kg. Brunei. Sebahagian besar 241 keluarga telah dibancikan dan mereka adalah diminta ke PPR Cochrane. Akan tetapi ada 25 setinggan yang bertaraf bujang. Ada 5 orang perempuan dan 20 orang lelaki.

Mereka tidak mendapat apa-apa tawaran oleh DBKL walaupun mereka telah duduk di tempat Kampung Brunei ini selama 40 hingga 50 tahun. Mereka yang warga tua, warga emas, jika mereka tidak ditawarkan apa-apa rumah pangsa ataupun rumah PPR oleh DBKL, mereka terpaksa duduk di kaki lima atau di bawah jambatan. Saya merayu kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, warga tua ini haruslah ditawarkan rumah PPR atau rumah pangsa di Kuala Lumpur memandangkan mereka telah duduk di tempat ini selama 40 hingga 50 tahun yang telah menyumbang dan menyaksikan pembangunan bandar raya Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya telah menulis satu surat rayuan kepada pihak berkenaan ialah DBKL untuk menempat semula mereka dengan secepat mungkin sebab projek ini akan dilaksanakan dalam masa yang singkat. Surat saya telah diberi kepada pihak DBKL pada 7 September 2005, dua bulan yang lalu. Tetapi pada masa ini sampai kelmarin, saya telefon Jabatan Perumahan, mereka tidak mengambil tindakan yang sewajarnya walaupun milik ini sudah diberi kepada Jabatan Perumahan dan tawaran sampai hari ini pun belum dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan. Saya berharap Kementerian Wilayah Persekutuan boleh mengambil tindakan bagi memastikan bahawa golongan ini haruslah diberi tempat yang mereka hendak duduki iaitu di rumah pangsa. Kalau tidak, mereka akan terpaksa duduk di kaki lima.

Tuan Pengerusi, dalam sesebuah kampung setinggan, biasanya terdapat sebuah atau dua buah kedai yang berkhidmat sebagai kedai runcit, memberi langganan barang-barang keperluan kepada penduduk kampung. Malangnya apabila kedai-kedai ini yang juga tinggal di kampung tersebut tidak diberikan layanan yang adil kerana mereka tidak diberikan tawaran berpindah ke kedai baru yang terdapat dalam sesebuah perumahan awam PPR. Mereka hanya diberi tempat tinggal baru tetapi tidak diberi ganti rugi atau kedai baru bagi membolehkan seseorang setinggan yang bekerja sebagai peniaga kedai runcit dalam kampung asal meneruskan perniagaan sebalik sahaja kedai mereka dirobohkan dan mereka dipindahkan ke rumah baru. Mereka terus menjadi penganggur, rayuan mereka untuk mendapatkan unit kedai di PPR yang diduduki tidak langsung diberi pertimbangan.

Tuan Pengerusi, saya ada beberapa contoh di sini yang mana permohonan mereka untuk mendapatkan bagi meneruskan *business* masih tidak diputuskan. Kebiasaannya DBKL hanya menawarkan unit-unit kedai kepada pemohon-pemohon yang bukan penduduk setinggan dan orang luar. DBKL langsung tidak memberi keutamaan bagi menawarkan unit kedai kepada pekedai runcit asal di sesebuah kampung setinggan yang dirobohkan. Bagaimana mereka hendak membayar sewa rumah jika tidak ada boleh meniaga di mana-mana tempat.

Contoh yang saya beri nombor satu ialah bekas Kampung Pertama, Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur yang menjanjikan tapak projek SMART. Terdapat beberapa kedai runcit memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk sewaktu semua setinggan di

arah pindah, pekedai-pekedai yang diwakili setiap kaum ini tidak diberi tempat meniaga baru meskipun mereka diberikan unit rumah PPR Taman Wahyu, Jalan Lapangan Terbang Lama dan Jalan Cochrane.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Salah seorang pekedai itu ialah Wirapatran a/l Murukiah, bekas setinggian Kampung Pertama bernombor SS30, beliau telah berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan unit kedai di tempat kediaman PPR Jalan Lapangan Terbang Lama yang masih kosong tetapi tidak ada jawapan. Yang kedua ialah bekas setinggian dan kedai runcit Kampung Brunei di Jalan Davis Kuala Lumpur bernombor JD190 bernama Siu Ken Zie, yang pada asalnya mendapat TOL bagi kedainya di Kampung Brunei tetapi telah dibatalkan dan setiap tahun beliau membayar cukai tanah dan cukai pintu kepada DBKL.

Kini penduduk tidak dapat meneruskan perniagaan setelah ditawarkan PPR Cochrane, sedangkan berniaga itulah sumber rezeki keluarganya. Saya telah mengemukakan rayuan kepada jabatan dan Pejabat Datuk Bandar, namun hasilnya belum ada lagi. Sampai bilakah mereka harus menunggu sedangkan mereka adalah pemohon yang layak diberi tempat dan diberikan keutamaan di unit-unit kedai baru di dalam PPR.

Tuan Pengerusi, saya juga merujuk kepada Butiran 02000 – Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Peruntukan sebanyak RM206,100,000. Tuan Pengerusi, saya ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah projek *expressway* dari Jalan Sultan Ismail ke Bulatan Kampung Pandan, salah satu projek yang dirangkumi dalam peruntukan ini dan saya difahamkan bahawa *expressway* dari Jalan Sultan Ismail ke Bulatan Kampung Pandan, satu projek yang membelanjakan sebanyak RM119 juta untuk membesarkan sehubungan dengan *SMART Tunnel*. Saya ingin tanya Yang Berhormat, adakah tender ini melalui tender terbuka atau *negotiate tender* dan siapakah kontraktor yang dapat dipilih oleh pihak kementerian bahawa projek ini akan dapat dilaksanakan tidak lama lagi.

Yang kedua ialah tentang Butiran 04000 – Projek Sosial Rekreasi dan Kemudahan Awam Kuala Lumpur. Satu belanjawan RM26,750,000 akan dibelanjakan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah bekas *quarters* kakitangan kerajaan di Jalan Davis dan Jalan Rawa, Kuala Lumpur dan berapa jumlah akan dibelanjakan untuk menaik taraf kemudahan awam di tempat ini sebab 105 hektar *quarters* kakitangan kerajaan ialah satu tapak yang sesuai untuk mengadakan satu *green lung* di Kuala Lumpur. Saya berharap perbelanjaan peruntukan ini haruslah diberi keutamaan kepada tempat ini supaya warga kota Kuala Lumpur boleh terlibat ini *green lung* di pusat bandar ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila jawab.

12.08 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada empat Ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Wilayah Persekutuan peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Enam orang, Yang Berhormat.

Tuan Yew Teong Look: Enam, ya, ya. Saya bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan ingin menjawab soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Parlimen.

Pertamanya Ahli Parlimen bagi Kepong, bertanya tentang kolam kering di Taman Tasik Manjalara. Dalam perkara ini terdapat pemereseapan air di bawah permukaan dan juga kesan kemarau panjang sebelum ini telah menyebabkan kolam kering dan paras air yang rendah. Sekarang keadaan ini *tube well* yang sedia ada tidak dapat menampung kapasiti air yang diperlukan. *Tube well* berfungsi dari pukul 7 pagi hingga 9 malam, diberhentikan dalam tempoh sejam bagi setiap tiga jam untuk memberhentikan pam.

Dalam kajian untuk menyalurkan air semula dengan bekerjasama dengan Jabatan Bekalan Air untuk membuang air *discharge* ke kolam ini, saya harap dengan tindakan-tindakan ini, masalah ini dapat diselesaikan.

Mengenai kejadian kemalangan di bangunan tandas awam Taman Manjalara, Kepong, Kuala Lumpur, pihak DBKL telah mengambil langkah untuk kerja-kerja baik pulih. Di samping itu, pihak DBKL akan menghantar surat kepada pemilik kenderaan bagi tujuan tuntutan ganti rugi.

Mengenai Ahli Parlimen bagi Kepong menyebut tentang banyak tikus di Jinjang, tidak ada pasukan DBKL mengambil membawa tikus. Sebenarnya ini tidak benar. Di bawah Jabatan Kesihatan DBKL ada satu Unit Kawalan Vektor dan Pest. Selain daripada mengawal nyamuk, kawalan *pest* terlibat dalam kawalan anjing, lembu, gagak dan juga tikus. Program kerja tahunan pun telah disediakan termasuk kawasan di Jinjang. Jikalau Yang Berhormat dari Kepong ingin menganjurkan apa-apa pelancaran menangkap tikus, pihak DBKL sudi membantu untuk menjalankan aktiviti ini.

Beberapa Ahli Parlimen telah sebut tentang....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kepong, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Tuan Yew Teong Look: Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Tadi jawapan itu singkat, mungkin tanda masa yang tidak cukup. Yang Berhormat, mengenai *tube well* tadi, kalau kita tinggal satu *tube well* sahaja....

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan itulah, ini soalan ya, Yang Berhormat bagi Larut. Kalau kita menggunakan satu *tube well* sahaja memang tidak cukup kerana di bawah tanah itu air tidak cukup. Kerana mungkin ini kawasan bukit dan di bawah itu air tidak cukup dan bolehkah pihak DBKL menggali dua *tube well* lagi di sekitarnya kerana Yang Berhormat pun tahu air tangki SYABAS itu mungkin tidak cukup dan tambah pula tidak ada sungai di situ. [*Ketawa*] Tidak ada sungai di situ.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tanyalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, tidak ada sungai situ. Yang Berhormat pun tinggal dekat dengan kawasan itu juga. Digali dua *tube well* lagi dan kemudian saya pun akan berhubung dengan pihak SYABAS supaya ia membuang air di dalam tetapi air tangki itu tidak dicuci tiap-tiap hari. Dia bersihkan tangki besar itu, bukan tiap-tiap hari, mungkin tiap-tiap dua, tiga bulan sahaja dan semasa musim kemarau memang kita tidak cukup air lagi.

Yang kedua, mengenai tandas mewah kita ni, bolehkah pihak DBKL mempertingkatkan pengurusan dan penyelenggaraan. Itu memang satu perkara yang penting dan saya pun hendak tahu Yang Berhormat akan sebutkan itu pusat pembiak aedes serba guna kita di Manjalara.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Pengerusi, sebenarnya DBKL sedang dalam usaha menambah *tube well* di kawasan tersebut bagi menyalurkan semula air ke dalam kolam tersebut. Aspek kos efektif dan *sustainability*, pembinaan *tube well* tersebut sedang dikaji dengan lebih terperinci dan usaha ke arah menyalurkan semula air pasti akan diteruskan. Mengenai....

Tuan Fong Kui Lun: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bangun, hendak bagi jalan?

Tuan Yew Teong Look: Ya.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang tadi Yang Berhormat ada kata tadi memang

tikus ada wujud di kawasan-kawasan tertentu khususnya di kawasan Bukit Bintang, kawasan kediaman Jalan Hang Tuah memang tikus banyak di situ. Tetapi juga ada di longkang di belakang atau di jalan raya atau di kawasan Bukit Bintang khusus kawasan yang ada restoran banyak. Tikus ini menjadi satu – boleh menjejaskan nama baik DBKL kerana tikus berjalan di tempat-tempat seluasnya di kawasan restoran. Saya berharap kementerian boleh mengambil tindakan khususnya Jabatan Kesihatan memastikan tikus tidak dinampak oleh pelancong kerana nama baik Kuala Lumpur menjadi bandar raya bertaraf dunia haruslah dijagakan. Saya berharap tindakan patut diambil oleh kementerian berkenaan untuk memastikan ini tidak berlaku di tempat-tempat segi tiga Kuala Lumpur ini.

Tuan Yew Teong Look: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Memang DBKL sangat serius tentang banyak tikus di Kuala Lumpur. Sebab itu kerjasama semua pihak memang boleh menjayakan program menangkap tikus. Tetapi, jikalau hanya terpulang kepada DBKL sahaja, memang *may be not so effective*. Oleh itu, saya bagi pihak kementerian menggalakkan sesiapa pihak NGO atau wakil rakyat ingin melancarkan program-program menangkap tikus, memang kita akan bekerjasama. Pandangan-pandangan dari Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang memang akan diambil kira dari kementerian saya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Kepong, di bawah DBKL, pihak Jabatan Seni Taman Kawalan Pembersihan Bandar, ketika ini penyelenggaraan sebanyak 44 buah tandas awam yang terletak di pusat bandar dan taman-taman awam sekitar Kuala Lumpur. Pihak Jabatan telah melantik empat penyelia dan seorang pengurus untuk membuat pemeriksaan setiap hari bagi memastikan keadaan tandas awam berada dalam keadaan bersih, kering wangi dan selesa diguna setiap masa oleh pengguna. Saya pun harap orang awam yang menggunakan tandas, kena menggunakannya dengan baik. *Vandalism* di Kuala Lumpur nampaknya agak tinggi, oleh itu saya harap kerjasama dan kelakuan dari orang awam memang untuk memelihara tandas yang di DBKL dengan baik.

Mengenai Pelan Struktur Kuala Lumpur, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyebut Pelan Struktur Kuala Lumpur. Setakat ini DBKL telah melantik pakar perunding memulakan kerja penyediaan pelan tempatan Kuala Lumpur bermula pada bulan Jun 2005. Laporan interim telah pun siap dikemukakan kepada DBKL pada bulan Julai 2005. Kini kerja-kerja penyediaan pelan tempatan sedang dijalankan di peringkat penyediaan laporan. Penemuan yang dijangka siap dalam bulan Disember 2005 iaitu sekarang pakar-pakar perunding telah menemui NGO-NGO di Kuala Lumpur dan orang awam termasuk wakil-wakil rakyat mendapatkan maklumat-maklumat atau pandangan-pandangan dari semua pihak supaya boleh dimasukkan dalam pelan struktur tempatan Kuala Lumpur yang dijangka siap bulan Disember 2006. DBKL jangka akanewartakan pelan tempatan Kuala Lumpur dalam tahun 2007. Yang Berhormat bagi Cheras telah sebut tentang kedai runcit....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh saya tanya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau kita lihat, saya sebenarnya baca sedikit muka surat Pelan Struktur Kuala Lumpur ini, dan tadi saya ada cakap tentang sistem pengangkutan kita ini yang muka surat 10-12 yang mana banyak kawasan telah ditetapkan akan membina rel. Di sebutkan di sana laluan rel yang baru. Tetapi, kalau saya lihat macam di kawasan saya, saya ingat macam mana DBKL boleh membina apa-apa stesen LRT dan rel lagi. Kerana kalau saya lihat di kawasan saya, penduduk di sana bukan bersungut tiada pembangunan, tetapi pembangunan yang keterlaluan sehingga mengganggu keamanan dan kesejahteraan hidup mereka. Macam di kawasan Taman Desa Happy Garden dan semua tempat itu, hampir setiap inci telah pun diguna untuk buat jalan dan buat rumah, macam mana kita boleh ada lagi rel, monorail ke atau LRT ke lagi. Itu sebabnya saya rasa bila adakah, saya hendak tanyalah, adakah pelan struktur ini yang mana DBKL telah menggunakan beberapa juta untuk keluaran buku ini. Adakah ia hanya dijadikan sebagai satu buku, satu laporan sahaja, atau ia akan diambil serius oleh pihak DBKL, pihak kementerian. Itulah sebabnya saya rasa, tiba masanya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim:.... kita semua pihak harus merangka untuk melaksanakan apa yang termaktub dalam pelan struktur ini.

Tuan Yew Teong Look: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Pelan Struktur Kuala Lumpur telah diwartakan dan sekarang dalam penyediaan pelan tempatan. Perunding-perunding telah pun dilantik oleh DBKL. Pandangan-pandangan yang terperinci tadi yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Seputeh memang saya berharap Yang Berhormat boleh mengemukakan atau menemui dengan perunding-perunding yang dilantik oleh DBKL supaya boleh diambil kira dalam pelan tempatan ini.

Berkenaan dengan projek *due* dan projek Kuala Lumpur-Putrajaya, kita DBKL sekarang memandang serius tentang keadaan yang terkini dan telah melantik pakar. Kita sedang menunggu laporan dari pakardan kita akan mengkaji dengan teliti tentang kesannya atau masalahnya atas kedua-dua projek ini. Berkenaan dengan KL *Linear City*, sebenarnya *linear city* ialah satu projek yang memang tidak jadi disebabkan krisis ekonomi yang melanda projek ini sudah tidak boleh dilaksanakan.

Pihak, EPU telah pun memberitahu kepada kementerian bahawa mereka tidak dapat membuat dan berusaha untuk memberikan rumah seperti yang dijanjikan. Nampaknya ini memang ada masalah. Walau bagaimanapun, kementerian telah memberi tawaran kepada mereka menyewa rumah PPR untuk buat masa sekarang dan sedang menjadi. Kalau ada peluang untuk memberi mereka rumah-rumah murah, memang kementerian akan pertimbangkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, terima kasihlah jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tetapi, sekali lagi kerajaan kata rumah telah disewakan kepada mereka. Soalan saya ialah janji harus dikotai. Surat jaminan telah pun diberi oleh pihak DBKL dan juga pihak EPU telah pun janji kepada bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin. Datuk Pandikar Amin dan juga bekas Datuk Bandar telah pun berjumpa dengan setinggan ini yang mana mereka adalah mangsa kepada projek kerajaan yang terbengkalai. Setiap kali saya pergi ke DBKL, setiap kali saya tanya menteri di Dewan yang mulia ini, mereka semua bagi saya jawapan yang sama. Saya hanya rasa mereka seperti bola disepak ke sana sini, tetapi tiada agensi kerajaan mahu bagi satu komitmen kepada mereka macam mana menyelesaikan masalah ini.

Kerana DBKL yang menjadi Dato Bandar sendiri yang jadi saksi kepada perjanjian di antara Syarikat Kuala Lumpur City Linear dan juga setinggan setiap daripada mereka. Saya rasa itu sebabnya kerajaan ada tanggungjawab, DBKL ada tanggungjawab mereka tidak harus diketepikan. Itulah saya berharaplah, sebenarnya saya faham, terdapat usaha sama di antara pihak pemaju swasta dan juga DBKL dalam sesetengah projek perumahan di kawasan Wilayah Persekutuan. Mungkin rumah yang saya difahamkan bahawa kuota yang sepatutnya diberi kepada bumiputera, tetapi ada penduduk bumiputera tidak suka duduk di sesetengah tempat, mungkin semua unit-unit yang kosong ini boleh dijual kepada para mangsa setinggan bagi projek terbengkalai ini.

Saya berharap pada tahun akan datang, pihak kementerian akan memberi satu ketetapan, juallah rumah seperti apa yang dijanjikan. Lebih baik kalau ikut apa yang dijanjikan oleh pihak EPU adalah membina satu rumah pangsa baru di kawasan Jalan Kelang lama bagi semua penduduk setinggan ini. Saya berharap pada tahun yang akan datang, selepas bajet ini diluluskan oleh Dewan kita ini, yang janji ini akan dikotai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Yew Teong Look: Terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Seputeh. Sebenarnya Yang Berhormat telah beberapa kali sebut tentang perkara ini dengan saya di luar Dewan ini. Boleh dikatakan saya sangat memahami tentang masalah-masalah yang timbulkan atas Kuala Lumpur City Linear inilah. Saya akan cuba mencari jalan menyelesaikan masalah ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang sentuh tentang pembinaan jalan sambungan dari persimpangan Sultan Ismail, Jalan Imbi ke Bulatan Kampung Pandan Kuala Lumpur. Projek ini diselai oleh JKR. DBKL hanya terlibat dalam proses mengambil tanah sahaja. Setakat ini kemajuan hanya 5% sahaja. Kos projek ini sebanyak RM165 juta termasuk LA. Kontrak ialah TLT Syarikat Muhibah Peniaga dan Pembinaan Sdn. Bhd.

Projek ini telah diserahkan kepada JKR untuk menyediakan ke atas arahan Kementerian Kewangan. Projek ini adalah melalui secara tender terhad. Mengenai setinggan kampung

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bangun Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Penjelasan, terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Setiausaha Parlimen. Maksud saya ialah, saya ingin tahu bahawa peruntukan untuk projek ini adakah di dalam kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan atau di JKR. Apa yang saya fahamkan bahawa projek ini walaupun diselia oleh JKR, akan tetapi peruntukan sebanyak RM119 juta ini satu angka yang besar. Adakah di dalam bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan peruntukan untuk projek ini. Jika ianya ya, saya ingin tahu, projek ini dikawal selia oleh JKR akan tetapi peruntukan ini dikuasai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan atau tidak, terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Memang projek ini di bawah bajet Kementerian Wilayah Persekutuan tetapi di kawal selia oleh JKR. Mengenai setinggan Kampung Brunei yang disebutkan oleh Ahli Parlimen dari Bukit Bintang. Untuk makluman Ahli Parlimen Bukit Bintang terdapat sebanyak 241 keluarga terdiri dari keluarga Cina dan India. Kebanyakannya adalah keluarga Cina, semua telah dipindahkan ke PPR Cochrane hanya terdapat lebih kurang 20 orang ialah orang bujang seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen dari Bukit Bintang. Di bawah peraturan DBKL memang orang bujang tidak layak diberi rumah PPR. Walau bagaimanapun DBKL sekarang sedang menimbang semula mungkin DBKL akan bercadang memberi satu rumah PPR di Kampung Muhibbah untuk dua atau tiga orang bujang tinggal bersama-sama iaitu satu cawangan yang terkini.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ada apa lagi Yang Berhormat? Ya?

Tuan Fong Kui Lun: Bukan, ini pasal orang bujang!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang orang bujang Yang Berhormat?

Tuan Fong Kui Lun: Ya!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang, sila.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Baru-baru ini saya ada bertemu dengan Ketua Pengarah DBKL untuk menyelesaikan masalah ini. Walaupun surat saya yang dikemukakan kepada pihak berkenaan, rayuan setinggan-setinggan yang bertaraf bujang ini bahawa mereka yang duduk di sana di kawasan Kampung Brunei selama 40 hingga 50 tahun. Mereka yang juga warga tua dan warga emas yang kita sering berkata, satu masyarakat yang prihatin kepada rakyat Malaysia khususnya warga tua. Inilah satu cara yang boleh diselesaikan sebab saya difahamkan banyak rumah pangsa di kawasan saya khususnya di Jalan Hang Tuah dan juga di kawasan Jalan San Peng, rumah pangsa ini banyak kosong ada 17 blok. Satu blok sekurang-kurangnya ada 50 hingga 60 kosong ini, adakah boleh mereka ditawarkan untuk satu dan dua orang bujang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau bujang Yang Berhormat, kalau 50 tahun duduk di sana jadi bujang tua itulah Yang Berhormat?

Tuan Fong Kui Lun: Tetapi dia kata meminta PPR di Kampung Muhibbah Puchong, jarak dari Kuala Lumpur pergi Puchong....

Seorang Ahli: Itu Selangor!

Tuan Fong Kui Lun: 20 kilometer hingga 25 kilometer macam mana orang tua atau warga emas....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya!

Tuan Fong Kui Lun: Bolehkah Yang Berhormat timbang mereka diberi tawaran di kawasan sekitar khususnya di kawasan Bukit Bintang seperti saya katakan di Jalan Hang Tuah, terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Memang di bawah peraturan DBKL hanya memberi rumah PPR kepada orang yang tidak mempunyai rumah dan berkeluarga. Golongan bujang ini memang tidak diambil kira. Walau bagaimanapun seperti yang disebutkan tadi, saya harap Yang Berhormat dari Bukit Bintang faham tentang polisi atau dasar-dasar DBKL. Nampaknya masih ramai keluarga yang miskin, yang tidak ada mempunyai rumah masih tunggu mendapat rumah PPR di Kuala Lumpur.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi Seputeh?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Tuan Yew Teong Look: Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, mengenai rumah PPR ini sekarang pejabat saya mendapat beberapa aduan yang mana, walaupun DBKL memberi keutamaan juga kepada ibu tunggal, tetapi bagi ibu tunggal yang tanpa surat perkahwinan selalunya permohonan mereka ditolak kerana bahagian perumahan kata, tidak ada surat perkahwinan walaupun ada anak, ini tidak diiktiraf oleh mereka.

Saya di sini ingin merayulah kepada pihak kementerian supaya mengambil kira juga ibu tunggal yang tidak melalui perkahwinan yang berdaftar ini yang rayuan permohonan mereka sekiranya mereka ini ada kelayakan untuk memohon, saya berharap pihak DBKL juga akan mempertimbangkan permohonan mereka supaya adil kepada mereka, walaupun mereka tidak ada perkahwinan rasmi dan mereka ada anak dan mereka tetap dan harus dianggap sebagai ibu tunggal.

Tuan Yew Teong Look: Terima kasih kepada Ahli Parlimen dari Seputeh. Saya akan mengambil kira tentang pandangan dari Seputeh tentang masalah perkahwinan yang tidak sah dan mempunyai anak-anak. Kita kena bertimbang rasa sedikitlah, atas sesiapa yang ada keluarga walaupun tidak sah.

Mengenai Bangsar Seafood yang ditimbulkan Ahli Parlimen Cheras, untuk maklumat Ahli Parlimen bagi Cheras. TPC telah lulus pada 29 April 2007, DO telah dikeluarkan pada 16 Mei 2003. TPC telah memberi kebenaran sementara membina restoran untuk tempoh 8 tahun iaitu dari 2003 ke 2009 untuk *seafood restaurant*.

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih saya ingin tanya Tuan Pengerusi. Ini satu kebenaran yang menyalahgunakan kuasa, macam mana DBKL boleh membenarkan dan mengeluarkan perintah pembangunan, walaupun untuk tempoh 8 tahun kepada satu permohonan untuk membina kompleks komersial di atas sebidang tanah yang syarat guna tanahnya adalah untuk kediaman. Tuan Pengerusi ini satu skandal, saya difahamkan, premium yang harus diberi dan dibayar oleh pemilik tanah kalau dia hendak dapat *land conversion*, pertukaran syarat tanah daripada kediaman kepada komersial adalah lebih kurang RM10.5 juta. Sekarang wang dijimatkan, adakah *under counter* berlaku di dalam DBKL, mungkin satu juta, dua juta ringgit dibayar untuk mengecualikan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Pertukaran syarat tanah dan mendapatkan kelulusan dan macam mana ini boleh dapat? Kalau ini boleh jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen ya.

Tuan Tan Kok Wai: Mana-mana pun tanah kediaman, tanah pertanian boleh dirikan, baik pun kompleks perniagaan-perniagaan ataupun *Twin Tower*....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen silakan. Ya, cukuplah itu Yang Berhormat jelas sudah itu!

Tuan Yew Teong Look: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Cheras memanglah kes ini ada sedikit spesifik. Setakat ini seperti yang telah saya jawab ini ialah sangat terkini. Walau bagaimanapun DBKL sekarang lebih memandang serius tentang pembangunan-pembangunan akan datang di DBKL dan pandangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Cheras memang akan diambil kira oleh Kementerian saya. Mengenai soalan pelupusan sampah di Jinjang yang diutarakan oleh.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut, Perak.

Tuan Yew Teong Look: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi pun duduk dekat Sipitang tetapi bermalam di Kuala Lumpur. Yang Berhormat, Dewan Bandaraya dan Kementerian Yang Berhormat memang serius dalam mempertingkatkan lagi keadaan persekitaran bandar raya, tetapi Cheras tadi tidak serius, saya hendak bercakap ini supaya penduduk-penduduk Cheras dapat dengar suara wakil rakyat dia bercakap. Sebab apa saya kata dia tidak serius, sebab dia suruh Kementerian Wilayah Persekutuan. Kalau tutup kementerian ini bagaimana orang-orang Cheras hendak mendapat perkhidmatan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan?

Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau begitu tidak perlulah layan Cheras ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: kerana dia tidak serius....apa penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen? Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Terima kasih kepada Yang Berhormat memang Kementerian Wilayah Persekutuan dibentuk baru-baru ini hanya setahun lebih untuk menjaga ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Fungsi-fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan ini memanglah untuk meningkatkan pelaksanaan dasar-dasar di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan ini. Oleh itu saya sangat bersetujulah tentang apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat di mana kita sedang berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan atau pelaksanaan dasar-dasar kita di peringkat Wilayah Persekutuan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini memberitahu Dewan yang mulia ini saya rasa pemangku Menteri saya memang menjalankan tugasnya dengan baik. Ia sentiasa turun padang memahami tentang masalah-masalah yang berada di Kuala Lumpur dan mencari jalan untuk meningkatkan atau menyelesaikan masalah-masalah yang sedia ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi Cheras? Tadi sudah jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Kalau Menteri begitu bertanggungjawab dan *diligent* dan sentiasa turun padang, mengapa tidak turun padang Parlimen? Semalam dan hari ini juga. Macam mana janji pilihan rayanya? Itu mengkhianati.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ya..

Tuan Tan Kok Wai:penduduk-penduduk kawasannya sendiri?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Parlimen.

Tuan Yew Teong Look: Sudah semestinya Menteri mesti.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat panjang lagikah?

Tuan Yew Teong Look: Sedikit sahaja, sekejap sahaja....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung ya.

Tuan Yew Teong Look: Berkenaan dengan soal pelupusan sampah di Jinjang...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat sedikit sahaja Yang Berhormat, saya ingat kalau begitu Yang Berhormat, banyak masalah di Cheras ini oleh sebab mereka salah pilih wakil mungkin dan kita minta penduduk itu tukar angin sedikit untuk pilihan yang akan datang, mungkin Yang Berhormat setuju.

Beberapa Ahli: [Ketawa] [Menyampuk]

Tuan Yew Teong Look: Saya setuju, pada bulan Ogos 2002 aktiviti pelupusan sampah domestik telah dihentikan di Jinjang. Sampah domestik dibuang ke stesen pemindahan sisa pepejal Taman Beringin iaitu hanya sebagai *transfer station* sahaja iaitu kira-kira 1,500 sehingga 1,700 tan sampah domestik diterima setiap hari. Pada masa ini tapak pelupusan di Taman Beringin hanya menerima sampah *bulky waste* sahaja. Kebun-kebun dan bahan-bahan binaan itu sahaja, iaitu sampah dan kebun telah pun tidak dibuang di Taman Beringin. Sampah *bulky* itu tidak ada bau dan ia tidak akan mencemarkan udara....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong, cukuplah Puchong!

Seorang Ahli: Eh, Kepong!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong!

Tuan Yew Teong Look: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat kita pergi bersama-sama untuk melihat apa yang berlaku dan saya ada tengok sampah dibuang di situ dan tidak ada *sanitary landfill* langsung untuk lebih 30 tahun. Saya ada tengok dan ada buang di sana, *transfer station* itu lain kira. Memang ia RM100 juta digunakan untuk membina *transfer station* di Kepong juga, saya berharap Yang Berhormat dapat mengesahkan bilakah pusat pelupusan ini dapat ditutupkan sama sekali dan kemudian langkah-langkah susulan diambil?

Tuan Yew Teong Look: Untuk maklumat Yang Berhormat dari Kepong, dalam rancangan DBKL kita jangka akan berhenti pelupusan sampah di Taman Beringin pada akhir atau hujung tahun ini dan semua sampah *bulky waste* akan dihantar ke Puchong dan gudang untuk *landfill*.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Yew Teong Look: Sila.

Tuan Lau Yeng Peng: Saya keliru sedikit Yang Berhormat. Saya difahamkan bahawa di tempat pelupusan sampah di Air Hitam Puchong ini hanya menerima sampah-sarap daripada kawasan Selangor. Sekarang Yang Berhormat kata, pepejal *waste* akan dihantar ke Puchong, siapa yang betul ini? Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang betul atau kementerian yang betul? Saya hendak tanya sedikit, apakah penjelasan daripada Yang Berhormat? Kalau boleh, boleh *check* mungkin dengan Presiden Yang Berhormat ya?

Tuan Yew Teong Look: Okey, Terima kasih Ahli Parlimen bagi Puchong. Ini memang ada satu cadangan mungkin belum muktamad. Walau bagaimanapun pihak DBKL memandang serius tentang pelupusan sampah di Taman Beringin yang memang menjadi satu masalah di persekitaran. Memang saya boleh katakan seorang yang berasal

dari Kepong dan memang saya memahami tentang masalah-masalah yang ada di sana. Mengenai tentang lalu-lintas di Kuala Lumpur....

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada lagi. Puchong bangun Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bagaimana dengan tahap kemajuan tempat pelupusan sampah di Bukit Tagar setakat ini? Bukankah Bukit Tagar ini untuk dikhususkan untuk kawasan-kawasan utara Lembah Klang iaitu di Wilayah Persekutuan? Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat?

Tuan Yew Teong Look: Sebenarnya, Bukit Tagar telah mula digunakan. Sampah-sampah yang dikutip dari Kuala Lumpur di hantar ke stesen pemindahan CC berbaja di Taman Beringin, *transfer station* dan dihantar kemudian ke Bukit Tagar, memang digunakan.

Mengenai lalu-lintas, untuk makluman Ahli Yang Berhormat strategi yang digariskan itu termasuk pembinaan jalan baru, menambah pengangkutan awam, menyediakan *park and ride*, menambahkan transit aliran ringan LRT dan membina rangkaian jalan raya iaitu *missing link*. Projek seperti ini dijalankan secara berterusan. Sesetengahnya memakan masa yang agak lama untuk disiapkan, namun begitu pada masa kini beberapa projek jalan dan jejambat sedang berjalan dengan lancar termasuk projek jalan sambungan Lebuhraya Mahameru ke Jalan Sentul, pembinaan Jalan Duta ke Jalan Segambut dan projek DLT serta jejambat jalan sambungan Jalan Sultan Ismail ke bulatan Kampung Pandan akan dimulakan tidak lama lagi manakala projek *Integrated Transport Information System* (ITIS) dijangka akan beroperasi pada Disember 2005.

Lagi satu mengenai kuarters kerajaan.....

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Minta maaf Yang Berhormat. Saya hendak kembali kepada isu sampah itu. Kalau Bukit Tagar itu telah bersedia untuk menerima sampah sarap, bolehkah Yang Berhormat bercadang kepada kementerian bahawa sampah sarap daripada Wilayah Persekutuan, khususnya Bukit Tagar dengan izin *we are not welcome all the rubbish for Puchong but we welcome the people from Kuala Lumpur* ke Puchong. Bolehkah Yang Berhormat cadangkan kepada kementerian bahawa sampah-sarap daripada Wilayah Persekutuan terutama daripada Kepong pergi ke Bukit Tagar.

Tuan Yew Teong Look: Tidak ambil kiralah, akhirnya semua sampah akan dibuang di Bukit Tagar memang betul. Mengenai kuarters kerajaan di Jalan Davis adalah disediakan kemudahan sosial dan rekreasi di bekas tapak itu. Tapak seluasnya 34 ekar, telah dikenal pasti sebagai *city park* di kawasan ini.

DBKL telah pun membina padang bola dan tempat letak kereta di kawasan ini. Lain-lain cadangan-cadangan lain kemudahan sosial dan rekreasi yang akan dibangunkan iaitu antaranya *The Extreme Game*, taman permainan kanak-kanak, *outdoor gymnasium*, *multi-purpose court*, kolam renang awam, padang ragbi dan futsal. Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang saya dapat jawab soalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah habis Yang Berhormat Kepong, sudah tidak ada sudah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak, tidak, tidak, Yang Berhormat, ada banyak perkara lagi termasuk Yang Berhormat, iaitu beberapa minggu yang lepas ada seorang budak 10 tahun yang jatuh daripada lif dan mati, apakah terjadi dengan laporan yang lengkap itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, rumuskan Yang Berhormat, ya.

Tuan Yew Teong Look: Ya, berkenaan dengan budak yang mati itu, sebab itu flat swasta bukan flat DBKL, oleh itu saya tidak ada apa-apa maklumat. Tetapi untuk maklumat Yang Berhormat bagi Kepong, di bawah DBKL ada lebih kurang 40 buah flat di bawah jagaan DBKL. Apa yang terjadi yang disebut oleh Yang Berhormat Kepong itu adalah flat swasta....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Yew Teong Look: Itu sahajalah yang saya hendak sampaikan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh, hendak tanya sila datang ke kementerianlah Yang Berhormat, senang sedikit. Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini sedikit sahaja, sedikit sahaja. Bagi sedikit ruanglah. Ini DBKL yang bajetnya lebih daripada negeri Perak tahu? Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya hendak memberi satu cadangan. Cadangannya adalah untuk menjadi DBKL lebih mesra rakyat kerana kita semua ini yang duduk di bandar raya Kuala Lumpur ini kita juga membayar cukai kepada DBKL iaitu selalunya ramai penduduk yang khususnya kaum Cina yang keturunan yang lebih tua itu, mereka tidak fasih dalam Bahasa Malaysia. Bila mereka pergi ke pejabat DBKL sama ada cawangan DBKL atau pun Ibu Pejabat DBKL, susah bagi mereka meluahkan idea dan pandangan dan masalah mereka. Jadi saya hanya hendak minta DBKL untuk mengkaji lebih pegawai yang mungkin dalam Bahagian PR atau telefonis yang tahu bahasa Cina supaya bila penduduk ini pergi ke DBKL mereka sekurang-kurangnya ada orang yang boleh menterjemah fikiran dan pandangan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...serta masalah mereka kepada pegawai kaum lain di DBKL. Kalau KLIA boleh melantik.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh melantik 20 pegawai yang dapat bertutur dalam bahasa Cina di KLIA kita tidak lihat apa sebabnya DBKL tidak boleh berbuat demikian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, timbanglah, Yang Berhormat!

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Ketawa]*

Tuan Yew Teong Look: Ya, memang akan ditimbang. Itu sahaja yang saya hendak kemukakan dan saya harap soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen yang tidak dapat saya jawab di Dewan yang mulia ini kita boleh berbincang dalam forum lain dan saya harap kita semua mestilah berusaha untuk menaik taraf bandar raya Kuala Lumpur menjadi satu bandar raya yang bertaraf dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM192,398,200 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM192,398,200 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,703,600,000 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,703,600,000 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM453,311,010 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM453,311,010 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1)2005.

Maksud B.41 [Jadual]-

Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)2005]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahaskan. Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

12.53 tgh.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya bertanya kepada pihak kementerian di bawah Butiran 01000 - Pengurusan Kementerian. Di bawah pengurusan ini ada Butiran Pengurusan Sumber Manusia dan sebagainya 010330. Soalan yang hendak saya tanya, mana orang-orang menteri, kementerian? Tidak ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa Yang Berhormat, dia dengar di luar barangkali. Ha cakap sahajalah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hah? Cakap sahaja? Macam cakap dindinglah Tuan Pengerusi. Macam cakap dengan dindinglah. Tidak apalah, tidak apa. Saya akan bercakap juga dan saya berharap soalan saya ini kena bangkit kalau tidak saya anggap ini bercakap dengan dinding sahajalah.

Persoalan yang hendak saya tanya, pada satu ketika dahulu, kementerian membawa satu pendekatan baru sehaluan dengan dasar pendidikan seluruh dunia iaitu untuk mempelopori dasar interaktif semasa belajar, bukan apa yang dilakukan sekarang di mana guru menjadi *disseminator of knowledge* dengan izin dan guru sepatutnya menjadi fasilitator dalam pengajaran di sekolah-sekolah.

Tetapi apa yang dimaklumkan kepada saya, mengikut maklumat yang saya terima daripada pihak-pihak guru, khususnya guru-guru yang baru yang mempunyai ijazah dan mempunyai pendidikan yang tinggi mengatakan bahawa pendekatan yang dibuat oleh kementerian itu telah tidak diterima pakai oleh pihak-pihak yang telah berkhidmat dalam pendidikan selama 10 atau 12 tahun. Dengan alasan mereka ini dahulu makan garam, mereka sudah banyak melatih dan banyak orang yang berjaya jadi tidak perlu diubah yang interaktif ini dan yang fasilitator, yang *disseminator* ini benda yang *very heavy* bunyi namanya. Tetapi persoalannya seluruh dunia Tuan Pengerusi, kalau kita hendak anak-anak kita menjadi *competitive*, di peringkat inilah dasar ini mesti dipelopori.

Masalahnya saya *link* dengan kelulusan ijazah keluar universiti kerana budaya tidak dibudayakan. Anak-anak yang keluar universiti, graduan-graduan yang keluar daripada universiti di anggap tidak berdaya saing, masalahnya dia tidak boleh berbincang dengan *interviewers* dan sebagainya. Saya bangkitkan sekali lagi dan saya berbincang dengan pihak-pihak *commision* yang *interview* graduan-graduan kita ini, mendapati bahawa graduan ini tidak boleh berbincang, tidak boleh memberi pemikiran sendiri dan tidak berani hendak bercakap takut idea dia salah, sebabnya budaya ini tidak disemai daripada awal.

Ada tujuan kementerian ini hendak mempelopori idea ini tetapi malangnya telah mendapat *resistant* daripada dalaman jabatan dan kementerian itu sendiri. Persoalan pada saya apakah tindakan? Memang betul Tuan Pengerusi, saya berkelulusan daripada segi pentadbiran ini, *managing change*. Kalau kita *introduce* satu *change* dia mesti ada *resistant*nya tetapi apa pendekatan yang dibuat oleh kementerian supaya perubahan yang tidak kita perkenalkan ini boleh mendatang kepada pihak yang kita *target* dan yang *target group*nya ialah anak-anak kita di sekolah supaya menjadi anak-anak yang betul-betul berkualiti tinggi pada masa yang akan datang. Itu yang pertama soalan saya.

Yang kedua saya hendak bertanya, ini soalan sensitif tetapi saya hendak bertanya juga. Baru-baru ini ada satu tulisan yang saya baca dalam akhbar bertanya kenapa masyarakat lain khususnya disebut dalam ulasan akhbar itu, saya sudah lupa hari bulannya, mengatakan bahawa masyarakat Cina dan masyarakat India, kurang berminat memasuki sekolah nasional melainkan tidak ada pilihan lain. Salah satu daripada sebabnya yang disebut ialah oleh kerana banyak sangat agama - *too much religion*. Ini persoalan yang disebut dalam ulasan itu. Persoalan saya, benarkah ini? Persoalan saya ialah benarkah *too much religion* dalam sekolah nasional telah membangkitkan perasaan orang lain selain daripada orang Melayu mahu memasuki sekolah nasional ini. Kalau ya, adakah kajian secara strategik dan kajian-kajian secara khusus yang dibuat oleh kementerian untuk mengenal pasti betul atau tidak persoalan yang dibangkitkan ini. Ulasan dalam akhbar bukan menjawab tetapi satu ulasan mungkin ada fakta yang tertentu, mungkin ada satu *assumption* yang tertentu, kemungkinan berbangkit daripada satu perkara yang tertentu.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Persoalan ini dibangkit dan saya hendak bertanya betul atau tidak? Kalau tidak betul adakah kajian dibuat atau betul ada kajian dibuat dan apa keputusan pengkajian itu. Sedikit sahaja Yang Berhormat, ya.

Puan Chong Eng: Saya rasa sebagai seorang bukan Melayu mungkin saya boleh memberi sedikit pandangan tentang perkara ini. Saya rasa sekolah kebangsaan bukan sahaja terlalu beragama Islam tetapi budayanya tidak cukup *multiracial*. Dia selalunya terlalu kepada satu agama dan satu bangsa dan budaya dia tidak cukup *multiracial*. Kalau dia boleh lebih terbuka seperti bahasa yang tidak diguna, budaya di dalam sekolah itu kerana sekarang kadang-kadang apa-apa cuti yang dia hendak pohon dia pohon pada Hari Raya Puasa. Apabila semasa peperiksaan mungkin juga terjatuh dengan Deepavali dan juga Tahun Baru Cina, itulah saya rasa antara sebabnya mengapa bukan Melayu lebih pilih sekolah Cina atau Tamil. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi ini apa yang dikatakan kepada saya tadi satu *assumption* - satu tanggapan. Saya bertanya ataupun menyarankan kepada kementerian supaya membuat satu penyelidikan yang lebih mendapat fakta-fakta yang betul dan jawapan-jawapan yang sebetulnya. Jangan tanya orang-orang yang dalam sekolah itu, tanya orang yang di luar sekolah, ibu bapa, keluarga yang bukan Melayu yang tidak menghantar anak mereka ke sekolah nasional ini, di tanya kepada mereka kenapa tidak hantar? Adakah ulasan yang mengatakan oleh kerana sekolah nasional ini pendekatannya dari segi sains dan matematikanya tidak elok ataupun pendekatan daripada bahasa Inggerisnya tidak elok, atau gurunya kurang interaktif, gurunya mengatakan aku ini bijak, aku dilatih atau aku ada ijazah dan aku ada pengalaman, *you* ini ada anak murid yang baru masuk ke sekolah, siapa kamu ini mempersoalkan kebijaksanaan anak aku? Kalau inilah debatnya, kenapa kita gagal? Kena ditanya, jadi persoalannya ada atau tidak ada *ration*? Jangan buat ad-hoc perkara ini, ini soalan *human resource*, *human capital* yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Petra Jaya bangun Yang Berhormat, Petra Jaya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh soal jawab nanti, terima kasih. Sila.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kekanda saya iaitu Yang Berhormat bagi Santubong. Respons daripada apa yang dibangkitkan oleh Bukit Mertajam tadi, kalau kita tengok di Sarawak misalnya sekolah Ong Teng Sui dan juga SK Green Road, salah satu dua buah sekolah yang baik dari segi *performancenya*. Di mana *multiracial* kita dapat lihat di kedua-dua sekolah ini dipenuhi oleh *multiracial*, ada Cina, ada India dan semua bangsa dan kita lihat di sini bahawa dua sekolah ini dapat mengamalkan dan dapat mencapai kedudukan yang baik. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada *option*. Yang Berhormat ada dua, satu atau dua minit, saya hendak Yang Berhormat mesti habiskan.....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak, saya mesti habiskan masa saya itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, ada dua minit sahaja.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hendak jawab soalan ini sahaja?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sebab masa Yang Berhormat sudah habis.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya setuju, Green Road itu *evolution* daripada sekolah saya dahulu, sekolah saya ditutup yang jadi muzium. Green Road itu boleh dikatakan *one of the top performance* di Sarawak bahkan di seluruh Malaysia dalam semua segi. *Population ratio* dalam sekolah itu pun boleh dikatakan membanggakan. Dia cukup *reflecting Malaysian* punya *society*.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju sangat. Sekolah Ong Teng Sui juga sama mempunyai prestasi yang amat tinggi dan amat baik, bahkan saya membuat pilihan sebagai salah sebuah sekolah pilihan saya di Sarawak, kalau saya hendak hantar keluarga saya pergi bersekolah.

Tuan Pengerusi, saya ada satu lagi persoalan yang akhir sekali iaitu di bawah Lembaga Peperiksaan - 040200. Baru-baru ini saya dengar, berlaku di Sarawak seorang anak daripada satu keluarga yang semua anaknya mempunyai kecemerlangan dalam apa sahaja *public examination*. Apabila didapati dalam peperiksaan yang akhir, SPM kalau tidak salah saya, dimaklumkan kalau saya tidak salah, mungkin salahlah tetapi maklumat yang saya terima kerana sekolah ini di mana anak saya dahulu belajar. Budak ini didapati meniru jadi apabila dia didapati meniru dia dilarang menduduki peperiksaan seterusnya.

Persoalannya benarkah ini berlaku, kalau ini sebagai dasar dan kalau seseorang budak itu didapati meniru semasa peperiksaan budak itu akan dilarang *continue* dengan peperiksaannya ataupun anak itu disuruh meneruskan menduduki peperiksaan itu, selepas itu hanya dalam mata pelajarannya yang mana dia didapati meniru sahaja akan di *evaluate* secara berlainan dan yang lain itu dipantau dengan elok, yang mana satu pendekatan yang kementerian buat?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dalam itu Tuan Pengerusi, sedikit saya hendak beri *opinion*. Kalau saya yang duduk dalam lembaga peperiksaan saya tidak akan berhentikan anak ini daripada menduduki peperiksaan, saya teruskan dia ambil peperiksaan tetapi saya membuat pemantauan kepada subjek-subjek atau mata pelajaran

yang akan didudukinya supaya peluangnya untuk meniru ataupun membuat kerja yang salah tidak berbangkit tetapi kedudukannya untuk terus menduduki peperiksaan itu patutnya jangan dihentikan. Oleh sebab arahan Tuan Pengerusi, saya sebagai yang menghormati institusi Parlimen ini, Tuan Pengerusi, saya akur dan diucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Gantang.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tuan Pengerusi, saya sambungkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sambung jam 2.30 nanti, ya?

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini akan ditangguhkan dan disambung semula jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bukit Gantang sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus masuk ke butiran 020900 Pengurusan Buku Teks.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia seharusnya merasa bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional kerana kerajaan Nasional memang prihatin di mana anak-anak mereka bersekolah diberikan buku teks dan latihan dalam Skim Pinjaman Buku Teks untuk mengurangkan beban dalam menanggung persekolahan anak-anak mereka.

Malangnya perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian ialah buku-buku SPBT ini adalah diedarkan kepada murid-murid yang layak sudah dalam keadaan yang amat menyedihkan. Keadaan buku yang koyak rabak, kotor, ada muka surat yang hilang, comot dan buku-buku dalam keadaan ini sepatutnya harus dihapus kirakan dan tidak patut diedarkan kepada murid-murid kerana ia akan memalukan pihak kerajaan kita.

Perkara kedua dalam SPBT di sini ialah buku-buku SPBT yang diedarkan kepada murid-murid pada awal tahun sebenarnya disimpan oleh murid-murid sepanjang tahun dan dipulangkan pada akhir tahun sahaja kerana guru-guru tidak menggunakan buku-buku SPBT langsung. Sebaliknya guru-guru menggantikan dengan buku-buku samping iaitu buku-buku kerja yang dikeluarkan oleh penerbit-penerbit swasta sehingga membebaskan ibu bapa yang miskin yang mempunyai beberapa orang anak yang bersekolah. Yang menyedihkan ialah guru besar dan pengetua-petgetua pula mengambil kesempatan dan memaksa pula guru-guru untuk menggunakan buku tersebut.

Sekolah sebenarnya ialah sebagai pendidik untuk mendidik nilai-nilai murni tetapi pentadbir mengamalkannya secara di sebaliknya. Oleh itu kita rasa sedih melihat keadaan ini berada berlaku di sekolah-sekolah.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih. Saya pun ada dengar bahawa komisen dari penjualan buku itu. Dikatakan kalau buku itu dijual dengan harga RM10 maka guru atau Guru Besar boleh mendapat RM5. Ini merupakan komisen yang keterlaluan. Adakah Yang Berhormat Bukit Gantang juga ada dengar cerita macam itu. Adakah ia biasa.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Memang saya tidak dapat nafikan bahawa saya memang mendengar perkara-perkara ini berlaku di mana guru-guru besar mengambil komisen daripada 20 sampailah 40 dan 50 dan sebagainya. Dikatakan pada awal tahun apabila mereka menggunakan buku mata pelajaran daripada A sampai Z dan penerbit juga beri *under table* dan sebagainya seperti membawa mereka untuk melancong dan banyak lagi perkara-perkara yang tidak elok berlaku di peringkat sekolah. Seterusnya Tuan Pengerusi yang saya hendak bangkitkan di sini.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Bukit Gantang sekejap sahaja. Terima kasih Bukit Gantang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang itu tentang buku Yang Berhormat tetapi berbalik pada bantuan kepada orang miskin ini seperti bantuan pakaian sekolah dan sebagainya. Ia ada juga masalah apabila bantuan tersebut diberi secara tunai kepada keluarga. Kadang-kadang bantuan tersebut telah tidak digunakan untuk membeli baju dan sebagainya.

Saya sendiri menghadapi apabila saya pergi ke sekolah untuk menyampaikan hadiah pada hari cemerlang dan sebagainya, saya lihat apabila anak-anak miskin ini datang kasut mereka koyak, baju dari putih menjadi coklat. Bila saya tanya dapat atau tidak bantuan, dia kata dapat tetapi emak bapa mereka tidak beli baju ini. Bolehkah kita mencari satu alternatif supaya pakaian-pakaian ini dibekalkan terus kepada mereka. Jangan kita bagi duit. Kadang-kadang mereka kita bagi duit kepada emak bapa dia ada lain keutamaan daripada hendak bagi anak dia pakai baju elok. Ini menyebabkan kadang-kadang kita tengok terlampau daif. Saya tanya kasut sampai nampak ibu jari. Baju dia jadi warna coklat. Yang Berhormat mungkin cadangan ini supaya daripada kita beri tunai kepada keluarga kita beri bantuan pakaian kepada pelajar-pelajar tersebut. Terima kasih.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jerai bahawa memang pihak kementerian perlu lihat perkara ini sebab elok kita serahkan pakaian daripada memberi wang tunai.

Berbalik kepada buku kerja tadi yang diberi secara sampingan, kita tidak marah kalau buku digunakan secara maksimum tetapi masalahnya setelah dibeli buku kerja ini yang digunakan Cuma dua tiga muka surat sahaja atau langsung tidak digunakan. Tidakkah ini membazirkan terutama bagi golongan ibu bapa yang miskin.

Saya juga ingin bawa balik kepada perkara buku SPBT. Saya pun tidak salahkan kalau sekiranya guru-guru menggunakan buku SPBT dahulu setelah semua digunakan diberi latihan kepada pelajar-pelajar lepas itu kita hendak buat tambahan kita boleh belilah buku dari luar tetapi janganlah membazirkan. Seperkara lagi berkaitan buku SPBT di sini saya dapati guru juga rasa tidak mahu menggunakan buku SPBT kerana kandungan isinya tidak sesuai dan tidak mengikut format peperiksaan, sudah ketinggalan zaman dan sebagainya. Saya haraplah pihak kementerian dapat melihat perkara ini secara serius.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga masuk pada Butiran 01000 berkaitan bantuan modal. Pendidikan bagi kita adalah begitu penting kepada anak kita iaitu generasi muda tanpa mengira kaum. Tetapi sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dalam keadaan yang begitu daif dari segi fizikal, infrastruktur dan kemudahan asas.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, bolehkah pihak kementerian mempertimbangkan semula bantuan yang harus dihulurkan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Bolehkah kementerian juga fikirkan, jangan kita kata ini disebabkan kerana sekolah bantuan modal maka kita tidak boleh memberi bantuan secara penuh. Apa salahnya, sebab bagi kita anak-anak yang hendak belajar itu perlu ada kemudahan yang sebaik-baiknya. Sebab anak-anak ini apabila keluar dari bangku sekolah, mereka ini merupakan penyumbang kepada pembangunan dan ekonomi negara kita sebab itu kita jangan hendak bezakan ini sekolah kerajaan penuh, ini sekolah bantuan modal dan sebagainya berilah sama rata. Bagi kita yang penting itu ialah anak-anak kita dan kita tidak mahu lagi perkara-perkara ini dibangkitkan dan menjadi isu-isu hangat, terutamanya oleh parti-parti pembangkang.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya hendak masuk juga kepada Butiran 020100 - iaitu pengurusan sekolah Tuan Pengerusi. Saya sendiri sebagai pendidik, bekas pendidik, saya memang amat rasa sedih apabila melihat anak-anak kita pada hari ini zaman apa masih lagi buta 3M iaitu tidak tahu mengenal huruf A sampai Z, tidak tahu membaca, menulis dan juga mengira. Saya tidak tahu, kita renung bersama, mari kita renung bersama, apabila kita hantar anak ke sekolah iaitu darjah satu sampai ke darjah enam sekolah rendah, enam tahun takkan mereka tidak dapat mengenal A sampai Z. Kita tidak boleh menerima hakikat ini. Apakah yang sedang dilakukan oleh guru-guru, apakah peranan pentadbir sekolah, guru besar apa yang mereka sedang buat? Sebab kalau pukul rata setahun anak kita pergi ke sekolah ialah 190 hari, kalau enam tahun 1000 lebih hari iaitu 1140 hari.

Tuan Pengerusi: Sudah cukup.

Cik Tan Lian Hoe: Saya memanglah rasa kecewa. Saya tahu bahawa pihak kementerian kata kita ada kelas pemulihan tetapi kelas pemulihan itu sebenarnya gagal tidak dijalankan secara serius. Kalau dikatakan diadakan kelas pemulihan takkan dalam enam tahun ini, murid kita tidak boleh mengenal huruf. Bagi saya marilah pihak kementerian renung dan silalah ambil tindakan yang serius. Kalau perlu dipecat pecatlah guru besar ini sebab apakah peranan dia sebagai pentadbir untuk memastikan anak-anak di sekolah itu celik. Oleh itu, saya dengan ini terima kasih dan saya mohon menyokong.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Teng Boon Soon: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tebrau.

2.43 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbincangan.

Tuan Pengerusi, perkara pertama saya ingin menyentuh ialah di bawah 00100 - Pendidikan Pra Sekolah dan Rendah. Tuan Pengerusi, kementerian harus memandang serius dan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah kekurangan bilik darjah dan sekolah di kawasan-kawasan kediaman yang kepadatan penduduknya tinggi. Contohnya, di kawasan Tebrau terdapat sekolah kebangsaan Kota Masai, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Peng Yu Lima dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Tiram tidak dapat menampung keperluan murid-murid bagi tahun 2006.

Peruntukan khas perlulah disediakan dalam Bajet 2006 untuk menyediakan bilik darjah yang begitu mendesak diperlukan di kawasan-kawasan ini. Saya juga ingin menyentuh tentang masalah yang dihadapi tentang kekurangan guru teristimewa sifatnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Johor Bahru. Difahamkan kebelakangan ini Jabatan Pelajaran Negeri Johor telah memaklumkan pihak sekolah, mulai tahun 2006 sekolah jenis kebangsaan Cina (SJJC) tidak dibenarkan mengambil GSTT ataupun guru sandaran tidak terlatih. Adakah ini benar?

Jika benar, adakah Jabatan Pelajaran Negeri Johor dapat menjamin bahasa SJJC di Johor Bahru mendapat guru yang cukup bagi tahun persekolahan 2006. Pada masa ini, GSTT di SJJC-SJJC daerah Johor Bahru berjumlah lebih kurang 260 orang. Bolehkah kementerian menghantar seramai 260 orang guru ke Johor Bahru dalam masa yang singkat. Saya minta kementerian menyiasat dan terus membenarkan pengambilan guru GSTT bagi tahun 2006, khasnya untuk SJJC di Johor Bahru seperti dahulu sebelum guru terlatih mencukupi di daerah Johor Bahru.

Saya juga ingin menyentuh Butiran di bawah 020700 - Pendidikan Guru. Matlamat kementerian untuk menambah bilangan guru siswazah sehingga 100% di sekolah menengah dan 50% di sekolah rendah pada tahun 2010 memang dialu-alukan. Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan program pensiswazahan guru, harus mengambil kira

keadaan yang sebenarnya bekalan dan keperluan guru dan bukan melaksanakannya secara tergesa-gesa semata-mata kerana mematuhi dasar-dasar mengimplementasikan program pensiswazahan guru, khususnya di SJKC, di mana pemohon-pemohon dari kalangan siswazah untuk mengajar di SJKC tidak mencukupi. Dengan sebab itu pemohon dari bukan siswazah harus diberi pertimbangan iaitu mereka yang memohon dengan kelulusan SPM dan STPM perlu juga diberi pertimbangan.

Sementara ini, selain daripada KPLI iaitu Kursus Perguruan Untuk Siswazah, Kursus Perguruan Bukan Siswazah perlu juga diteruskan untuk memastikan kita mempunyai guru yang mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Butiran 01800 - Bahagian Teknologi Pendidikan dan juga 01700 - Pusat Perkembangan Kurikulum. Memandangkan Kementerian menghadapi masalah kekurangan guru bahasa Inggeris yang betul-betul mempunyai kemahiran mengajar bahasa Inggeris dengan efektif dan berkeyakinan, saya ingin tahu apakah langkah-langkah Kementerian ambil untuk membantu guru-guru yang kurang berkeyakinan ini supaya mutu pembelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris ditingkatkan lagi di peringkat sekolah rendah, khususnya. Ini termasuk penyediaan modul pengajaran bahasa Inggeris dalam bentuk VCD, LCD dan juga bahan-bahan dan aktiviti-aktiviti yang lebih berhubung kait dengan persekitaran kediaman murid. Ini dapat mencungkil minat-minat murid untuk mempelajari bahasa Inggeris. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

2.49 ptg.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada bekalan 41 bawah tajuk 020200 - Pendidikan Pra Sekolah juga. Seperti mana yang kita sedia maklum, pendidikan ini adalah untuk mengajar dan memberikan pendidikan kepada anak-anak kita yang berumur dalam lingkungan enam sampai, *sorry* empat sampai enam tahun.

Tuan Pengerusi, saya cuma khuatirkan apakah kualiti guru-guru yang mengajar dalam pendidikan pra sekolah ini kerana saya rasa pendidikan pra sekolah ini begitu penting sekali. Ini kerana ia memberikan pendedahan awal, sosial dan juga pengalaman kehidupan kepada anak-anak muda kita.

Saya ingin tanya pihak Kementerian, setakat mana kita memberikan latihan kepada guru-guru yang bakal mengajar dalam kelas-kelas yang memberikan pendidikan prasekolah ini kerana dalam negara kita wujudnya tabika Kemas, tabika perpaduan dan juga tabika yang diusahakan oleh pihak-pihak swasta dan saya rasa dari segi kualiti pengajaran itu, kita tidak akan bertolak ansur. Jadi saya ingin tahu apakah langkah-langkah dan juga rancangan-rancangan daripada pihak Kementerian dari segi latihan kepada guru-guru yang akan mengajar pendidikan prasekolah ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa pendidikan sekolah rendah dalam negara kita adalah diwajibkan dan wujudnya juga undang-undang yang mana ibu bapa yang telah pun gagal menghantar anak-anak mereka yang telah pun mencapai umur persekolahan itu ke peringkat pendidikan sekolah rendah. Kegagalan itu mungkin menyebabkan mereka didakwa di mahkamah kerana pendidikan rendah dalam negara kita adalah diwajibkan dan setakat manakah dari segi pendidikan pra sekolah pula saya ingin tanya pihak Kementerian, setakat manakah pihak Kementerian akan bersedia supaya kita akan mewajibkan juga pendidikan ini memandangkan pendidikan prasekolah ini adalah begitu penting sekali dalam usaha kita....

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee: Ya, silakan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Ini soal mewajibkan. Kita sudah mewajibkan sekolah rendah dan sekolah menengah. Kalau hendak wajibkan prasekolah, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di negeri Sabah ini, di kawasan saya, saya mempunyai 58 buah sekolah rendah. Daripada 58 buah sekolah rendah yang ada pra, sekolah barangkali tidak sampai 11. Kalau hendak wajib, kerajaan kena balik pasal di situ kemudahan tidak ada. Jadi ini Yang Berhormat saya cadang macam mana? Mahu fikir balik atau macam mana?

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Apabila Yang Berhormat berdiri tadi saya boleh bayangkan kesakitan Yang Berhormat. Betul-betul benarlah apabila Yang Berhormat mengemukakan masalah itu. Itulah sebab saya katakan mungkin kita dapat pandangan dan juga pendirian daripada pihak kementerian, setakat mana pihak kementerian dapat menyelesaikan masalah ini di samping juga kita menjaga supaya pendidikan prasekolah ini kita dapat tingkatkan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee: Silakan.

Tuan Pengerusi: Ya, Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya dari Kota Melaka. Adakah Yang Berhormat bagi Kota Melaka sedar bahawa perwujudan pra sekolah dan sekolah-sekolah rendah ini adalah untuk mereka dari golongan yang miskin. Bagi golongan yang tidak miskin, mereka ada Kemas dan mereka ada Jabatan Perpaduan. Kalau Kemas ada tabika, Jabatan Perpaduan pun ada tabika, jadi kalau kita buat prasekolah, kita hendak wajibkan semua sekali, saya rasa akan timbul kecelaruan persaingan antara prasekolah, sekolah rendah, Kemas dan juga tabika perpaduan. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Sebenarnya Tuan pengerusi, saya rasa persaingan itu adalah satu perkara yang baik. Persaingan itu kita menghala tujuan persaingan itu ke satu arah *ultimate aim*, dengan izin, iaitu ke atas kualiti pendidikan prasekolah yang baik dalam negara kita.

Yang kedua saya ingin sentuh juga tajuk Pendidikan Guru iaitu di bawah Butiran 020700 iaitu baru-baru ini wujud satu berita yang menyatakan bahawa wujudnya kekurangan guru di sekolah-sekolah yang mengajar subjek-subjek yang tertentu seperti juga di SJKC yang mana wujudnya kekurangan guru yang mengajar Bahasa Mandarin dan sebagainya dan saya ingin tahulah setakat mana kita dapat menyelesaikan masalah ini sama ada kita sudah dapat mengatasi masalah ini ataupun kita masih dalam proses cuba mencari ikhtiar untuk menyelesaikan masalah ini.

Baru-baru ini juga dikatakan oleh pihak kementerian bahawa ada rancangan untuk mengajar POL iaitu *Pupil's Own Language* dalam sekolah kebangsaan dan saya rasa ini adalah satu rancangan yang dialu-alukan kerana ia dapat memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, saya rasa ada satu sumber yang dapat menyelesaikan masalah ini iaitu pelajar-pelajar daripada sekolah menengah swasta Mandarin di negara kita yang mana wujudnya 60 buah sekolah-sekolah menengah swasta Mandarin, 37 di Semenanjung dan 23 di Sabah dan Sarawak. Saya rasa mereka merupakan satu sumber jugalah yang mana kita boleh memberikan pertimbangan kerana sijil-sijil daripada sekolah-sekolah menengah swasta Mandarin ini sebenarnya telah pun mendapat pengiktirafan daripada banyak universiti daripada luar negara. Jika universiti daripada luar negara dapat memberikan pengiktirafan kepada sijil-sijil itu, saya rasa tidak ada masalah bagi negara kita juga untuk memberikan pengiktirafan kepada pelajar-pelajar itu.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, atas tajuk Pendidikan Khas iaitu di bawah Butiran 030200 iaitu Program Integrasi Pendidikan Khas dan seperti mana kita sedia maklum pendidikan khas adalah untuk memberikan pendidikan kepada warga-warga muda

kita yang mempunyai masalah pembelajaran iaitu ADHG ke, *hyperactive* ataupun *down syndrome* ataupun anak-anak yang mempunyai masalah *autism*.

Tuan Pengerusi, saya rasa sedikit kecewalah kerana daripada perangkaan yang diberikan, bajet untuk kali ini sebenarnya kurang daripada bajet untuk tahun lalu dan saya percaya jika kita ingin mengambil kira kepentingan golongan anak-anak istimewa ini haruslah kita memberikan peruntukan yang istimewa juga kerana anak-anak muda ini, anak-anak istimewa, mereka memerlukan perhatian yang lebih bukan sahaja daripada ibu bapa tetapi dari guru-guru juga dan kepada

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee: *Sorry*, saya tidak ada masa lagi, nanti kita boleh bincang kerana masa sudah suntuk.

Tuan Pengerusi, dua cadangan iaitu saya kata ingin saya luahkan di dalam Dewan ini iaitu yang pertama sekali dua jenis bantuan kita boleh berikan kepada anak-anak istimewa ini. Yang pertama, berikanlah kualiti yang baik dari segi pembelajaran kepada anak-anak ini iaitu kita memerlukan guru-guru yang terlatih. Guru-guru yang terlatih bukan sahaja dari segi pengajaran tetapi dari segi psikologi juga anak-anak muda ini.

Yang kedua iaitu kita kena bagikan satu alam sekitar iaitu kelas-kelas yang tidak seperti kelas yang biasa tetapi kelas-kelas yang mirip kepada rumah-rumah, kelas-kelas yang sedia ada iaitu dia akan memberikan satu alam sekitar yang *conducive*, dengan izin, Tuan Pengerusi yang *conducive* kepada anak-anak muda ini, anak-anak istimewa ini untuk belajar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Bintang. Maaf, Bukit Mertajam.

2.59 ptg.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh kepada bantuan modal yang diberi di dalam Bajet 2006 ini ialah sebanyak RM21 juta. Saya rasa ini adalah tidak cukup kerana Timbalan Menteri ada di sini, saya tidak akan menyebutkan semua jumlah mana sekolah yang memerlukan peruntukan. Timbalan Menteri boleh membaca Mandarin.

Beliau boleh baca di dalam surat khabar hari ini di mana angka-angka yang telah diumumkan oleh Dong Jiao Zong bahawa telah *diestimate*, yang perlu untuk 232 buah sekolah rendah jenis kebangsaan termasuk bantuan penuh dan bantuan modal ialah RM50 juta. Jumlah RM21 juta hanya merupakan 40% sahaja tetapi kalau kita melihat bahawa peruntukan untuk program sistem komputer dan sekolah bestari adalah RM58 juta.

Walaupun skill komputer adalah sangat penting, tetapi saya rasa, sekolah yang selamat ataupun *classroom* yang selamat adalah lebih penting lagi kalau berbanding dengan makmal komputer. Saya ingin menyeru kepada Kementerian Pelajaran untuk memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah yang menghadapi masalah yang bangunannya tidak selamat, bangunannya uzur dan juga kemudahan-kemudahan fizikal yang tidak cukup. Kalau wang ini tidak cukup, saya rasa kita perlu beri keutamaan untuk memperbaiki sekolah-sekolah seperti ini dan juga sekolah-sekolah seperti di Sabah dan Sarawak.

Saya juga ingin menyentuh kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang bagaimana pelajar kita yang sudah habis enam tahun dan tidak boleh menguasai 3M. Saya menyambut baik tindakan yang dikatakan akan dijalankan oleh pihak kementerian iaitu menetapkan bahawa murid-murid seperti ini mesti masuk kelas pemulihan. Tetapi saya rasa, ini sudah pun terlambat. Kalau sampai kelas pemulihan, baru nak belajar membaca, mengira, ini sudah terlambat.

Saya harap Kementerian Pelajaran boleh mengambil tindakan lebih awal, iaitu pada pelajar tingkatan satu, darjah satu pun telah boleh mengenal pasti pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajaran dan *resources* ataupun masa yang lebih banyak mesti diberi

perhatian, diberikan kepada pelajar-pelajar seperti ini iaitu seperti sistem *tutorial* di dalam universiti patutlah diadakan dalam sejak darjah satu lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Gantang.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Seperti yang saya katakan tadi, kelas pemulihan memang dijalankan di sekolah-sekolah. Tetapi kalau dijalankan dengan secara bersungguh-sungguh di peringkat awal, saya ingat pada hari ini kita tidak dapat hasilkan, tak akan hasilkan murid-murid yang tidak dapat menguasai 3M. Sebab itu, saya mohonlah, ya. Apa pendapat Yang Berhormat Bukit Mertajam?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Bukit Mertajam, boleh tambah sikit tak?

Puan Chong Eng: Saya tak ada masa lah!

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Perkara yang sama.

Puan Chong Eng: Jangan, jangan, jangan. Saya tak ada masa. Ada lagi, ya, *sorry*. Saya rasa di dalam Kementerian Pelajaran pun patutnya ada banyak pakar. Mereka patut tahu apa yang patut dibuat. Saya hendak cadangkan bahawa yang bilangan belajar kelas itu mestilah dikecilkan, *small class*. Kalau dia mempunyai pelajar yang ramai, dia patut diberi pembantu guru. Guru patutlah diberi seorang pembantu.

Saya nak sentuh juga polisi atau dasar mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Saya rasa, Menteri mesti pun baca juga laporan UNESCO. *The UNESCO Education Position Paper, 2003* yang *entitled* dengan izin, *Education in a Multi-Lingual World*, yang ia dengan jelas mengatakan untuk peringkat awal, adalah sangat penting untuk pelajar mempelajari dalam bahasa ibundanya. Kalau tidak, dia akan menjadi masalah khasnya kepada mereka yang lemah lagi. Pelajar yang lemah.

Yang dikatakan di sini, dengan izin, *Mother tongue instruction is essential for initial instruction and literacy, and should be extended to as late a stage in education as possible. Every people should begin his or her formal education in his or her mother tongue*. Kalau tidak, dia akan menghadapi masalah. Saya, saya tidak faham mengapa Menteri Pelajaran begitu sensitif apabila MCA dan Gerakan mengatakan kita patut mengkaji balik polisi ini dan menggunakan bahasa Ibunda. Mengapa menteri ini melihatnya sebagai satu ...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan sikit.

Puan Chong Eng: Nanti, nanti, tak, tak, tak.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ini kena mengena dengan...

Puan Chong Eng: ..sebagai satu, satu isu perkauman.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: ..bahasa Ibunda.

Puan Chong Eng: ...kerana..., nanti. Saya tak ada masa, 10 minit sahaja. Nanti YB. Boleh buat ucapan ya..*[Ketawa]*.

Kerana ini saya rasa, pelajar-pelajar Melayu di kampung tentu menghadapi masalah yang sama teruk juga kalau berbanding dengan pelajar Cina di kampung baru dan juga pelajar Tamil di estate, sama-sama ada masalah. Saya rasa kita tak boleh kerana hendak jatuh 'seri muka', tidak mahu mengkaji..

Tuan Pengerusi: Air muka.

Puan Chong Eng: Ya, air muka. *[Ketawa]*. Saya rasa adalah masa depan generasi muda adalah lebih penting daripada air muka menteri ataupun kerajaan. Saya hendak menyeru supaya kita mengkaji balik dan mengembalikan kepada dasar yang lama ialah gunakan bahasa Ibunda di dalam peringkat awal. Kita bukan kata tak mahu belajar bahasa Inggeris, belajar bahasa Inggeris. Tetapi belajar bahasa Inggeris dalam subjek Inggeris dan bukan melalui mempelajari *Math* dan *Science* dalam bahasa Inggeris. Di sini, semalam, menteri mengatakan, dia mengatakan, *education system must meet needs of all*. Di dalam sini dia seperti dia sangat terbuka. Tetapi di dalam isu mengajar *Math* dan *Science* dalam bahasa Inggeris dia begitu sempit. Dia tak boleh bincang langsung. Dia

kata jangan cakap. Dia arahkan itu Gerakan punya Timbalan Presiden Gerakan, tak boleh cakap lagi. Saya rasa ini tak ada semangat Barisan Nasional lah!

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ini sangat *authoritarian*!

Tuan Pengerusi: Masa cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Yang akhir sekali, saya ingin menarik perhatian menteri mengenai sepucuk surat yang telah dikirimkan kepada beliau. Ini ialah mengenai Sekolah Kebangsaan Auma di mana ada sekumpulan ibu bapa sangat tidak puas hati dengan pihak sekolah dengan caranya pihak sekolah yang mengendalikan kejadian di sekolah itu, iaitu pihak sekolah menuduh bahawa ada murid yang berkencing di kelas! *[Ketawa]* Ya, ini perkaranya ya! Kencing di dalam kelas.

Kita tidak tahu adakah itu benar, atau tidak benar? Tetapi dia telah diidentifikasi bahawa adalah sekumpulan pelajar India. Ada seorang pelajar yang dikatakan ada kala dia yang buat. Tetapi pelajar itu, kebetulan pada hari itu, dia tidak pergi ke sekolah. Ibu bapanya mengadu bahawa cikgu atau penolong pengetua, dan juga disiplin *teacher* yang memarahi sekumpulan pelajar ini mengatakan bahawa mereka ini seperti anjing. Saya rasa tak ada ibu bapa yang akan terimalah atau tidak marah kalau anak mereka dikatakan begitu.

Mereka hendak cari, nak berbincang dengan pihak sekolah tetapi pihak sekolah tak mahu layan mereka. Dua kali mesyuarat telah ditetapkan tetapi ia *dicancel* pada *last minute* dan tidak diberi apa-apa alasan. Saya hendak mendapat jawapan dari menteri kerana aduan terhadap PK Pentadbiran Sekolah Menengah Taman Sejahtera di Bukit Mertajam, telah dikirimkan kepada beliau fan apakah tindakannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik. Bagi Tenomlah.

3.10 ptg.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Sabah dapat giliran juga, terima kasih. Saya ingin menjurus kepada Maksud P.41 berkenaan dengan Butiran 00100 - Pendidikan Prasekolah dan Rendah. Berkenaan dengan sekolah-sekolah hari ini seperti di kawasan saya, terdapat beberapa sekolah yang sering dilanda banjir, jadi sekolah-sekolah ini apabila dilanda banjir kebanyakan daripada peralatan sekolah seperti kerusi, bangku, buku-buku kadang-kadang tidak dapat diselamatkan, terlalu rosak dan begitu juga dengan peralatan sekolah yang lain. Saya harap pihak kementerian berkenaan dengan sekolah-sekolah ini supaya dapat dimasukkan sekolah-sekolah ini agar dapat dipindahkan ke kawasan yang lebih baik lagi.

Dan saya lihat dalam peruntukan ini ada juga Kepala 03900 iaitu Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri. Di sini saya harap pihak Kementerian supaya dapat memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah yang sering dilanda banjir ini supaya dapat dipindahkan lokasinya. Seperti mana di sekolah saya terdapat lima buah sekolah iaitu SRK Inubai, Gumisi, Kemabong, Kuala Tomani dan 'Kalang Kana'. Sekolah-sekolah ini terletak berhampiran dengan sungai yang sering dilanda banjir. Saya harap pihak kementerian mesti memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah ini dan perkara ini pun telah saya bangkitkan pada sesi yang lalu.

Perkara yang kedua iaitu berkenaan dengan asrama Butiran 00900. Saya dapati asrama-asrama seperti mana saya ada membuat lawatan dengan Pegawai Pendidikan Daerah di mana terdapat beberapa sekolah saya dapati kebanyakan kelengkapan-kelengkapan di asrama ini, saya lihat telah usang dan bila saya bertanya kepada pegawai pendidikan, masih menunggu peruntukan sedangkan saya dapati ramai di antara pelajar-pelajar ini tidak selesai dengan keadaan asrama.

Begitu juga dengan air, seperti mana di tempat saya ada satu sekolah SRK Kemabong, hingga hari ini mereka masih mengalami masalah air. Mereka terpaksa pam air masuk ke dalam lepas tu membina kolam-kolam di luar asrama kerana kekurangan

bekalan air ini, dan saya lihat keadaan para pelajar pada ketika itu memanglah amat tidak baik dengan bekalan air yang tidak ditapis.

Saya harap pihak kementerian dapat menimbang perkara ini dan perkara yang seterusnya iaitu Butiran 020700 berkenaan dengan Pendidikan Guru. Pada masa yang lepas saya lihat berkenaan dengan penempatan guru-guru ini. Masalahnya sekarang di luar bandar bila saya bertanya kepada pihak jabatan, di luar bandar ini mereka kata tak kekurangan guru, semua sudah diisi. Tapi apabila saya membuat lawatan ke sekolah-sekolah, apabila saya mendapat aduan daripada guru-guru terutama pengetua ataupun guru besar, mereka mengatakan, memang dalam sekolah ini masih kekurangan guru-guru.

Saya tidak faham kenapa perkara ini boleh berlaku, dalam surat khabar pada masa yang lalu di Sabah, ada menyatakan guru-guru di luar bandar cukup, walhal bila saya tinjau dan saya lihat sendiri bersama dengan pegawai pendidikan, guru-guru ini amat kurang sekali terutama kepada guru-guru *option* yang bahasa Inggeris dan juga Sains dan Matematik. Apatah lagi di luar bandar ini kita lihat subjek-subjek ini apabila peperiksaan, memang keputusan itu amat jauh ketara sangat dengan keputusan di bandar. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ledang.

3.15 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 20000 dan 40000 sekali gus iaitu Pendidikan Rendah dan Menengah dan Pengurusan Dasar Pendidikan.

Tuan Pengerusi, umum mengetahui bahawa akhir-akhir ini modal insan sangat penting tetapi sekiranya kita tak merangkumi semua sekali, saya fikir modal insan yang kita bina akan musnah hanya dengan sebab perkara-perkara yang mungkin kita anggap remeh. Salah satu perkara yang dianggap remeh Tuan Pengerusi walaupun di peringkat sekolah ialah pemanduan secara berhemah. Tempoh hari di Kementerian Pengangkutan saya membangkitkan tentang pelajar-pelajar atau murid-murid yang menggunakan motosikal tanpa lesen ataupun yang menunggang motosikal, memandu motosikal tanpa motosikal yang sempurna.

Sedangkan perkara ini Tuan Pengerusi, boleh menjejaskan mereka malahan sekali gus mendidik mereka secara tidak langsung tidak menghormati undang-undang jalan raya. Sekali gus juga tidak menghormati undang-undang negara daripada peringkat sekolah lagi, daripada peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah mereka telah dididik secara tidak langsung, tidak menghormati undang-undang, tidak menghormati peraturan. Sekiranya di peringkat rendah, di peringkat sekolah menengah dan rendah, mereka sudah dididik secara tidak langsung, tidak menghormati undang-undang negara ataupun peraturan termasuklah undang-undang jalan raya, bagaimana kita menjangkakan mereka akan menghormati undang-undang negara, menghormati undang-undang jalan raya setelah mereka keluar sekolah.

Oleh itu Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan pihak polis, bekerjasama dengan pihak Kementerian Pengangkutan untuk melaksanakan suatu sistem di mana di peringkat awal lagi, murid-murid ataupun pelajar-pelajar diberikan suatu suntikan tentang kesedaran menghormati undang-undang jalan raya.

Pertama Tuan Pengerusi, pihak sekolah mestilah mendapatkan pertolongan, bukan setakat bekerjasama malahan mereka mestilah mendapatkan pertolongan daripada polis supaya mengenakan tindakan yang tegas, keras, kalau boleh garang pun garanglah macam masa kami sekolah dulu kepada penunggang-penunggang motosikal di sekolah, walaupun dalam kompaun sekolah, walaupun motosikal-motosikal yang diletakkan dalam kawasan sekolah tak cukup alat, tangkap. Walaupun ibu bapa garang, walaupun ibu bapa menolak sekalipun kerana sekiranya kita kompromi dengan ibu bapa yang menentang penguatkuasaan undang-undang jalan raya, walaupun dalam kawasan sekolah, saya fikir

satu masa nanti masalah kemalangan jalan raya yang berlaku sekarang, yang serius tidak akan dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi, dari segi kokurikulum saya fikir juga, pengajaran untuk mendapatkan lesen kelas L ini, mengenal papan tanda, mengenal papan tanda jalan raya mestilah dididik lebih awal lagi, lebih serius lagi di peringkat sekolah supaya mereka nanti apabila keluar, umur mereka 18 tahun nak ada lesen L, mereka tak perlulah ada pengesahan semula kerana mereka telah pun dididik begitu rupa mengenali ataupun memahami undang-undang jalan raya.

Tuan Pengerusi, perkara yang seterusnya ialah yang berkaitan dengan - sekarang ini Tuan Pengerusi ada satu peraturan baru, di mana sekolah rendah darjah 5 balik pukul 1.30 petang. Mungkin di sekolah-sekolah lain tidak ada masalah tapi bagi kes di Johor Tuan Pengerusi, di Johor sekolah agama, mula pukul 2.00 petang, sekolah rendah darjah 5, balik pukul 1.30 petang. Jarak antara 1.30 hingga pukul 2.00 petang saya fikir tidak cukup Tuan Pengerusi untuk mereka berehat sekejap, makan, sembahyang dan sebagainya. Kalau boleh perkara ini mungkin dilihat semula, walaupun kita terpaksa mengejar soal pendidikan, akademik tetapi soal pendidikan agama, di sekolah Johor misalnya perlu juga diambil kira supaya anak-anak tidak ketinggalan.

Tuan Pengerusi, begitu juga soal pengambilan pelajar-pelajar murid-murid ke Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri asrama penuh. Saya difahamkan bagi lepasan sekolah rendah yang mendapat 5 A, tetapi bukan daripada sekolah kerajaan tidak diberikan keutamaan, malah peluang untuk mereka masuk ke sekolah asrama penuh. Pada saya Tuan Pengerusi, mungkin pada peringkat awal, taraf keluarga mampu untuk mendidik mereka di sekolah swasta ataupun sekolah agama dan sebagainya. Mereka dapat 5A sepatutnya mereka diberikan peluang ke sekolah asrama penuh kerajaan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali dahulu pernah pihak sekolah bercakap pihak juga Kementerian Pelajaran atau pendidikan bercakap tentang padang-padang sekolah yang hendak diselamatkan. Saya lihat pertamanya padang-padang sekolah masih lagi digunakan untuk membina projek-projek baru. Itu satu aspek, tetapi yang saya hendak cerita, yang saya hendak sebut ialah, bagaimana dengan padang-padang sekolah yang sekarang ini telah pun kuncup ataupun bagi sesetengah sekolah tiada langsung.

Dahulu padang, sekarang sudah tidak ada padang. Saya terdorong supaya Kementerian Pelajaran melihat perkara ini untuk membela sekolah-sekolah yang tidak ada padang di mana kalau perlu ambil tanah, ambil tanah sebab modal insan, modal insan dari sudut semua. bukan sahaja dari sudut akademi, malahan dari sudut sukan dan sebagainya supaya mereka dapat belajar dalam suasana yang kondusif. Tetapi kalau padang tiada, saya tidak nampaklah dia punya kondusif dengan izin. Terima kasih saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

3.21 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya Cuma hendak menyentuh dua tiga perkara sahaja. Pertama sekali 03600 dan 03500, pertama sekali, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Pelajaran yang telah memberikan peruntukan yang amat besar bagi tujuan ubahsuai dan naik taraf pembangunan luar bandar Sarawak. Sebagaimana kita tahu cabaran utama kita khususnya di Sarawak, untuk meningkatkan infrastruktur dan info struktur pendidikan, menyediakan sumber tenaga pengajar yang mencukupi dan komited, meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat pendidikan. Sarawak sebagaimana kita tahu, dari segi faktor Geografi dan Sejarah yang amat luas dan yang mencabar sudah pasti kita masih jauh ketinggalan dalam konteks info struktur.

Saya ingin mengambil contoh, kalau kita lihat sahaja dalam dari segi kemudahan elektrik di luar bandar. Setakat ini yang mempunyai talian tetap sekolah rendah hanya 838 buah sekolah sahaja yang ada talian tetap. Manakala 422 masih menggunakan janakuasa. Sekolah menengah pula yang ada talian tetap ialah 164 dan 8 masih dibekalkan dengan

janakuasa. Dalam konteks talian telefon pula, yang ada talian telefon biasa 482 sekolah manakala yang menggunakan VSAT ataupun USP 110. Masih ada 668 buah sekolah yang masih belum ada talian yang disambung dengan talian telefon. Kalau kita hendak melihat dalam program sistem komputeran di mana kita hendak merapatkan jurang pendidikan dan masih ada beberapa pelajaran yang menggunakan komputer. Sudah tentu 668 buah sekolah tadi yang tiada talian telefon akan ketinggalan dalam konteks ini.

Saya mengharapkanlah terdapat kementerian mengambil pandangan dan berhubung dengan pihak-pihak lain yang terlibat untuk mempercepatkan perhubungan talian telefon dan juga elektrik bagi memudahkan, mempercepatkan digital gap ini dirapatkan. Saya ingin tahu juga dalam banyak-banyak sekolah, sudah tentu banyak sekolah yang masih di Sarawak kalau kita lihat, masih ketinggalan dari segi bangunannya. Bangunan sahaja telah usang. Misal kata dalam kawasan saya ada dua buah sekolah, masih merupakan sekolah yang usang, bangunannya masih bangunan lama, bangunan kayu, Sekolah SK Matang dan SK Sekijang.

Saya beberapa kali telah melawat sekolah tersebut, menerima aduan daripada guru dan juga ibu bapa. Ada alang ataupun alang kayu yang telah dimakan anai-anai boleh roboh pada bila-bila masa. Kalau dapat, saya minta perhatian daripada pihak kementerian untuk menyasat supaya tidak akan berlaku nanti sekolah sudah roboh dan ada kecederaan, baru kita hendak ambil tindakan.

Kalau dapat, kita menyasat segera kedua-dua sekolah ini dan mengadakan ataupun menjalankan baik pulih, kalau tidak tersenarai dalam 2006 ini macam mana kita hendak usahakan perkara ini.

Yang akhirnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan 02300, Institut Aminuddin Baki. Sebagaimana kita tahu, institut ini ialah untuk melatih para guru untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dan sebagainya. Masa ini apa yang kita lakukan ialah para guru di Sarawak, dihantar ke Semenanjung untuk menjalani kursus. Saya ingin tahu, adakah kementerian untuk menubuhkan satu institut Aminuddin Baki di Sarawak ataupun di Kepulauan Borneo untuk merangkumi Sabah dan Sarawak, supaya guru-guru ini tidak perlu lagi dihantar ke Semenanjung.

Dengan cara itu sudah pasti kita akan dapat menjimatkan masa dan juga kewangan dari segi *transportation* dengan izin untuk menghantar mereka dan menyediakan tempat penginapan mereka di Semenanjung ini, sudah tentu memakan kos. Dengan adanya Institut tersebut di sama ada di Sarawak, di Sabah maka kita akan dapat menjimatkan segala kos dari segi penginapan dan juga pengangkutan ini. Untuk itu, Tuan Pengerusi saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

3.26 ptg

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ingin merujuk kepada emolumen tentang sikap Menteri yang mengatakan satu perkataan yang dilaporkan dalam surat khabar Cina iaitu *Nanyang Siang Pau*, yang berkata begitu, [*Membaca sebaris ayat dalam surat khabar Cina Nanyang Siang Pau*]. Apakah ertinya ini? Ertinya dalam bahasa adalah, 'awak lebih ugut saya, saya lebih lambat buat keputusan'. Menteri Mengatakan perkataan ini mengenai pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris.

Siapa yang ugut itu Menteri? Itu adalah seruan masyarakat Cina bahawa kita tidak harus melanjutkan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Itu adalah seruan dari masyarakat, dari rakyat tetapi dipandang sebagai ugutan oleh seorang Menteri. Saya fikir sikap sebegini tidaklah boleh kita galakan. Itu adalah satu sikap yang sombong dan yang angkuh. Saya ingin tahu apakah pendirian gerakan MCA dan SUPP di atas kenyataan ini, perkataan ini.

Kita semua tahu, masyarakat Cina menganggap bahawa pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris tidak dapat meningkatkan taraf Inggeris dan taraf

Matematik dan Sains dengan berkesannya. Itulah seruan rakyat kita. Saya harap kerajaan akan menerima seruan ini dengan sikap yang lebih terbuka dan bukanlah menggagapnya itu sebagai satu ugutan. Sikap Menteri itu yang angkuh yang sombong ini telah ditunjukkan berulang kali seperti satu contohnya adalah menunjukkan keris dalam ucapannya. Apa guna hendak menunjukkan kekuatannyakah?

Kalau mahu menunjuk keris, saya juga boleh menunjuk kuntau tetapi itu bukan cara untuk menyelesaikan masalah dan saya harap kerajaan akan menghormati seruan rakyat jelata dan meninjau sekali lagi tentang pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris, itulah perkara pertama.

Perkara kedua adalah mengenai peruntukan untuk SJK (C) dan saya ingin merujuk khasnya kepada enam buah sekolah di Kuching iaitu Kuching Chong Hwa Primary School I, II, III, IV, V, VI. kerana saya ada di maklumkan bahawa kos penyelenggaraan enam sekolah ini setahun lebih kurang RM500,000 bukanlah satu jumlah yang besar. Tetapi setiap tahun tidak ada peruntukan untuk sekolah ini dan di antara apa-apa yang harus dibuat adalah pendawaian elektrik (*electrical wiring*). Ini adalah satu perkara yang mustahak kerana kalau ada *short circuit* mungkin murid atau cikgu akan mati terkena *electricity*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Janganlah kita tunggu hingga satu kejadian kemalangan yang ada orang mati barulah kerajaan ambil perhatian seperti *termite* di dalam - itu guru apa? Di Alor Setar sana, seorang guru mati barulah kerajaan memberi peruntukan dan sekolah ini khususnya Chong Hwa Primary School II, guru besarnya telah menulis dan memohon peruntukan supaya pendawaian *electricity* boleh dijalankan semula pada awal tahun ini tetapi hingga sekarang tidak ada apa-apa jawapan. Adakah kerajaan rela tengok ada kejadian dan kemalangan berlaku baru mahu mengambil perhatian dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Tuan Chong Chieng Jen: Oleh itu saya memohon supaya dalam tahun yang akan datang 2006, satu peruntukan diberi kepada Kuching Chong Hwa Primary School I, II, III, IV dan V satu jumlah RM500,000 untuk enam buah sekolah itu jumlah muridnya adalah 7,800 lebih orang. Itu adalah *sap, sap, soi*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu *sap, sap, soi*?

Tuan Chong Chieng Jen: *Sap, sap, soi* itu adalah sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh sedikit sahaja, okey!

Tuan Chong Chieng Jen: berbanding dengan jumlah yang diperuntukkan untuk pembangunan sekolah-sekolah yang lain. Oleh itu sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran.

3.33 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang bagi turut terlibat dalam perbahasan ini. Saya akan terus ke B.41, Butiran 03500 - Ubahsuai dan Naik Taraf Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak dan bagi maksud Pembangunan 41 Butiran 00200 - Pendidikan Menengah dan Matrikulasi dan Butiran 01100 - Bantuan Modal.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu isu yang telah dinyatakan oleh pemangku Pengarah Pendidikan Negeri Sabah, Puan Normah baru-baru ini berhubung dengan kelas sesak di negeri Sabah khususnya di Kota Kinabalu. Kelas sesak ini melibatkan beberapa sekolah yang cemerlang di negeri Sabah khususnya di Kota Kinabalu yang melibatkan Sekolah Menengah All Saints, Sekolah Menengah Lok Yuk di Likas, Sekolah Menengah La Salle, Sekolah Menengah St. John, Sekolah Menengah Maktab Sabah, Sekolah Menengah Convent St. Francis dan Sekolah Menengah Tinggi Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi dalam keadaan sesak di sekolah-sekolah ini ada pula sekolah yang kekurangan ataupun kekurangan murid atau pelajar iaitu SMK Pulau Gaya. Pemangku Pengarah Puan Normah mengatakan bahawa pada masa ini sekolah-sekolah ini mempunyai 50 pelajar dalam satu kelas. Secara idealnya satu kelas sepatutnya 36 orang, di SMK Pulau Gaya hanya 30 orang.

Tuan Pengerusi, sebenarnya di negeri Sabah ini beberapa buah sekolah menengah yang cantik-cantik lebih cantik daripada *resort* yang telah dibina. Sebagai contoh SMK Tebobon, beberapa lagi sekolah yang begitu cantik termasuklah SMK Kemabong dan sebagainya tetapi masih lagi ada sekolah-sekolah menengah yang kesesakan. Ini bererti bahawa kerajaan telah memberi peruntukan yang besar untuk pembinaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Lebih RM1 bilion telah diperuntukkan untuk ubahsuai dan naik taraf sekolah-sekolah di negeri Sabah.

Persoalannya di sini ialah dari segi keutamaan, kita ambil contoh Sekolah Menengah St. Francis Convent, ini adalah satu sekolah perempuan cemerlang di negeri Sabah tiap-tiap tahun keputusannya cemerlang dan semua ibu bapa mahu menghantar anak mereka di sana tetapi mereka tercabar untuk memperbaiki dan memperbesarkan sekolah ini sebab sekolah ini adalah sekolah *mission*.

Saya difahamkan pada satu Disember ini iaitu satu Dialog Pendidikan Borneo yang akan dihadiri sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya hal-hal seperti ini dibincangkan dan diatasi. Sebab sekolah-sekolah yang baik-baik, sekolah yang cemerlang, sekolah yang melahirkan pemimpin-pemimpin negeri dan negara di negeri Sabah tidak diambil peduli dari segi prasarannya, dari segi kelas dan sebagainya.

Begitu juga di kawasan saya Sekolah Menengah St. John. Kalau kita pergi ke sekolah ini, sekolah yang telah melahirkan ramai wakil rakyat, ramai pemimpin kerajaan tetapi terbiar hanya kerana masalah sekolah ini sebagai satu sekolah *mission*.

Oleh sebab itu kerajaan tidak boleh membiarkan keadaan begitu sahaja dan saya mohon mencadangkan supaya pada tahun hadapan permulaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini pihak kerajaan meneliti dengan sebaik-baik mungkin bagaimana kita boleh memperbaiki, mengatasi masalah-masalah prasarana yang dihadapi oleh sekolah-sekolah yang baik-baik ini.

Saya ambil contoh misalnya Sekolah Menengah Tinggi Kota Kinabalu, sudah ada ibu bapa yang sudah marah-marah termasuk orang yang banyak menderma kepada sekolah ini tidak dapat menghantar anak mereka ke sana. Mereka mahu menghantarkan anak mereka ke Sekolah Menengah Tinggi Kota Kinabalu sebab sekolah ini baik prestasinya.

Tuan Pengerusi, masalah ini tidak boleh diatasi dengan hanya mengatakan seperti mana yang dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Negeri Sabah menyatakan kenapakah ibu bapa tidak mahu menghantar mereka ke Sekolah Menengah Pulau Gaya? Minta maaf sahaja, sekolah-sekolah yang tidak berprestasi tinggi yang tidak baik, mana ada ibu bapa yang mahu menghantar. Sudahlah begitu, masalah logistiknya untuk ke Pulau Gaya ini

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Putatan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, silakan Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Pengerusi, soal Pulau Gaya ini adalah kawasan saya. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat sahabat saya dari Tuaran. Sekiranya Yang Berhormat ada mempunyai beberapa orang anak, sanggupkah Yang Berhormat menghantar anak-anak itu sebagai murid di SMK Pulau Gaya yang mana bangunannya indah di bina di atas paras laut tetapi tidak mempunyai kemudahan seperti padang. Cikgu-cikgu yang dihantar ke Pulau Gaya yang tidak diguna pakai lagi iaitu pada sekolah-sekolah. Minta penjelasan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih, sudah faham. Sudah faham, sudah faham. Bukan sahaja padang tetapi ini di pulau, kalau saya tinggal di daratan di Kota Kinabalu saya tidak mahu hantar. Walau bagaimana pun saya mintalah pihak kerajaan melihat ini secara keseluruhan sebab jika sekiranya ada *misallocation of resources* peruntukan inilah yang terjadi.

Saya beralih Tuan Pengerusi ke satu butiran lagi iaitu Butiran 020500 - Pendidikan Sekolah Berasrama Penuh. Kita berterima kasih kepada pihak kerajaan sebab pada tahun hadapan ini ada sedikit menurun tetapi pewujudan sekolah berasrama ini telah banyak memberi sumbangan kepada negara ini. Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, saya selaku salah seorang daripada produk atau hasil daripada sekolah berasrama penuh ini, saya mohon supaya pihak kerajaan mengkaji semula peranan sekolah-sekolah berasrama penuh ini.

Dahulu semasa saya bersekolah di asrama penuh, Sekolah Menengah Sains Cheras ada juga anak profesor, ada juga anak orang kaya yang turut bersekolah di sana, tidak apa, kita tidak kompelin tetapi pada mulanya peranan sekolah berasrama penuh ini adalah sekolah yang didirikan, sekolah yang cemerlang yang dikhaskan pada orang-orang daripada luar bandar yang mempunyai potensi tetapi oleh kerana kemiskinan dan oleh kerana prasarana di luar bandar tidak baik mereka berpeluang dihantar ke tempat ini.

Pada hari ini, Tuan Pengerusi, di kawasan saya banyak juga yang dapat 5A dan sebagainya dan saya tiap-tiap kali mengatakan kepada mereka sesiapa yang dapat 5A dalam UPSR, sila telefon saya Wakil Rakyat. Saya akan berusaha untuk menghantar ke asrama penuh atau Maktab Rendah Sains Mara, tapi ada yang tidak mahu. Apa sudah jadi dengan sekolah berasrama penuh? Apakah sekolah berasrama penuh....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung

Tuan Wilfred Madius Tangau: Boleh gulung! Satu *point* lagi, Tuan Pengerusi. Satu lagi, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja dalam Butiran 00800 - Rumah-rumah Guru.

Saya sudah nyatakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini bahawa di kawasan saya ada sekolah rendah bernama SK Sungai. Di sekolah ini, saya sendiri telah membawa Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan beliau sendiri telah melihat, dua buah rumah guru, tidak ada lain, dua buah rumah guru yang dibina daripada bambu, lebih baik kandang ayam daripada ini dan sehingga pada hari ini belum selesai. Saya sudah balik-balik menulis surat tapi bila.

Dalam masa yang sama, saya menerima kompelin daripada guru-guru yang menyatakan, kenapa ini, perbezaan elaun perumahan guru-guru dari Sabah dan dari Semenanjung. Kalau dari Semenanjung elaunnya RM700 dan elaun perumahan bagi guru-guru dari Sabah hanya RM180. Kita faham, dulu ada satu galakan, program untuk membawa guru-guru dari Semenanjung ke Sabah, sebab pada ketika itu kekurangan guru dari Sabah. Tetapi hari ini melambak.

Barang kali di antara 60,000 yang memohon KPLI, yang untuk mengambil KPLI, barangkali setengah daripada mereka dari Sabah. Ramai sudah. Pada hari ini saya minta pihak kementerian supaya mengkaji semula, janganlah lagi ini, RM700. Kalau orang dari Kinabatangan bertugas mengajar di SK Sungai, Sabah. Siapa yang mahu, dengan rumah yang begitu usang? RM180 siapa yang mahu, sudahlah dia jalan kaki.

Saya mohon pihak kementerian jangan lagi gunakan alasan yang usang, perbezaan RM700 dan RM180 ini. Saya mohon supaya ini dikaji semula dan biarlah disamaratakan. Akhir sekali darisegi asrama, saya mohonlah, Tuan Pengerusi, sedikit saja pada pihak kementerian kesemua asrama sekolah menengah daerah saya ini menghadapi masalah penambahan asrama dan saya mohon supaya pihak kementerian dan Timbalan Menteri pun sudah melawat saya punya kawasan, terima kasih, saya juga akan berusaha bawa Setiausaha Parlimen untuk melihat dan mudah-mudahan soal asrama ini dapat diselesaikan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

3.45 ptg.

Tuan Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran 020100 - Pengurusan Sekolah. Di sini saya ingin mengajak rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini, apabila saya mendengar apa yang telah diujahkan tadi, mengenai sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan modal. Kalau saya merujuk kepada Akta Pendidikan 1996, cuma ada dua jenis sahaja sekolah, iaitu sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan tidak pula didefinisikan bantuan penuh atau bantuan modal. Bermakna secara jelas ada dua jenis. Kita mengikut takrifan dalam Akta Pendidikan 1996, apa yang dinyatakan sekolah bantuan kerajaan itu juga merangkumi aspek-aspek penyelenggaraan.

Saya mengambil contoh ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kita kena fikir secara lebih rasional. Kalau boleh, kalau dahulu kita dengar pelbagai rintihan daripada SJKC, SJKT. Di kawasan saya, ingin saya buat satu contoh, Sekolah Kebangsaan Yong Peng yang 98%nya pelajar-pelajar Melayu. Mereka ini belajar di SK Yong Peng, tetapi keadaan bangunan itu sudah begitu usang dan kebanyakan bilik-bilik darjah itu perlu kita melakukan sesuatu, membaik pulihnya.

Oleh kerana ini adalah *mission school* dahulunya, dan kini oleh ramai penduduk Melayu dan telah menuntut di situ menjadi 98% pelajar-pelajar Melayu. Kalau kita betul-betul serius nak membantu pelajar-pelajar Melayu di luar bandar, di kawasan saya, saya rasa Jabatan Pelajaran kena *think out of the box*, di mana kita perlu anjakan paradigma. Mengikut Akta Pendidikan 1996, saya rasa tak perlu kita ada sekolah bantuan penuh atau pun bantuan modal kerana anak-anak kita, generasi kita dan saya tak kira SJKC, SJKT atau SK, kita anggap dua jenis iaitu Akta Pendidikan 1996 telah menyatakan dengan jelas, sekolah kerajaan atau pun bantuan kerajaan. Saya minta supaya Kementerian Pelajaran kalau cuba kita adakan anjakan paradigma ini, memansuhkan sistem yang telah saya nyatakan, berlandaskan kepada undang-undang.

Yang kedua, saya ingin menarik perhatian tentang Butiran 020700 - Pendidikan Guru. Pada awal tahun ini saya begitu gembira apabila mendengar pengumuman daripada Menteri atau Timbalan Menteri mengatakan bahawa pada tahun ini bulan Ogos, akan diadakan satu latihan perguruan berasaskan sekolah LPBS, di mana ketika itu 700 tempat akan disediakan. Itu merupakan satu berita baik bagi GSTT (Guru Sandaran Tidak Terlatih) di SJKC kerana mereka mendapati inilah satu cara ataupun peluang mereka untuk mendapat pendidikan guru secara formal, maka mereka menanti sampai hari ini, masih belum dapat direalisasikan.

Bagi saya, kalaulah keputusan daripada pihak teratas itu tidak dituruti oleh pegawai, maka kita kena menyemak, kenapa ia berlaku begitu dan saya merayulah supaya perkara ini, kalau kita atas kepentingan nasional, kita perlulah melakukan apa yang telah kita janjikan. Saya rasa ini adalah soal pendidikan guru GSTT. Kalau kita tidak melatih guru-guru Sandaran Tidak Terlatih ini, sampai bila pun kita tidak dapat guru yang berkualiti. Tambahan pula, kalau pada tahun ini mereka tidak di ambil masuk, maka mereka tidak ada motivasi untuk meneruskan menjadi guru Sandaran Tidak Terlatih dan akhir masalah kekurangan guru di SKJC akan kian menular. Saya merayulah kepada pihak Menteri dan Timbalan Menteri supaya melihat perkara ini dan ia dapat direalisasikan dengan masa yang terdekat ini.

Yang Ketiga, Butiran 030300 - Pendidikan Matrikulasi. Setakat ini, saya rasa program matrikulasi telah disambut baik oleh kalangan pelajar bukan bumiputera kerana mereka ramai yang telah masuk. Di sini, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan melihat kemungkinan untuk menambah kapasiti dengan membina lebih banyak lagi kolej-kolej matrikulasi dan supaya ramai pelajar yang boleh dimasukkan ke kolej-kolej ini memandangkan kapasiti yang ada sekarang cuma 25,000 orang.

Satu perkara lagi mengenai Butiran 03100 - Lembaga Peperiksaan Malaysia. Beberapa hari yang lalu, saya terkilan apabila membaca surat khabar, sekali lagi saya dikejutkan apabila soalan-soalan peperiksaan itu diedarkan kepada calon, tidak cukup. Calon-calon kena pergi ke luar menunggu untuk dihantar soalan-soalan tambahan. Saya rasa perkara ini telah berulang kali berlaku. Lembaga Peperiksaan Malaysia merupakan satu badan yang perlu menunjukkan satu imej kepada dunia.

Maka, saya merayu sekali lagi perkara ini tidak sepatutnya berulang dan saya mahulah supaya setiap kali diumumkan keputusan SPM ataupun STPM, semaklah keputusan dahulu, jangan lagi macam dahulu, apabila rayuan dibuat daripada keputusan G9 menjadi A1, aniaya pelajar-pelajar kita. Saya minta Lembaga Peperiksaan Malaysia mengambil serius tentang perkara ini.

Yang terakhir sekali, Butiran 00900 - Asrama Penuh. Saya ingin memohon jasa baik Menteri atau Timbalan Menteri untuk memberi satu gambaran jelas mengenai asrama penuh ini, kerana saya nampak dari segi komposisi kaum yang ada sekarang, ia sepatutnya menggambarkan komposisi yang ada di masyarakat kita. Oleh kerana saya melihat perkara ini merupakan perkara yang agak serius dan peruntukan yang begitu banyak telah diperuntukkan kepada asrama penuh dan memang menjadi hasrat kerajaan untuk melihat perpaduan nasional. Kalaulah pelajar cemerlang ini dapat bergaul di peringkat asrama penuh, mereka boleh tidur sekatil, makan semeja, saya yakin perpaduan nasional itu akan tercapai.

Sebab itulah saya mengatakan, saya minta pihak kementerian memberi satu gambaran jelas, adakah pelajar-pelajar yang ada sekarang ini cuma merit kepada satu kaum dan apakah sebab orang lain tidak masuk. Adakah mereka tidak berminat atau pun ibu bapa amat keberatan? Kalau ia berlaku begitu, maka kita akan menggunakan cara-cara atau langkah-langkah mengatasi. Itu tanggungjawab kita. Kita kena memahami masyarakat kita tentang pentingnya perpaduan nasional dalam konteks kepentingan negara.

Saya sekali lagi merayu agar kita menggalakkan kesemua kaum masuk ke sekolah berasrama penuh supaya mereka dapat bergaul. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gerik.

3.50 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 020400 – Pendidikan Menengah dan berkaitan dengan itu ialah pembinaan asrama.

Ada contoh di kawasan saya di Parlimen Gerik Sekolah Menengah Kebangsaan Idris Shah 2 di mana selain daripada adanya asrama bagi pelajar-pelajar dari luar bandar, ada juga diwujudkan asrama untuk anak-anak orang Asli. Ini merupakan satu kejayaan bagi Kementerian Pelajaran untuk memberi pendidikan kepada anak-anak orang-orang Asli yang jauh di pedalaman yang mengikuti sekolah rendah dan mendapat kejayaan dan ditempatkan di asrama. Saya cadangkan asrama untuk anak-anak orang-orang Asli ini diperluaskan di kawasan-kawasan lain juga.

Perkara keduanya, Butiran 040600 – Naziran Institusi Pendidikan, saya mendapat maklumat bahawa sekolah-sekolah agama negeri di negeri tertentu ada masalah dari segi pendidikan, masalah disiplin dan tidak ketinggalan masalah latihan untuk para gurunya, masa depan untuk para gurunya. Ia berbeza dengan sekolah agama di bawah Kementerian Pelajaran. Kenapa tidak, saya cadangkan agar Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri untuk memberi sesuatu dengan membantu dari segi latihan dan modal, barangkali sumbangan kepada sekolah-sekolah menengah agama negeri ini yang kedudukannya kurang memuaskan dan masa depan guru-gurunya juga tidak begitu menjamin.

Perkara ketiganya ialah Butiran 020800 – Perkembangan Pusat Kurikulum. Ada dua perkara yang hendak saya timbulkan. Satunya ialah mengenai kokurikulum di sekolah-sekolah rendah dan menengah di mana kita tahu bahawa adanya guru sukan, akan adanya pegawai sukan tetapi dalam bidang seni budaya kesenian dan kebudayaan, saya kira tidak ada guru yang terlatih dalam bidang ini. Diharapkan kementerian akan memberi satu keseimbangan dari segi kita memberi kokurikulum kepada pelajar-pelajar supaya perkembangan minda rohani mereka juga stabil ataupun seimbang di antara sukan dan kesenian kebudayaan.

Satu perkara lagi di bawah Perkembangan Kurikulum ini telah saya timbulkan dahulu semasa perbincangan belanjawan peringkat dasar tetapi tidak mendapat jawapan dan barang kali tidak dicatatkan apa yang saya usulkan kerana saya menyampaikan ucapan itu pada pukul 8.10 malam selepas berbuka puasa. Barangkali pegawainya tidak buat catatan. Perkara ini saya rasa serius di mana teks sastera sekolah menengah Tingkatan 4 atau Tingkatan 5 yang bertajuk antologi "Kerusi" (Tingkatan 5).

Saya mendapat maklum balas daripada para pelajar di Malay College Kuala Kangsar termasuk anak saya, bila mereka menonton teater "Kerusi", mereka sebahagiannya tertidur dan bila baca mereka tidak faham. Saya meneliti tiga drama yang terdapat dalam antologi "Kerusi" ini sebenarnya tidak sesuai untuk para pelajar kerana ia adalah anti realisme dan salah satu daripadanya cuba menerapkan unsur-unsur anti *establishment* seperti drama "Kerusi" itu. Cerita kumpulan manusia dengan serigala berebut kerusi. Ini merupakan gambaran negara *dictatorship*.

Satu lagi "Jangan Bunuh Rama-rama", ini juga anti realisme yang kita tidak faham sebenarnya, pelajar lagi tidak faham. Dan yang ketiganya tentang cerita Hang Li Po adalah mengenai Hang Li Po dikahwinkan dengan Sultan Melaka dan ada skandal di mana Hang Li Po jatuh cinta kepada Hang Jebat.

Apakah cerita-cerita seperti ini kita hendak terapkan kepada pelajar-pelajar kita? Tidak ada unsur-unsur pendidikan atau pengajaran, tidak mungkin akan berjaya ketiga-tiga drama ini menarik minat para pelajar kepada seni budaya, kepada seni sastera seperti yang kita hendak pamerkan melalui antologi "Kerusi" ini. Bukankah secara perbandingan semasa saya mengikuti sekolah menengah dahulu "*The Old Man and The Sea*" karya Ernest Hemingway, melekat berpuluh-puluh tahun melekat ke jiwa dan hati kita sastera Inggeris ini. ataupun *McBeth*, bagi setengah orang, *McBeth*, bagi saya sendiri *Romeo and Juliet*, itu sesuatu yang cukup menarik.

Kita cinta, macam-macam lagi. Kita cinta kepada sastera Inggeris itu kerana pilihan teksnya yang betul. Kenapa tidak Uda dan Dara, Osman Awang, kenapa tidak puisi-puisi Osman Awang dan banyak lagi karya yang lebih baik daripada apa yang dipilih oleh jawatankuasa yang nampaknya memilih karya-karya kawan mereka, karya-karya yang terbaharu tetapi sebenarnya dari segi nilai seninya, nilai budayanya, nilai puisinya, nilai sasteranya tidak ada dan ia bukan menarik pelajar tetapi menjauhkan pelajar-pelajar itu daripada Sastera Melayu. Diharap perkara ini diambil berat oleh Kementerian Pelajaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Puchong.

3.56 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang saya untuk berbahas dalam Kementerian Pelajaran. Saya terus kepada Pengurusan Fasa Pendidikan di bawah Butiran 040500 iaitu Teknologi Pendidikan.

Tuan Pengerusi, tidak dapat dinafikan dengan Menteri Pelajaran dan Timbalan Menteri Pelajaran yang baru ini banyak perubahan dapat kita lihat berlaku. Sebagai contoh, dasar-dasar yang lain secara ringkasnya untuk memperkasakan sekolah kebangsaan ataupun pelaksanaan dasar pembelajaran dan juga pengajaran bahasa Inggeris dan mata pelajaran Sains dan Matematik. Ini semua adalah dasar-dasar yang baik dan juga untuk menyediakan negara kita sebagai negara yang maju pada masa-masa yang tertentu.

Tuan Pengerusi, tidak dapat dinafikan bahawa kepentingan pembelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains ini adalah penting kerana ini adalah untuk menyediakan negara kita ini bagaimana kita boleh bersaing di bawah satu arus globalisasi yang kian hari kian bertambah sulit dan juga bertambah tekanan terhadap negara kita, terutama terhadap sistem pendidikan. Pada masa ini memang ada banyak pendapat dan juga pandangan di dalam dan di luar negara mengenai sistem atau dasar ini.

Tetapi saya ingin menjurus kepada permasalahan yang berlaku dalam proses pembelajaran bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik ini, khususnya di luar bandar ataupun di kawasan bandar kerana pada masa ini di luar bandar saya difahamkan bahawa bukan sahaja kekurangan guru yang mahir untuk mengajar murid-murid kita di luar bandar tetapi juga keadaan dan suasana pembelajaran yang agak *exposure* dalam penggunaan bahasa Inggeris berkurangan. Begitu juga di bandar-bandar tertentu, terutama di kawasan-kawasan di mana kemiskinan bandar itu agak serius dan masalah ini juga berlaku kepada murid-murid kita.

Maka dengan itu saya mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya melihat cadangan ini supaya kita dapat membentuk atau memberi satu saluran TV Pendidikan khusus untuk proses pembelajaran Bahasa Inggeris ini kerana kalau kita lihat seperti di negara-negara yang maju seperti Australia, United Kingdom atau pun Amerika Syarikat, kita tahu mereka ada banyak saluran TV, khususnya untuk pendidikan. Saya pun faham pada masa ini memang ada banyak program dan juga aktiviti di bawah Kementerian Pelajaran, khususnya di dalam program pendidikan TV swasta dan TV kerajaan kita. Tetapi apa yang saya hendak cadangkan ialah saluran TV yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran, khususnya untuk proses pembelajaran ini. Pada masa yang sama juga untuk dasar memperkasakan sekolah kebangsaan, kita juga boleh memberikan slot-slot yang tertentu dalam pembelajaran untuk bahasa sebagai contoh bahasa Arab, bahasa Tamil, bahasa Mandarin dan sebagainya.

Ini bukan sahaja dapat kita orang kata *jump start* dengan dasar ini tetapi juga ini memberi satu peluang kepada semua orang bukan ada di bandar ataupun di luar bandar supaya dapat menikmati apakah dasar dan juga program-program yang akan diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran khasnya untuk proses pembelajaran dan pengajian bahasa Inggeris ini dalam semua mata pelajaran.

Sebagai contoh kalau kita lihat sekarang ini di negara China ada satu soalan CCTV9 iaitu untuk bangsa Cina, programnya semua dalam bahasa Inggeris dan saya ingat tidak akan berlaku dalam masa 20 tahun yang lalu ataupun 15 yang lalu. Ini menunjukkan bahawa mereka ini telah berubah, mereka mempunyai satu pendirian yang lebih kukuh mengenai kepentingan bahasa Inggeris dalam masa-masa yang akan datang.

Cadangan yang kedua iaitu kita juga boleh mendirikan satu laman web yang khususnya untuk program yang sama untuk pelajar-pelajar yang sama kerana dalam laman web ini saya difahamkan kementerian-kementerian lain juga memberikan banyak perkhidmatan dan juga banyak peruntukan untuk pembangunan ICT khasnya di luar bandar ataupun di kawasan bandar.

Sebagai contoh di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi kita ada satu rancangan pusat Internet Desa ataupun kita ada pusat perkhidmatan multimedia di luar bandar. Ini kita boleh menggabungkan semua sumber yang ada supaya penggunaan sumber-sumber kita ini kepada satu tahap yang optimum. Saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya melihat ini sebagai satu proses pelaksanaan *more the action plan* kepada dasar pembelajaran bahasa Inggeris ini *about* proses pembelajaran juga pengajaran bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga saya hendak bangkitkan ialah mengenai Butiran 00300 iaitu Pendidikan Teknik dan Vokasional. Mengikut Bajet 2006 ini kita diperuntukkan sebanyak RM7.7 juta dan bagi saya ini adalah satu angka yang tidak cukup kerana seperti yang kita sedia maklum bahawa kadar keciciran terutama di tingkatan lima adalah ratusan ribu setiap tahun. Kalau kita tidak memberikan satu peluang kepada golongan ini iaitu golongan yang tidak begitu cemerlang dari segi akademik maka kita mesti membuat satu dasar yang ingin untuk membantu mereka ataupun menyelamatkan mereka supaya mereka tidak mencebur diri dalam aktiviti-aktiviti ataupun kegiatan-kegiatan yang tidak sihat.

Saya pun faham kementerian ini memang ada satu program yang khusus untuk golongan ini di peringkat tingkatan satu, dua atau tiga dan seterusnya. Tetapi saya merayu kepada kementerian supaya program ini dapat diperkukuhkan lagi, dipertingkatkan lagi supaya pelajar-pelajar ini bila keluar dari sekolah sekurang-kurangnya mereka memiliki satu atau dua jenis kemahiran.

Ini akan membolehkan mereka melanjutkan ataupun membolehkan mereka ini orang kata boleh cari makan semasa keluar daripada sekolah di tingkatan lima. Dengan itu Tuan Pengerusi itu sahaja saya hendak ucapkan hari ini. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong.

4.05 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 020000 - Pendidikan Rendah dan Menengah. Tuan Pengerusi, suara-suara yang kita dengar tadi dari Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Ayer Hitam berhubung dengan bantuan modal, bantuan penuh bukanlah suara yang berasingan di dalam masyarakat Cina berhubung dengan pendidikan rendah. Itu adalah satu suara kebanyakan aktivis-aktivis dari pergerakan pendidikan dan juga kebanyakan parti-parti politik yang merasakan ada penyelewengan dalam interpretasi akta pendidikan berhubung dengan bagaimana bantuan modal ataupun bantuan penuh disalurkan kepada sekolah-sekolah.

Saya rasa sudah sampainya suara ini mencukupi untuk sampai ke telinga Kementerian Pendidikan melalui Timbalan Menteri sendiri yang memang peka dengan tuntutan ataupun permintaan dari masyarakat Cina. Baru-baru ini Tuan Pengerusi, Menteri Pendidikan telah mengumumkan satu peruntukan khas sebanyak RM10 juta untuk membantu sekolah-sekolah yang menghadapi masalah anai-anai yang menyebabkan kematian seorang guru Chan Boon Heng di Sekolah Rendah Kebangsaan Keat Hua Alor Setar. Saya rasa Menteri Pendidikan apabila buat pengumuman itu macam rasa beliau sudah lakukan *great survey* kepada sekolah-sekolah ini dengan peruntukan RM10 juta itu kepada sekolah yang bermasalah.

Beliau sendiri mengugut bahawa sekiranya rakyat masih menganggap bahawa RM10 juta itu tidak mencukupi dia akan meletak jawatan. Saya rasa ugutan seperti ini memang tidak wajar sebab sememangnya kita tahu bahawa peruntukan itu tidak mencukupi untuk menangani masalah-masalah sekolah yang menghadapi pelbagai ancaman anai-anai dan memerlukan peruntukan untuk memperbaiki bangunan-bangunan yang usang dan daif.

Tuan Pengerusi menurut satu kaji selidik yang dijalankan oleh *United Chinese Teachers Association* yang juga disentuh oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi soal selidik ini mendapati bahawa 232 buah SRK Cina di tujuh buah negeri menghadapi masalah ancaman anai-anai dan bangunan yang amat usang dan daif dan menganggarkan RM51 juta diperlukan untuk menjalankan kerja-kerja baik pulih. Soal selidik ini dijalankan pada bulan Oktober di negeri Perlis, Kedah, Perak, Melaka, Johor, Sarawak dan Pahang dan sebanyak 243 buah SRK Cina ambil bahagian dalam soal selidik ini dan hasilnya menunjukkan masalah-masalah seperti saya katakan tadi ancaman anai-anai, bangunan usang dan bahaya, bocor dinding, masalah wayar dan kemudahan asas yang tidak lengkap.

Bilangan ini terdiri dari 27% dari 862 buah SRK Cina yang ambil bahagian dalam soal selidik di tujuh buah negeri ini. Kerajaan dan kementerian tidak patut pandang ringan terhadap masalah-masalah di sekolah ini. Apabila melihat rekod pada 15 tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 1991 hingga 2005 ini peruntukkan kepada sekolah-sekolah ini langsung tidak dapat membayangkan peranan sekolah-sekolah ini dan nisbah murid sekolah-sekolah ini kepada jumlah keseluruhan *enrolment* di negara ini.

Tuan Pengerusi misalnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini kementerian diberikan peruntukkan RM4.9 bilion bagi sekolah-sekolah rendah tetapi jumlah yang didapati disalurkan kepada SRK Cina hanya berjumlah RM130 juta sahaja iaitu peratusannya adalah 2.73% sahaja, sedangkan sekolah kebangsaan mendapati RM4.7 bilion iaitu 96% dari jumlah peruntukan ini. Saya berharap sikap dan layanan mesti dibetulkan dan peruntukkan dan layanan yang adil dan saksama dapat diberikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Ini telah menimbulkan perasaan yang kurang senang sebab langkah ini akan menyebabkan tempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Heng Ee ini berkurangan untuk menampung keperluan murid-murid dari lapan lagi buah SRK di kawasan ini yang memilih untuk melanjutkan pendidikan di sekolah menengah itu. Saya ingin tahu, apakah rasional keputusan ini diambil dan saya difahamkan bahawa perkara ini telah dimajukan untuk perhatian Kementerian Pendidikan khasnya Timbalan Menteri. Masalah kekurangan tempat SMK di Pulau Pinang amat mendesak memandangkan adanya 90 buah SRK Cina dan cuma 11 buah SMK dan ramai murid yang cemerlang tidak dapat ditempatkan di sekolah-sekolah ini.

Sebagai menangani masalah ini kementerian harus membenarkan tambahan kelas di setiap SMK ini atau membenarkan dan membina cawangan-cawangan di tempat kependudukan yang baru, dan juga lebih baiknya membina SMK yang baru di negeri Pulau Pinang yang amat diperlukan. Saya juga ambil kesempatan ini menarik perhatian kementerian berhubung dengan isu iaitu permohonan penerimaan masuk murid bukan warganegara ke sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan yang berlaku di beberapa negeri khususnya Wilayah Persekutuan, di mana tidak ada satu dasar yang menentu di mana murid-murid ini adalah warganegara Malaysia tetapi salah seorang ibu bapa terdiri dari warga asing, mengapa perlunya mereka mengisi borang yang khas sungguhpun mereka kini sudah berada di tingkatan lima ataupun di tingkatan tiga.

Akhirnya, saya ingin kementerian memberi perhatian kepada guru-guru ataupun guru besar yang mengambil bahagian dalam aktiviti perniagaan di dalam sekolah ataupun di luar sekolah. Pada hari ini menteri sendiri telah menegur guru-guru sekolah tidak patut memegang lesen kontraktor kelas F, saya tidak tahu bahawa ada guru yang juga memegang lesen kontraktor kelas F. Jika ini berlaku, ini akan menjejaskan prestasi guru dan juga wujudnya penyelewengan dan percanggahan kepentingan dalam kes-kes tertentu. Jadi saya ingin tahu bilangan yang terlibat dan apakah kementerian akan melakukan sesuatu untuk memastikan guru-guru dan guru besar menumpu perhatian kepada mendidik anak-anak kita dan bukan untuk menjalankan perniagaan di luar sekolah. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi, dua, enam, tujuh, itu Batu Gajahkah? Langgar Peraturan Mesyuarat, tujuh. Kita ada tujuh bolehkah saya mohon kerjasamalah supaya kita selesaikan hujah-hujah pada jam 5.00 supaya Menteri - bolehlah. Yang Berhormat Sabak Bernam.

4.14 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhzan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin menyentuh mengenai 06000 - Dewan Bahasa Dan Pustaka. Sabak Bernam ingin bertanya apakah agenda ataupun strategi Dewan Bahasa dan Pustaka untuk meningkatkan budaya ilmu, budaya membaca di kalangan masyarakat. Seharusnya Dewan Bahasa mengatur satu kempen yang khusus supaya rakyat dari kalangan pelajar terdahulu supaya mereka ini minat membaca. Kita berharap Dewan Bahasa akan bekerjasama dengan kementerian yang lain yang bertanggungjawab terhadap media elektronik dan media cetak. Kita harus memanfaatkan umpamanya tokoh dan *celebrity* yang menjadi idola kepada majoriti anak-anak muda kita supaya mereka ini dimanfaatkan.

Ambil gambar mereka memegang, memeluk buku, membaca buku dan ini harus dipaparkan di media cetak, di media elektronik kita daripada semasa ke semasa dan ini sangat penting kerana pada ketika ini media elektronik kita, TV atau seumpamanya banyak memaparkan budaya hedonisme ataupun hiburan. Kalau ini tidak diberikan penekanan dan penegasan, saya rasa Dewan Bahasa dan Pustaka tidak memegang amanahnya. Selain daripada itu, buku-buku yang terdapat di dalam pasaran kita dapati tidak bernilai ilmu, bernilai hiburan semata-mata. Kalau daripada situ kita dapat lihat budaya berseronok, hiburan ini terpapar di situ termasuk yang ada gambar dan seumpamanya.

Oleh sebab itu Dewan Bahasa harus berusaha berbuat sesuatu yang lebih daripada biasa supaya meletakkan dalam pasaran itu buku-buku yang bernilai ilmu, yang diminati oleh masyarakat kita khususnya daripada golongan para pelajar.

Perkara yang kedua, Sabak Bernam ingin menyentuh mengenai Butiran 02800 – Perkembangan Kurikulum. Sabak Bernam agak bimbang apabila semua perkara yang penting ataupun yang dianggap penting yang berlaku dalam negara kita nak dimasukkan dalam *course of study* ataupun kurikulum. Yang terakhir sekali nak dimasukkan tentang hal keselamatan jalan raya.

Sebelum itu mengenai gejala sosial, gejala dadah, HIV/AIDS dan sebagainya semuanya nak dimasukkan dalam kurikulum *course of study*, Sabak Bernam berpendapat bahawa perkara-perkara ini boleh diterapkan terus dalam subjek ataupun mata pelajaran yang sedia ada dengan memberikan lebih ilmu kemahiran kepada guru-guru dan guru-guru ini apa juga subjek sama ada Bahasa Malaysia ataupun Agama, Pendidikan Moral, Matematik, Bahasa Inggeris dan sebagainya boleh bercakap mengenai isu-isu ini supaya ia terterap di kalangan pelajar-pelajar kita dan berkaitan dengan guru, Sabak Bernam ingin menyebut mengenai Butiran 040100 - Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

Kita ingin tahu suatu ketika, satu paparan yang negatif berkaitan guru ini telah dilakukan apabila guru-guru mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik tahun enam dipanggil ke dalam satu kursus dan mereka ini diminta menduduki ujian UPSR. Mata pelajaran yang mereka ajar anak-anak kita, apabila mereka ambil ada di antara mereka yang tidak lulus UPSR guru-guru yang mengajar UPSR. Oleh sebab itu Sabak Bernam ingin tahu setakat manakah perkara ini telah dibuat kajian dan tindakan supaya guru-guru ini ditingkatkan profesionalisme mereka dan yang akhir sekali, Sabak Bernam ingin menyebut mengenai pendidikan sukan dan ini ada kaitan dengan ko-kurikulum.

Apakah formula 2 + 1, ataupun 2 + 2 masih lagi dilaksanakan. Maksudnya 2 + 1 ini ialah kita ada aktiviti sukan, aktiviti permainan, aktiviti unit beruniform, aktiviti kelab kerana ini semua harus diberikan perhatian yang khusus, kerana inilah antara aktiviti yang mendatangkan minat kepada golongan pelajar-pelajar kita yang sederhana ataupun kalau di sekolah menengah yang “galus”, gagal lulus. Kalau ini tidak diberikan perhatian di mana mereka tidak ramai terlibat, maka kerana itulah nanti kesannya ramai di antara mereka yang akan ponteng sekolah.

Apabila ponteng sekolah, maka bermulalah masalah menghisap rokok yang sekarang ini menjadi masalah yang gawat di dalam negara kita dan begitu juga jenayah sosial yang lain, dan paling akhir Sabak Bernam ingin bertanya tentang rancangan Kementerian Pelajaran untuk membangunkan Sekolah Menengah Teknik di Sungai Lang bersebelahan dengan Politeknik Sabak Bernam yang akan dirasmikan insya-Allah pada 1 Disember ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang terakhir tak ada? Serdang.

4.19 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh Butiran 020000 - Pendidikan Rendah dan Menengah. Saya perlu mendesak kepada pihak kementerian supaya memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan sesak dan kritikal dalam perancangan untuk membina sekolah rendah dan sekolah menengah. Keperluan sekolah rendah dan menengah di satu-satu kawasan itu perlu dapat dirancang dan hendaklah beri keutamaan.

Contohnya Bandar Sri Mahkota dan Bandar Sri Putra yang bersempadan dengan Nilai, Seremban dengan beribu-ribu rumah telah diwujudkan tanpa sekolah rendah dan sekolah menengah. Maka cadangan telah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan lokasinya telah dikenal pasti dan perlu dan mendesak untuk membina sekolah menengah dan sekolah rendah di situ.

Saya yakin dan percaya bahawa pihak pengurusan perancangan telah menerima cadangan ini untuk membina sekolah rendah dan sekolah menengah untuk memberi kemudahan pendidikan di kawasan tersebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terutama sekali tahun hadapan, di mana peruntukan begitu besar telah diperuntukkan dan akan diluluskan oleh Dewan ini. Satu kawasan Kg. Sg. Ramal. Di mana terdapat dua sekolah kebangsaan di situ. Kg. Sg. Ramal Luar dan Kg. Sg. Ramal Dalam. Dua sekolah

kebangsaan telah diwujudkan. Darjah enam, lepas itulah hantar anaknya ke Tingkatan Satu, mestilah hantar ke Bandar Baru Bangi atau Bandar Kajang. Begitu jauh dan sesak, kerana di kawasan tersebut terdapat lebih kurang 10 taman perumahan.

Maka perlulah mengujudkan sekolah menengah di situ. Maka tapak sekolah menengah telah dikenal pasti dan telah dikemukakan ke Jabatan Pelajaran Negeri Selangor untuk tindakan selanjutnya. Saya juga difahamkan bahawa cadangan ada disampaikan kepada pihak kementerian untuk dimasukkan di dalam perancangan. Ini kerana kawasan ini kritikal dan mendesak dan saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian untuk mewujudkan sekolah menengah di kawasan tersebut supaya dapat mengelakkan untuk ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah menengah yang begitu jauh di kawasan luar.

Tuan Pengerusi, kawasan perumahan polis Desa Baiduri. Di kawasan taman tersebut terdapat 24 taman perumahan. Cuma satu sekolah kebangsaan diwujudkan yang penuh sesak buat waktu ini. Maka, dengan demikian, cadangan untuk membina tapak sekolah telah dikenal pasti di Taman Tun Perak dan Taman Cheras Utama. Cadangan dikemukakan supaya mewujudkan sekolah kebangsaan lagi untuk menampung anak-anak di kawasan tersebut begitu ramai di dalam kawasan perumahan yang wujud itu. Saya membangkitkan perkara ini kerana kawasan ini memang mendesak dan kritikal. Permohonan ini perlu mendapat perhatian walaupun cadangan telah dikemukakan kepada pihak kementerian beberapa tahun lalu. Saya difahamkan bahawa rancangan untuk membina sekolah menengah dan sekolah kebangsaan ini akan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tetapi saya menganggap bahawa kawasan ini begitu kritikal dan perlu juga dimasukkan untuk rancangan tahun depan, di mana peruntukan akan diluluskan. Saya berharap perkara yang penting untuk memberi kemudahan pendidikan sempurna kepada kawasan-kawasan tersebut dapat diberikan keutamaan.

Tuan Pengerusi, satu blok bangunan bilik darjah yang di bawah jagaan JKR, 1197, SJKC Serdang Baru (1) Seri Kembangan. Pihak JKR telah menjalankan pemeriksaan di bangunan tersebut telah mengesahkan bahawa bangunan tersebut telah uzur dan tidak selamat untuk pembelajaran. Bangunan tersebut perlu dirobohkan dan perlu membina bangunan yang baru di tapak tersebut. Perkara ini telah disiasat oleh pihak JKR pada tahun 2001.

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan untuk menggantikan bangunan yang uzur ini telah dikemukakan. Jabatan Pelajaran Negeri Selangor telah mengemukakan kepada pihak kementerian untuk dipertimbangkan. Saya masih ingat bahawa jaminan dan komitmen telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada 6 September 2004 di Dewan ini. Saya akan petikkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri terhadap perkara ini.

"Untuk makluman Yang Berhormat Serdang, pihak Kementerian Pelajaran memang berhasrat untuk menggantikan bangunan SJKC Serdang Baru (1) Seri Kembangan, tetapi masih tidak dapat dilaksanakan lagi dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan. Projek ini dijangka akan dibina pada tahun 2006, dan bermulanya Rancangan Malaysia Kesembilan dan boleh digunakan pada awal tahun 2008".

Beliau selanjutnya memberi jaminan bahawa keselamatan dan keselesaan murid-murid sekolah di seluruh negara sentiasa diberi keutamaan oleh pihak kerajaan tanpa mengira lokasi sama ada di bandar, luar bandar atau di kawasan-kawasan pendalaman.

Sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan pun tidak dibezakan. Sekolah Bantuan Penuh ataupun Bantuan Modal juga dimasukkan ke dalam kategori yang dipantau. Dengan jaminan dan komitmen Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini kepada sekolah itu maka ibu bapa-ibu bapa iaitu PIBG, telah dimaklumkan. Mereka rasa lega. Tetapi saya harap komitmen ini perlu juga dilaksanakan ikut jadualnya.

Saya minta pihak pengurusan Kementerian Pelajaran perlu juga diingati bahawa jaminan ini perlu dan juga ikuti supaya bangunan baru dapat diganti dengan ikut masa yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, sukacita saya sebutkan Butiran 01100, Bantuan Modal. Butiran diwujudkan semata-mata untuk memberi panduan kepada sekolah bantuan modal. Tetapi juga telah menimbulkan pertelingkahan dalam masyarakat kita ini. Sepatutnya kementerian untuk mengetahui dan memang saya faham kesedaran pihak kementerian terhadap masalah ini.

Masanya sudah sampai supaya pihak kementerian untuk mencapai matlamat pendidikan kecemerlangan, maka kajian semula terhadap sistem bantuan modal dan bantuan penuh ini dapat dijalankan. Inilah satu perkara yang penting untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah yang sentiasa diulang dalam Dewan ini atau di luar Dewan ini, di mana dalam *mass media* sendiri ada terdapat dibahaskan begitu hangatnya. Apa salahnya untuk mencari ikhtiar supaya bantuan modal dan bantuan penuh ini dapat disatukan di mana di bawah undang-undang atau Akta Pendidikan tahun 1996.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Serdang, masa dah cukup.

Dato' Yap Pian Hon: Ya. Maka itu sebab, saya mintalah satu penjelasan dalam Dewan apa, di mana akta atau peraturan telah dikategorikan sebagai bantuan modal atau bantuan penuh. Supaya masyarakat ini akan faham yang sebenarnya inilah dasar atau hanya peraturan atau pentadbiran sahaja, *administration* sahaja. Kalau ini hanya *administration* sahaja, boleh dapat dikaji semula demi kepentingan pendidikan seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kudat, 5 minit.

4.28 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya memandangkan saya adalah wakil rakyat luar bandar banyak masalah luar bandar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit ya Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, Butiran 020700 Pendidikan Guru. Lebih kurang setahun yang lalu telah berlaku keadaan di mana guru-guru yang diambil oleh GSTT ataupun Guru Sandaran Tidak Terlatih telahpun diberhentikan. Di kawasan saya ada lebih kurang 150 guru-guru sandaran tidak terlatih ini telah diberhentikan, dengan alasan bahawa di negeri Sabah telah berlaku ebihan guru.

Tetapi apa yang menjadi masalah di kawasan saya, banyak daripada guru-guru khususnya di kawasan luar bandar yang kebanyakannya begitu jauh daripada *civilisation*, mereka ini sebenarnya menghadapi masalah kekurangan guru. Ini telah menyebabkan berlakunya *shortage* guru-guru di sekolah-sekolah ini dan saya telah membawa perkara ini kepada menteri dan saya juga percaya bahawa menteri memang prihatin dengan masalah ini.

Saya diberitahu bahawa telah ada satu keputusan Kabinet dan juga menteri telah mengarahkan kepada Jabatan Pelajaran untuk melaksanakan arahan kabinet untuk memastikan bahawa GSTT yang telah diberhentikan seramai 150 orang ini diberikan alternatif sama ada diberikan latihan pendidikan guru ataupun alternatif-alternatif tertentu untuk membolehkan mereka meneruskan kerjaya mereka di dalam bidang pendidikan.

Sebahagian besar daripada mereka ini telah pun berkhidmat sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih selama enam dan ada yang sudah berkhidmat sehingga 14 tahun. Kebanyakan mereka juga telah pun berkeluarga dan mereka juga mempunyai komitmen-komitmen tertentu dan kadang-kadang sebahagian daripada mereka ini sebenarnya adalah menjadi *bread winner* kepada sebahagian kepada ibu bapa-ibu bapa luar bandar. Kesannya agak begitu serius khususnya terhadap saya sebagai wakil rakyat dan saya sedar dengan keikhlasan yang ditunjukkan oleh Menteri Pendidikan dalam soal ini.

Tetapi yang saya masih hairan mengapakah selepas setahun lebih arahan ini telah pun dibuat tetapi sehingga hari ini Jabatan Pendidikan belum mengambil apa-apa tindakan

yang konkrit. Jadi saya minta supaya Jabatan Pendidikan sama ada negeri ataupun di peringkat pusat dapat mengambil tindakan dengan segera untuk membolehkan 150 orang GSTT ini dapat berkhidmat semula.

Yang kedua ialah berkaitan dengan asrama 020600, sebuah sekolah di kawasan saya iaitu SMK Pinggan-Pinggan yang telah pun dibina lebih kurang tiga tahun yang lalu dan telah pun siap. Tetapi apa yang menghairankan saya di dalam sekolah yang agak begitu cantik tetapi tidak pun dimasukkan kemudahan asrama dan ini telah menimbulkan masalah kerana sebahagian besar daripada pelajar-pelajar di sekolah ini adalah datangnya daripada luar bandar dan mereka ini tinggal jauh daripada kawasan sekolah tersebut. Mereka ini terpaksa *squatting* di asrama desa yang telah dibina oleh NGO-NGO yang keadaan asrama ini adalah tidak selamat, tidak *hygienic* dan juga menimbulkan banyak masalah kepada mereka dengan tidak ada bekalan elektrik dan bekalan air yang mencukupi.

Dan di dalam sekolah yang baru dibina juga, yang menghairankan saya sepatutnya di dalam *work order* ataupun kontrak yang disediakan ialah juga melibatkan pembekalan air bagi sekolah ini tetapi sehingga hari ini setelah beberapa tindakan diambil, setelah beberapa permohonan disampaikan, sekolah ini masih lagi belum mendapat bekalan air dan kontraktor yang sepatutnya dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bekalan air bagi SMK Pinggan-Pinggan ini tidak melaksanakan tugas tersebut dan hanya meninggalkan projek tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Jadi itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**].

4.33 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, 020000 dan 00200 -Pendidikan Menengah dan Matrikulasi, 00700 - Pendidikan Guru Maktab Perguruan. Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa pihak kementerian sedang berusaha untuk menukarkan kursus di 23 buah maktab perguruan itu daripada Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) kepada Institusi Kursus Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Saya hendak mengetahui macam mana pihak kementerian dapat melaksanakan program ini memandangkan masa yang begitu singkat sekarang dan juga walaupun kita berhasrat matlamat kita untuk mendapatkan guru-guru di sekolah itu berijazah 100%. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan apakah jadual untuk mengadakan guru-guru berijazah di sekolah-sekolah ini kerana kita hendak tahu bukan sahaja berijazah bahkan juga adakah guru-guru ini sesuai untuk menjadi guru.

Ijazah tidak bermakna guru-guru ini terbaik dan seterusnya Tuan Pengerusi, baru-baru ini UPSR (Ujian Pencapaian Sekolah Rendah) dikatakan oleh pihak kementerian adalah sudah baik sedikit Prestasinya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit, Kepong? Kepong, bagi penjelasan? Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payahlah. Dia tak bagi tu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kepong, bagi tak bagi Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejap. Ketua Pengarah sudah mengatakan yang mendapat 'A', '5A' dan sebagainya sudah meningkat berbanding dengan tahun yang lepas. Saya hendak mengetahui macam mana kita mentafsirkan, mengadakan kriteria-kriteria

untuk semua mata pelajaran bagi UPSR. Misalnya saya difahamkan bahawa bagi bahasa Mandarinnya, pada 'A' yang terbaik itu lebih 80% markahnya, sekarang ditingkatkan dinaikkan kepada 82%. Bahasa Inggeris daripada 80% dikurangkan kepada 70% markah untuk 'A' untuk yang terbaik dan seterusnya kerana tidak ada masa kita akan bincangkan. Ini bermakna kalau kita nak dapat prestasi yang tinggi, kita turunkan markah dan saya hendak tahu apakah kriteria yang digunakan kerana tiap-tiap tahun kita nampak ada prestasi bertambah baik, 0.5%, 1%, yang mendapat 'A' itu banyaklah yang mendapatnya. Kita pun tahu itu mustahil macam mana.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, masa-masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa ada yang itu dua perkara sahaja, yang ketiga yang akhir sekalilah. Yang akhir sekali mengenai sekolah bestari. Tuan Pengerusi, ada 88 buah sekolah bestari di bandar dan pihak kementerian hendak memperluaskan kepada sekolah-sekolah luar bandar, itu baik. Kita mesti sentiasa mengurangkan jurang tak kira digital ataupun benda-benda yang lain sentiasa berusaha untuk mengurangkan jurang ini memang satu perkara yang baik.

Walau bagaimanapun mesti ada perbezaan di dalam sekolah-sekolah bestari bandar dan juga sekolah-sekolah bakal menjadi bestari di luar bandar. Apakah pendekatan pihak kementerian untuk mengadakan sekolah-sekolah bestari di luar bandar dan menambahkan bilangan bestari di bandar kerana kita mendapati bahawa pendekatan untuk program-program bestari berbeza dari sekolah ke sekolah. Macam mana pihak Kementerian dapat menyelaraskan perbezaan pendekatan ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lipis.

4.37 ptg.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi maksud Bekalan dan Pembangunan 41 ini, saya bercadang untuk bercakap yang pertama sekali Butiran 00100 - Pendidikan Pra Sekolah dan Sekolah Rendah.

Tuan Pengerusi, pada satu masa dulu, di sekolah rendah kita ada dua tahap, satu tahap satu, dan tahap dua. Tahap satu terdiri daripada pelajar tahun satu sampai tahun tiga kemudian tahap dua, tahun empat sampai tahun enam. Pada masa yang sama, masa tahun tiga ada satu penilaian yang dipanggil sebagai Penilaian Tahap Satu. Kini penilaian itu tidak ada lagi dan rasa saya ini sangat merugikan terutama kepada para pelajar kerana kita tidak dapat mengesan sama ada para pelajar kita ini cerdas ataupun agak lemah.

Dengan adanya Penilaian Tahap Satu ini sekurang-kurangnya kita dapat melihat tahap mana keupayaan para pelajar kita dan kalau mereka yang agak lemah itu, sebenarnya ditulah pemulihan boleh diberi dan bagi mereka yang agak cerdas kita boleh memberi pengayaan dan sebagainya. Bagi saya ini sangat penting kerana melalui Penilaian Tahap Satu ini merupakan satu *mekanism* untuk kita melaporkan kepada badan-badan luar negara, badan-badan antarabangsa seperti UNESCO dan sebagainya tentang tahap pencapaian pelajaran kita di peringkat rendah.

Saya mencadangkan sekali lagi di sini supaya Penilaian Tahap Satu ini diadakan semula, bukan untuk tujuan kita mengadakan peperiksaan tapi tujuannya adalah untuk mengesan pelajar-pelajar kita sama ada kita perlu beri pemulihan ataupun pengayaan. Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak bernaam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis dan Tuan Pengerusi. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Lipis bahawa, dari segi dasar kerajaan kita, dasar pelajaran, sebenarnya dasar itu sudah betul. Apabila di tahap satu, iaitu apabila pelajar itu sampai ke darjah tiga ataupun tahun tiga, sebelum dia masuk tahun empat tahap dua, dia mesti dapat menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira). Malah program pemulihan biasa, pemulihan khas pendidikan khas itu ada. Apakah sebenarnya

Yang Berhormat bagi Lipis, permasalahan kita? Setuju atau tidak pelaksanaan yang menjadi masalah bukan dasar, terima kasih.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Sebenarnya memang dasar itu sudah ada kalau kita lihat dalam Akta Pendidikan 1996 memang ada dari segi pemulihan dan penghayatan ini. Tetapi, bagi saya pelaksanaannya yang perlu kita perbetulkan kerana pada satu masa dahulu, apabila kita adakan penilaian tahap satu ini, kita telah menyalahgunakan penilaian tahap satu ini sebagai satu mekanisme untuk kita mengadakan kelas ekspres, di mana para pelajar daripada tahun empat mungkin terus pergi ke tahun 6 dan sebagainya atau tahun 3 terus pergi ke tahun lima dan pelbagai lagi. Bagi saya mungkin kita tidak melaksanakan sedemikian, tetapi apa yang penting bagi saya ialah mengesan seperti yang Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kata tadi, ialah dari segi penguasaan 3M, iaitu membaca, mengira dan menulis.

Dengan cara ini, pengesanan yang *standard* untuk seluruh negara dapat kita buat dan kita dapat memastikan para pelajar kita apabila sampai ke sekolah menengah seperti yang telah dijanjikan itu bahawa mereka telah dapat menguasai 3M ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Satu perkara lagi, satu Butiran lagi Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap tentang Butiran 02300 iaitu Institut Aminuddin Baki dan juga 00700 - Pendidikan Guru (Maktab Perguruan). Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah menaikkan maktab perguruan ini kepada institusi perguruan dan apa yang saya harapkan Institut Aminuddin Baki sebagai sebuah institut latihan dalam bidang pengurusan juga dinaikkan taraf sama. Apabila taraf institut ini dinaikkan, saya mengharapkan taraf gred atau gred para pensyarah juga dinaikkan.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya satu klasifikasi baru atau gred baru, mungkin dipanggil kalau sekarang DG, mungkin dipanggil DP, didik pensyarah ke khas untuk para pensyarah di kedua-dua institusi ini, iaitu IAP dan juga maktab-maktab perguruan, kerana dengan cara begini barulah mereka ini sebenarnya lebih berwibawa dan mereka lebih berupaya untuk menjadi *master teacher* ataupun guru kepada guru.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Yang terakhirnya, yang ini yang *last* sekali. Tuan Pengerusi, Butiran 06000 - Dewan Bahasa dan Pustaka. Di sini saya bercadang atau hendak mencadangkan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka ini diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan kerana bagi saya, apabila saya melihat aktiviti yang hendak dijalankan oleh DBP ini, dia melibatkan kepada bahasa, sastera dan penerbitan. Mungkin penerbitan itu sebahagian daripada ini, tetapi yang lebihnya adalah pada bahasa dan sastera, yang ini sebenarnya sangat berkait dengan budaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Sekali lagi, saya hendak mencadangkan supaya tanggungjawab untuk Dewan Bahasa dan Pustaka ini diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Putatan.

4.44 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana bersama-sama dengan kita. Saya teruskan kepada Maksud B.41, Butiran 10000 - Pengurusan Kementerian dan Butiran 02000 - Pendidikan Rendah dan Menengah dan 020100 - Pengurusan Sekolah.

Saya ingin mengalu-alukanlah pengumuman Menteri Pelajaran bahawa akan merangkumi bantuan semua peringkat sekolah mahupun pengurusan dan penyelarasan

semua aktiviti pendidikan prasekolah rendah dan menengah. Ini adalah diharapkan hasrat dan matlamat kerajaan, dasar kerajaan, pendidikan kebangsaan dapat menanam nilai-nilai murni di semua lapisan masyarakat kita untuk membuat satu suntikan supaya warganegara kita memupuk sikap positif dan mempertingkatkan pengilmuan, insan berilmu amal dan yang berakhlak.

Saya sentuh di sini Tuan Pengerusi, kerana antara sekolah-sekolah kita seperti mana yang telah disarankan dalam Akta Pendidikan kita, jenis sekolah iaitu sekolah kerajaan dan bantuan sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya ingin sentuh sini berkenaan dengan meningkatkan moral *value*, dengan izin antara murid sekolah yang mana terdapat sekolah di negeri Sabah ini pertama sekali di bahagian pedalaman yang kebanyakan murid-muridnya adalah budak-budak yang bukan beragama Islam.

Maka di sini saya cadangkan bahawa diberi pendidikan moral melalui keagamaan masing-masing walaupun adanya subjek ataupun pengajaran agama Islam, maka di luar-luar bandar ini, ramai antara muridnya bukan beragama Islam, adalah dicadangkan supaya ajaran agama masing-masing dipertingkatkan, dibenarkan. Kerana ini satu daripada ancaman sosial ataupun *gengsterisme* budak-budak nakal antara murid-murid sekolah ini agak berleluasa, di kawasan di luar-luar bandar terutama sekali di kawasan saya ada juga murid-murid yang terlibat dengan gejala sosial seperti menghidu gam.

Di Pulau Gaya, saya tidak ingin ketinggalan untuk membuat satu saranan bagi Maksud B.41, Butiran 03500 – Ubahsuai dan Naik Taraf & Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak dan juga kepada B.41, Butiran 080300 - Penyelenggaraan Bangunan. Di kawasan saya Tuan Pengerusi, banyak sekolah yang sudah daif, yang usang khususnya di kawasan di SK Tansau dan SK Stella Maris, SK Pulau Gaya, SK Putatan dan SK Pitagas termasuk jugalah SJRK Wah Siong yang memerlukan bantuan.

Bagi Sekolah Tansau, konkrit *beam* sekolah itu sudah pun berpecah-pecahan, ketulan-ketulan konkrit berjatuh dan sekiranya terjatuh semasa waktu sekolah serpihan besar itu kalau terkena gajah, gajah pun mati Tuan Pengerusi. Saya inginlah membawa perhatian kepada kementerian supaya ini diperbaiki dengan serta-merta kerana ini sungguh berbahaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ada lagi satu perkara yang penting juga Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Di Pulau Gaya kebanyakan murid-murid ini adalah terjebak dengan masalah menghidu gam. Dalam musim air pasang atau air laut pasang maka budak-budak ini tidak dapat bermain dalam masa sekolah ataupun selepas sekolah, maka tempat permainan mereka tidak wujud.

Adalah dicadangkan kepada kementerian untuk memberi sekeping tanah untuk padang permainan kepada dua sekolah ini yang muridnya berjumlah lebih kurang 2,000 orang murid. Adalah dicadangkan supaya ini juga dipercepatkan termasuklah Sekolah Petagas yang selalunya dilanda banjir di sekolah. Sekolah Maris dia punya bangunan sudah pun usang yang diselangi oleh anai-anai yang mana bahan sekolah itu adalah diperbuat dengan bahan kayu dan adalah dicadangkan supaya kementerian juga mengikut apa yang disarankan oleh menteri bahawa sekolah-sekolah yang mubaligh (*mission*) ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:SRJK dapat dibantu dengan segera. Sekian, saya mohon menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

4.51 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, pada semalam surat khabar adalah kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran [*Sambil menyebut dalam bahasa Cina*] beri tekanan mengenai isu pengajaran Maths dan Science dalam bahasa Inggeris, dia berkata [*Sambil menyebut dalam bahasa Cina*] "*Bahawa kalau tekanan lebih berat, lebih lewat untuk buat keputusan mengenai apa peruntukan untuk tahun ke empat sekolah rendah mengenai kelas-kelas dan time table.*" Apa ertinya? Adakah ini politik *gangsterism*, adakah ini politik gangstrism yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa buat ugutan jangan tekankan lebih lama untuk

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat itu butiran berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Butiran mengenai pendidikan rendah, pendidikan rendah. Kalau tekan lebih hebat, lebih lama untuk buat keputusan, apakah itu *politics gangsterism*, bukan politik terbuka.

Puan Chong Eng: Itulah sekolah banyak gangster.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebab itu sekolah kita ada banyak gengster, ada itu tunjuk keris-keris. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran patut yang ada di sini, kenapa dia tidak ada di sini, berhentikan politik *gangsterism* beliau. Masalah pengajaran Matematik dan Sains....

Tuan Razali bin Ibrahim: Tuan Pengerusi! Penjelasan...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Muar, Muar, Muar minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...dalam bahasa Inggeris....tidak ada masa, kalau ada masa bila-bila. Kalau ada masa bila-bila, kalau ada bila-bila.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tadi sudah sebut, tadi sudah sebut! Berapa kali hendak sebut lagi, sebab pagi tadi sudah sebut dah!

Tuan Razali bin Ibrahim: Bukan, kita hendak tanya.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu sokong kelakuan *gangsterism*, itu terpulang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim: Tuan Pengerusi...tengok surat khabar....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa untuk.....

Tuan Razali bin Ibrahim: Surat khabar, cerita dialah apa dia hendak lapor!

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Balik-balik surat khabar ini sudah ditunjuk dah!

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya Tuan Pengerusi, kenapa kita begitu cepat habis? RM19 bilion untuk pelajaran, mana ada kementerian yang lebih tinggi daripada peruntukan, RM9 bilion.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Peraturan, peraturan!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, ada yang minta jalan Yang Berhormat, hendak beri?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Peraturan, peraturan mesyuarat!

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak ada masa, tidak ada masa....kalau ada masa bila-bila saya mahu beri.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Peraturan Mesyuarat Tuan Pengerusi!

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu beri bila-bila, apa itu?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: 23(i) Tuan Pengerusi,

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu 23(i), Peraturan Mesyuarat boleh....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ia berkaitan dengan satu pertanyaan, berkaitan dengan akhbar, penerangan-penerangan dalam surat khabar patut tidak boleh dibincangkan....

Tuan Lim Kit Siang: Itu soalan, bukan ucapan, tak tahu pun..haiya!

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Tahu tetapi soalan ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof:.....soalan ini Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ipoh Timor tidak payahlah kamu bawa itu, kita tidak tahu sama ada betul atau tidak tentang akhbar itu.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat tidak tahu bahawa berapa kali Yang Berhormat Barisan Nasional berdiri atas laporan surat khabar. Sekarang baru dia mimpi, balik tidurlah jangan buat kacau-kacau sahajalah! Balik tidur, jangan kacau-kacau!

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Telah unggulah, tungguhlah nanti...

Tuan Lim Kit Siang: Ini isu mustahak, oleh kerana kita bincang mengenai masa hadapan anak-anak kita, generasi-generasi anak-anak kita itu bukan sahaja pelajar-pelajar sekolah bahasa Tiong Hua tetapi pun Tamil tetapi bahasa sekolah nasional, semua murid-murid - Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan. Oleh kerana kenapa? Masalahnya ialah kita semua bersetuju dengan perlu berusaha untuk mempertingkatkan Inggeris, supaya kita boleh menguasai Inggeris.

Oleh sebab ini mustahak kalau kita mahu lebih bersaing di dunia, itu betul tetapi adakah ini cara yang baik. Kita tahu bahawa ini bukan cara yang baik, oleh kerana kalau kita paksa anak-anak kita sama ada orang Melayu, orang India, orang Cina, semua sama untuk menggunakan bahasa Inggeris untuk belajar Matematik dan Sains. sungguhpun *medium instruction* dalam sekolah itu bukan bahasa Inggeris atau bahasa keluarga mereka, bukan bahasa Inggeris, mereka akan menghadapi masalah keciciran oleh sebab tidak boleh ikut. Dalam bahasa ibunda pun tidak boleh ikut bagaimana pula bahasa Inggeris. Itulah *basic education of principle*, bukan politik. Orang yang politikkan perkara ini sekarang kata jangan politikkan, mereka yang buat ini ialah mempolitikkan. Siapa kata itu bukan *educational formula*, ini satu *political formula*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak cukup, RM19 bilion cukup? Baru mahu mula.....

Beberapa Ahli: Cukuplah!

Tuan Lim Kit Siang: Baru mahu mula, RM19 bilion peruntukkan, kita tidak boleh main-main dalam Parlimen mungkin inilah sebab mutu pelajaran kita di Malaysia begitu merosot. *Tertiary, primary, secondary*....jatuh!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat cukup!

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Adakah satu kementerian yang lebih tinggi peruntukkan daripada pelajaran? Adakah? Ini RM9 bilion, kalau perlu kita perlu bahas sampai *midnight*!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Saya baru mula, saya mahu protest! Oleh kerana saya baru mula RM19 bilion, mana ada satu kementerian yang lebih daripada itu? Bolehkah tunjuk kepada saya? Perdana Menteri pun hanya RM6 bilion sahaja. Selain daripada Kementerian Kewangan oleh kerana Kementerian Kewangan adalah cash bagi. Kementerian Pertahanan RM11 bilion sahaja, sini RM19 bilion kita mahu habiskan dalam masa 5 minit...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat orang lain pun hendak bercakap juga, bukan Yang Berhormat sahaja!

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, tidak boleh, ini tidak boleh!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak cukup, saya baru mula, saya baru mula. Mana boleh? Belum mula, cukup, apa Parlimen ini? Saya belum mula, cukup?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah banyak bercakap....

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu bincang 10 tajuk tetapi tidak apa, saya boleh bincang satu tajuk. Sekurang-kurangnya membenarkan saya berbincang satu tajuk. Sekurang-kurangnya

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah cakap sudah!

Tuan Lim Kit Siang: Apa pula cakap, belum baru mula sahaja! Apa perbahasan standard dalam Parlimen, tidak boleh...ini tidak boleh!

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi benarkan saya masa yang cukup untuk dalam perkara ini. RM19 bilion ringgit, jangan main-main lah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Ini benda yang serius, Yang Berhormat kena beri masa 5 minit kita pun sama juga, tetapi you....

Tuan Lim Kit Siang: Semua patut diberi masa yang lebih, saya bersetuju, saya bersetuju.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Yang Berhormat, you mengulang, *you are repeating* dengan izin, you mengulang perkara yang sama.....dalam peraturan mesyuarat cakaplah benda lain....

Tuan Lim Kit Siang: Dengarlah, dengar....saya dengar, saya bersetuju bahawa, dengar! Saya bersetuju bahawa semua Ahli parlimen termasuk dalam Barisan Nasional patut diberi masa yang lebih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini perkara yang serius. Dalam Peraturan Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa seorang ahli parlimen boleh bercakap lebih daripada satu kali dan saya cadang bahawa mereka yang sudah cakap benarkan mereka cakap lagi sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah!

Tuan Lim Kit Siang: Itu, tetapi benarkan saya akan gunakan masa yang lebih cukup, saya tidak minta satu jam, tidak minta satu jam!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya pun ada juga peraturan, di bawah....

Tuan Lim Kit Siang: Tahu, saya tahu tetapi RM19 bilion diselesaikan dalam dua jam tanpa satu orang lima minit itu sudah....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Kita setuju lima minit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: *It will be the joke of the parliamentary world*, tak boleh?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Yang Berhormat jangan buang masa.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Buang masa, buang masa!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh, *just the education man!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham, saya faham!

Tuan Lim Kit Siang: *This is about education of children, are we going to educate our children properly or we are not going to educate our children properly depend on are we going debate properly or are we not going to debate properly!* Tidak boleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak cukup, saya baru mula! *I will not even enter my subject* bagaimana boleh cukup?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Yang Berhormat tidak jawab pegawai tadi, sudah boleh siap sudah!

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, tidak boleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah..

Tuan Lim Kit Siang: *How do you tell the world?* Macam mana hendak beritahu rakyat Malaysia RM19 bilion selesai lima minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah...ikut peraturan Yang Berhormat !

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh, tidak boleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah...sudah...

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat benarkan..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 36(7)

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada, Peraturan Mesyuarat benarkan isu ini dibincang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup! Cukup!

Tuan Lim Kit Siang: ..dengan...tidak ada, tidak boleh

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta masa...saya bukan minta satu jam, 10 minit sekurang-kurangnya dan saya kata semua patutlah *reopen debate!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah bincang 10 minit sudah!

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah? Ini semua gangguan, apa guna....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, sila duduk Yang Berhormat !

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata semua to reopen...saya mahu, saya mahu boleh habiskan!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup, Yang Berhormat sila duduk, sudah!

Tuan Lim Kit Siang:saya belum masuk....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: ...*argument* saya!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, saya mahu teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Yang Berhormat Ipoh Timor...

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta, saya minta Tuan Pengerusi membenarkan supaya Parlimen jangan menjadi *laughing stock* Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu, tahu penyakit Malaysia ialah pelajaran.

Tuan Razali bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, kita ada peraturan, kalau semua macam ini, susahlah kita!

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Tidak ada disiplin langsung.

Tuan Lim Kit Siang: Apa?

Tuan Razali bin Ibrahim: Kalau dia minta 10 minit susahlah kita, setuju, setuju!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada, kalau minta pun semua sama....

Tuan Razali bin Ibrahim: Kita ada peraturan!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah menjelaskan 10 minit...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Razali bin Ibrahim: ...Jangan jadi macam budak-budak!

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh, tidak boleh! Saya minta 10 minit untuk habiskan itu!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah bercakap 10 minit sudah.

Tuan Lim Kit Siang: *I did homework...*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Dia cakap Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: *I study, I did homework, I don't sleep, I want to buat contribution.....*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah, bukan masa ini....

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh kita berdiri di sini tidak buat apa.....tidak boleh main-main....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi, bagi peluang orang lain bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat bukan boleh bercakap hari ini sahaja, hari lain boleh bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: *Education..... every subject is important*, adakah Tuan Pengerusi tahu *education is important?*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau bukan *education*, Tuan Pengerusi bukan jadi doktor dan tidak boleh jadi Pengerusi sebab itu kita bincang *education*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya “doktor”. Saya sekolah juga, sebab itu saya faham peraturan, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu kita bincang *education*. *Education* adalah penting dari semua kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ini menghina Speaker.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof : Tuan Pengerusi, kita ada Peraturan.

Tuan Lim Kit Siang: *This is important subject*. Bagaimana *education – education..*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Benarkan saya 10 minit. Saya minta 10 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dah bercakap 10 minit tadi.

Seorang Ahli: Tidak boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan 10 minitlah, 10 minit untuk *enter* dan bahas pelajaran, saya meminta 10 minit sahaja, dan saya cadang, semua pun *reopen*, kenapa mahu habis hari ini? Semua *reopen* oleh kerana di peringkat Jawatankuasa, *Committee stage*, kita boleh cakap.....

Tuan Razali bin Ibrahim: Kita boleh sambung Tuan Pengerusi, bagi orang lain cakap. Masalahnya lima minit, bukan maknanya mesti habis hari ni, kita dah ada peringkat dasar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta 10 minit, oleh kerana ini *argument* yang mustahak, mengenai generasi akan datang...

Tuan Razali bin Ibrahim: Semua mustahak.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya minta 10 minit. 10 minit, kalau tidak

Beberapa Ahli: Degil!

Tuan Lim Kit Siang: *This is not a joke, we are all serious*, saya percaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional pun serius, okey *let's be serious*, lima minit itu *jokelah*.

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi, lima minit bukan boleh buat perubahan, orang lain pun bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *I go very fast*, okey, ini mustahak.

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam diamlah.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Perdana Menteri kata, “*Listen to the people, listen to Ahli Parlimen*”. Kita *listen* dari segi *educational*, bahawa kita semua *world study*, pendidik, pakar-pakar, penyelidik-penyelidik, bahawa cara di mana anak-anak belajar ialah *mother tongue*, *mother tongue* lebih *fast*, lebih *quick*, itulah, sebab bahasa ibunda selain daripada *medium of instruction* di sekolah mereka itulah - tukar. Adakah kita mahu mengembalikan *English Medium School*? Itu hal yang lain. Kalau kita tak mahu

memulihkan *English Medium School*, kita mahu teruskan *national primary school* dalam bahasa Malaysia sebagai *medium of instruction*, *Chinese primary school*, *Tamil primary school*, kita patutlah ambil perhatian prinsip *educational* ini, oleh kerana kalau tidak akhirnya anak-anak kita akan menjadi mangsa.

Anak-anak yang pandai, dari keluarga-keluarga yang kaya, *middle class* atas tak apa, dalam *urban middle class* bukan masalah, oleh kerana keluarga mereka, ibu bapa mereka mungkin pun boleh cakap bahasa Inggeris, kalau tak boleh cakap bahasa Inggeris, ada cukup kebolehan untuk kewangan untuk dapat *tuition* untuk mereka, tetapi anak-anak kita di kampung Melayu, di kampung Cina, di *estate* India, mereka akan menghadapi masalah, *they'll fall back*, bukan ikut lebih depan lebih, *fall back*, itulah prinsip *educational principal*. Kita sebagai Ahli-ahli Parlimen, perlulah faham ini. Kita mahu kejar, sains, kita tengok *Nobel Peace Prize* - Japan, di negeri China mereka semua, semua bermula dengan bahasa ibunda mereka, belajar sains dan *math*. Sekarang mereka *Nobel Prize winner*. Presiden India, Abdul Kalam, dia bermula dengan *mother tongue* Tamil, dia sekarang menjadi *Nuclear Physicist*.

Kita merosakkan kebolehan mereka untuk menguasai *Math* dan Sains. Boleh kejar? Apa yang musahak ialah *develop mental faculty* dan *develop mental faculty* dalam tahun satu, tahun dua, tahun tiga ialah bahasa ibunda, itulah prinsip *educational* kenapa kita sudah tiga tahun, kita tahu kalau kita pergi tanya guru-guru, saya percaya bukan sahaja sekolah China tapi semua sekolah, sekolah China, sekolah Tamil, sekolah kebangsaan, tanya guru-guru, adakah anak-anak, pelajar-pelajar....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya baru masuk, bagaimana kita boleh serius dalam....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat telah bercakap 15 minit, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kalau *deflect and diverge* - lima minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup-cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: 5 minit saya habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Selangor.

Tuan Lim Kit Siang: 5 minit saya habis, tak boleh, Parlimen tak serius, Parlimen tak serius tak boleh,*this is too important subject, education, education....*

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat petang dan salam sejahtera. Duduklah, Ketua Pembangkang, saya diberi peluang oleh Tuan Pengerusi untuk bercakap..

Tuan Lim Kit Siang: *Education too important subject and MPs must take a stand, I say MPs must take a stand.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, saya dah, saya dah bagi peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tau, 5 minit, 5 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah bercakap 15 minit.

Tuan Lim Kit Siang: *MPs must take a stand. [Disampuk] education* bagaimana, ini bukan.....

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Tuan Pengerusi, kalau Ketua Pembangkang tak nak dengar kata, halau dia keluar...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Kuala Selangor teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Hey! Keluarlah.

Tuan Lim Kit Siang: Apa keluar?

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Tak menghormati Speaker, hormat pada Speaker.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] Tidak dengar Speaker, tidak ikut arahan.

Tuan Lim Kit Siang: *All blind, all deaf....*,

Seorang Ahli: *You are...*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, *I wind up*, dan akhirnya kita jangan politikkan, kita mahu lihat sebagainya bahasa, perkara ke pelajaran dan saya sangat kesal, saya sangat kesal bahawa satu perkara iaitu pelajaran, yang *the most important subject*, Parlimen tidak rela memberi perhatian yang berat. Kita ada seorang Menteri yang mahu jadi gengster saja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah, cukup, tak banyak isi pun Yang Berhormat, Kuala Selangor, sila.

5.09 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga kesal di atas sikap Ketua Pembangkang yang tidak menghormati keputusan Speaker. [*Tepuk*]

Saya ingin menyentuh Butiran 01000 - Pejabat-pejabat Pendidikan. Tuan Pengerusi, pejabat pelajaran daerah memainkan peranan yang cukup penting dalam memastikan matlamat dasar pendidikan negara tercapai. Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Selangor hari ini menumpang di Sekolah Kebangsaan Tanjung Keramat dan ini merupakan kali kedua, selepas Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz tempat pejabat pelajaran, menjadikan pejabat untuk menjalankan kegiatan pendidikan, seumpama pejabat pelajaran dan sudah tiba masanya hari ini Kementerian Pelajaran dapat menyediakan, memperuntukkan secukupnya khususnya pada Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membina sebuah pejabat pelajaran daerah yang baru di Bandar Baru Kuala Selangor di kawasan yang sudah disiapkan, seluas dua ekar. Oleh kerana keadaan pejabat pelajaran daerah hari ini tidak selesa, tak ada bilik untuk pegawai, keadaan berhimpit-himpit, tidak ada bilik untuk fail dan untuk menyimpan rekod, buku rekod perkhidmatan guru-guru seramai lebih kurang 2,000 orang.

Saya yakin dan percaya bahawa Yang Berhormat Menteri prihatin, oleh kerana Kuala Selangor pada hari ini menduduki tempat yang corot dalam pencapaian keputusan PMR, dan saya yakin dan percaya bahawa peruntukan yang banyak dan pejabat pelajaran daerah merupakan suatu tempat yang strategik, yang patut diberikan keutamaan.

Di samping itu, saya ingin menyentuh soal Pegawai Pelajaran Daerah Kuala Selangor yang sentiasa bertukar, selepas empat bulan bertukar. Saya tidak nampak pelan tindakan untuk memajukan bidang pendidikan di Kuala Selangor tercapai. Kalau inilah sikap yang diamalkan oleh pihak kementerian dan janganlah hantar guru yang dah nak pencen untuk jadi pegawai pelajaran daerah, membantutkan pelan tindakan pelajaran di Kuala Selangor. Di samping itu, dengan bebanan kerja yang dipertanggungjawabkan oleh kementerian dan juga jabatan pelajaran negeri, kekurangan staf, *supporting staff* dengan izin, kerani dan juga pembantu am, kerana hari ini, guru dijadikan *supporting staff* untuk menguruskan soal kewangan dan sebagainya.

Perkara yang kedua menyentuh soal sekolah menengah dan rendah, Butiran 00100 dan 00200. Dengan pertumbuhan dan pertambahan penduduk yang pesat sekolah kebangsaan dan juga sekolah menengah yang sedia ada menghadapi kesesakan. Oleh itu saya harap pihak kementerian dapat membina enam buah sekolah kebangsaan yang perlu disegerakan dan juga sekolah menengah kebangsaan sebanyak tiga buah, iaitu bagi Sekolah Kebangsaan Bukit Kecil Jeram, Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 3, Sekolah Kebangsaan Sri Bistana, Sekolah Kebangsaan Desa Aman Coldfield, Sekolah Kebangsaan

Alam Perdana dan sekolah menengah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kuching, Jeram, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Serambai, Kuala Selangor dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Tambak Jawa. Ini memandangkan bahawa sekolah-sekolah yang sedia ada tidak dapat menampung pelajar-pelajar yang semakin bertambah, yang terpaksa mengadakan sesi pagi dan juga petang dan di setengah sekolah juga, umpamanya Sekolah Puncak Alam 2, pelajar-pelajar darjah satu, terpaksa menampung sebanyak 14 kelas, yang tidak munasabah dan oleh kerana perancangan yang agak lemah, saya harap sekolah ini dapat diberi keutamaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Perkara yang ketiga Tuan Pengerusi, untuk menyentuh tentang soal Sekolah Bantuan Modal - Butiran 01100 yang melibatkan sebanyak 13 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga 22 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil di Kuala Selangor yang mana dua buah bagi sekolah jenis kebangsaan Cina perlu dibaik pulih, begitu juga dengan sekolah jenis kebangsaan Tamil sebanyak tujuh buah. Memandangkan bahawa sekolah bangunan kayu telah dimakan anai-anai dan pendawaian elektriknya bahaya kepada pelajar-pelajar, dan saya harap pembaikpulihan ini dapat dilakukan segera tahun ini dan juga tahun depan dan kalau tidak cukup peruntukan disambung pada tahun-tahun seterusnya.

Begitu juga, saya berharap kepada kementerian menimbangkan soal keperluan membina makmal komputer kepada sekolah-sekolah bantuan modal kerana komputer cukup penting kepada semua pelajar sama ada di sekolah kebangsaan atau di sekolah bantuan modal, sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Yang akhirnya Tuan Pengerusi, kemelut GPMS hari ni sudah semakin memuncak. Saya berharap demi untuk menjaga pelajar-pelajar Melayu yang masih tertinggal, kalau Yang Berhormat Menteri Pelajaran sudah menyatakan pendiriannya, dah tiba masanya, dua puak yang sedang bergaduh sekarang perlu diselesaikan sebelum pendaftaran GPMS ini dibatalkan dan saya sebagai ahli GPMS seumur hidup menuntut supaya Perdana Menteri campur tangan bagi menyelesaikan masalah ini. Terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya, lepas itu Timbalan Menteri menjawab.

5.12 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua perkara di sini iaitu yang pertamanya, Bekalan 41, Butiran 020000 mengenai Pendidikan Rendah dan Menengah dan 080300 mengenai Penyelenggaraan Bangunan.

Pertamanya, isu pertama, mengenai penyelenggaraan bangunan. Selepas tragedi yang berlaku di negeri Kedah, di mana seorang guru telah meninggal dunia akibat kemalangan yang berlaku di sekolah, telah menunjukkan kepada masyarakat umum dan didapati bahawa banyak sekolah memang dalam keadaan yang teruk di mana perlunya baik pulih bangunan dan penyelenggaraan. Oleh itu, saya ingin bertanya bahawa di dalam kawasan saya pun terdapat sebuah sekolah, dalam kawasan bandar, Sekolah Kebangsaan Seri Kelana di SS5, Kelana Jaya didapati bahawa sudah satu tahun dikenal pasti ada anai-anai yang menyerang bangunan.

Saya telah melawat sekolah itu dua kali. Hampir satu tahun tidak ada lagi pembaik pulih yang dilakukan. Kalau tidak dilakukan dengan segera, saya khuatir bahawa anai-anai itu akan merebak ke bangunan yang lain, maka akan berlakunya keseluruhan bangunan sekolah perlu di baik pulih semula. Oleh itu, saya mohon agar pihak kementerian dapat mengambil tindakan sewajarnya dan secepat mungkin untuk memperbaiki perkara ini, supaya bangunan yang sudah diserang anai-anai itu dapat diuruskan dengan secepat mungkin.

Perkara yang kedua, yang hendak saya bangkitkan di sini adalah tentang penggredan sekolah. Kita semua tahu bahawa proses penggredan sekolah ini memberi implikasi terhadap perjawatan dan pembangunan sesebuah sekolah itu. Bagi sekolah gred A, semua jawatan pentadbiran iaitu Guru Besar, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Penolong Kanan Kurikulum merupakan jawatan *over and above*, di mana guru-guru yang dikira di luar normal yang memegang sesuatu jawatan, manakala bagi sekolah rendah gred B pula, jawatan Guru Besar dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dikira sebagai jawatan *over and above*, manakala jawatan Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Kurikulum adalah merupakan jawatan yang dikira dalam normal.

Saya rasa khususnya di kawasan saya ini kawasan bandar masih terdapat sekolah gred B di mana bilangan murid yang begitu ramai sekali yang melebihi 1,000 orang. Sebagai contohnya Sekolah Chee Wen di USJ 1 Subang Jaya, bilangan pelajar adalah melebihi 1,250 orang tahun ini dan pada tahun depan ditambah lagi 10 kelas darjah 1.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok : Baru masuk sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua orang baru masuk Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Okey, beri saya satu minit sahaja. Maka minta agar penggredan sekolah ini dapat dibuat dan saya hendak tanya bilakah *exercise* yang terakhir penggredan sekolah dibuat? Kerana kalau hendak tunggu tiga tahun untuk Sekolah Chee Wen ini digredkan semula maka saya rasa guru-guru yang berkhidmat sekarang ini akan terbeban untuk menanggung tugas yang lebih berat. Oleh itu saya harap supaya penggredan sekolah untuk Sekolah Chee Wen ini khususnya dapat dibuat dengan kadar cepat.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, berkaitan dengan kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pelajaran pada 25 September tahun ini yang mengumumkan bahawa kementerian akan memberi 200 biasiswa sukan kepada pelajar dan ini telah pun dikeluarkan dalam surat khabar. Selepas itu ramai orang telah menyemak di laman web kementerian tetapi tidak ada apa-apa benda berkaitan dengan biasiswa sukan ini. Dua orang menelefon kementerian bertanyakan tentang biasiswa sukan ini dan diberitahu bahawa tidak ada hal ini kerana tidak ada borang.

Selepas itu diberitahu borang sudah habis. Pegawai yang berlain bercakap yang lain. Oleh itu saya hendak tanya bilakah borang biasiswa sukan ini telah dikeluarkan dan bilakah tamat tempohnya untuk permohonan kerana saya diberitahu bahawa seorang ibu bapa telah bertanya kepada pegawai mereka kata, minta maaf 200 calon untuk menerima biasiswa sukan telah pun ditentukan, tidak payah mohon. Apakah ceritanya? Minta penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

5.17 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 21 Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu dan cadangan-cadangan terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia. Saya cuba jawab seberapa boleh tentang soalan-soalan yang telah dikemukakan. Pertama saya ingin menjawab kepada Yang Berhormat dari Bukit Gantang mengenai buku teks yang telah rosak dan perlu digantikan. Sebenarnya ini memang menjadi dasar Kementerian Pelajaran supaya dari masa ke semasa guru-guru besar sekolah berkenaan hendaklah merujuk atau membuat permintaan kepada pegawai pelajaran daerah supaya dapat digantikan.

Memang bukan ini hasrat Kementerian Pelajaran untuk lihat murid-murid kita menggunakan buku-buku teks yang telah koyak, usang dan sebagainya. Kalau ada, saya

minta Yang Berhormat bolehlah memberitahu kepada kami atau menasihatkan guru besar supaya dapat membawa kepada PDP untuk mendapatkan gantian.

Mengenai buku kerja memang kami ada menghantar satu surat pekeliling untuk mengingatkan kepada guru-guru besar supaya jangan membeli lebih banyak buku kerja. Ini memang sudah jadi satu dasar tetapi sebaliknya ada juga ibu bapa minta supaya mereka dibenarkan membeli lebih banyak buku kerja untuk murid-murid mereka. Tetapi pada pandangan Kementerian Pelajaran kalau pakai buku teks dan juga buku kerja yang telah disediakan memang mencukupi. Inilah mengenai sikap ibu bapa dan kita akan ambil tindakan.

Cik Tan Lian Hoe: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya kemukakan masalah ini adalah daripada rungutan daripada ibu bapa yang mengatakan bahawa anak-anak mereka terpaksa membeli begitu banyak buku kerja yang dipaksa oleh guru-guru besar. Dalam hal ini bukan sahaja pada awal tahun tetapi pertengahan tahun juga diminta membeli lagi beberapa set buku akibat daripada mungkin ada sesuatu komisen yang mereka dapat daripada penerbit, itu saya tidak tahulah. Ini adalah satu realiti dan saya harap kementerian dapat memantau perkara ini sebab ini adalah rungutan daripada ibu bapa. Sekian, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan ambil maklum terhadap perkara ini dan kita akan ingatkan kepada pegawai-pegawai kita dan guru-guru besar janganlah minta murid-murid beli buku kerja pada masa pertengahan tahun kerana mungkin itu tidak diperlukan lagi. Isu bantuan modal, beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan tentang bantuan modal, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, Bukit Mertajam, Bandar Kuching, Ayer Hitam, Tanjong dan beberapa lagi.

Ada di antara Ahli Yang Berhormat memberi satu gambaran bahawa kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran tidak begitu adil dan tidak memberi peruntukan yang saksama kepada sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan atau sekolah bantuan kerajaan. Memang saya setuju kepada Yang Berhormat Ayer Hitam. Memang kalau ikut Akta Pelajaran yang telah kita luluskan pada tahun 1996, dalam akta itu ada tiga jenis sekolah – sekolah kerajaan, sekolah-sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta.

Untuk sekolah bantuan kerajaan, kerajaan akan memberikan dua jenis bantuan iaitu sumbangan bantuan atau dalam bahasa Inggeris dengan izin *a grant in aid* dan juga lagi satu bantuan ialah sumbangan modal atau *capital grant*. Kedua-dua bantuan ini memang kementerian Pelajaran memberikan apa yang diperuntukkan tetapi hendaklah ikut had yang telah diluluskan dalam Parlimen. Kalau wang telah diluluskan dalam Parlimen telah habis digunakan maka kementerian tidak mampu lagi untuk mencari wang untuk memberi bantuan *capital grant* kepada sekolah-sekolah yang masih memerlukan bantuan.

Tetapi walau bagaimanapun, Menteri Pelajaran Malaysia, contohnya pada tahun 2004 walaupun memandangkan keadaan wang yang telah disediakan telah habis tetapi beliau masih sanggup mengikhtikarkan cari peruntukan khas untuk diberikan kepada bantuan sekolah bantuan kerajaan sebanyak RM3.4 juta. Inilah menunjukkan bahawa Menteri Pelajaran Malaysia memang sanggup untuk membantu supaya hanya terhad berasaskan kepada apa yang telah diluluskan wang yang telah diadakan kepada Kementerian Pelajaran.

Janganlah salah anggap. Saya minta Ahli Yang Berhormat faham terhadap keadaan sebenar. Memang Kementerian Pelajaran tidak ada niat untuk membeza-bezakan, saya selalu mengatakan perkara ini dalam Dewan ini bahawa kita tidak ada anggap sekolah jenis kebangsaan adalah sekolah yang tidak perlu diberi bantuan. Sebenarnya kita anggap sama. Sebenarnya semua sekolah tidak kira sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan gaji guru besar, gaji guru dan gaji kakitangan dibayar oleh Kementerian Pelajaran. Tambahan pula kita memberi *capital grant* berasaskan kepada bilangan sekolah dan mata pelajaran.

Tiap-tiap mata pelajaran kita ikut bilangan murid. Kementerian Pelajaran menyalurkan dengan kadar yang sama, sama dengan jenis kebangsaan dan sekolah kerajaan, tidak ada beza hanya dari segi *capital grant* ada beza. *Capital grant*, Kementerian Pelajaran hendaklah menggunakan wang yang telah diluluskan dalam Parlimen. Saya harap dengan penjelasan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah ingat khususnya dari pembangkang jangan ingat kita....

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Dato' Hon Choon Kim: Nanti dahulu, selepas ini. Jangan salah anggap ...

Tuan Chow Kon Yeow: Atas isu ini, sebab

Dato' Hon Choon Kim: Saya tahu tetapi nanti saya akan bagi peluang.

Tuan Chow Kon Yeow: Selepas ini Yang Berhormat akan edar kepada isu yang lain.

Dato' Hon Choon Kim: Tidak, tidak. Kita tidak lari isu. Apa yang kita hendak ialah apa yang kita cakap dan bincang dalam suasana yang tenang, tidak payah marah-marah, itu tidak guna, tidak akan menyelesaikan masalah. Ini adalah satu gambaran yang hendak saya berikan kepada Dewan yang mulia ini memang tidak ada hasrat niat yang jahat untuk tidak mahu bantu sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Sila.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih terhadap penjelasan Timbalan Menteri. Walaupun begitu masih tidak jawab apa yang saya bangkitkan di mana wujud *disparity* dari segi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Misalnya SRK(Cina) cuma dapat 2.7% dari jumlah peruntukan yang diberikan kepada kementerian atas pokok butiran pendidikan rendah jauh berbeza dengan peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Kebangsaan yang mendapat 96% dari jumlah peruntukan.

Tadi Yang Berhormat berkata akan mengikut *enrolment* dan nisbah dan sebagainya tetapi angka-angka yang didapati dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini jelas menunjukkan dan memberi gambaran bahawa ada penyelewengan, kurang adil dalam peruntukan dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan mengapa ini boleh berlaku dan memastikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kelak kejadian dan pengagihan dengan ketaranya tidak adil tidak akan berlaku lagi.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan bahawa ini ada satu penyelewengan, tidak ada sama sekali. Seperti yang saya sebut tadi wang yang digunakan untuk memberi bantuan kepada sebagai *capital grant* ataupun bantuan sumbangan modal adalah berasaskan kepada jumlah wang yang telah diluluskan dalam Parlimen. Seorang Yang Berhormat telah pun sebut untuk tahun depan ada lebih RM20.1 juta untuk membantu sekolah bantuan kerajaan dan ini wang yang hendak kita gunakan, kita tidak boleh gunakan lebih daripada wang yang telah diluluskan. Janganlah banding macam ini. Sekolah-sekolah kerajaan, memang segala pembinaan, projek pembangunan, pembinaan bilik darjah dan sebagainya adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Tetapi untuk sekolah bantuan kerajaan, kerajaan hanya memberikan bantuan yang dihadkan dengan jumlah yang diperuntukkan dalam Parlimen. Jadi saya harap jelas.

Tuan Chow Kon Yeow: Lanjutan *argument* terhadap isu yang sama saya rasa Yang Berhormat pun tidak jawab langsung apa yang disebutkan oleh Ayer Hitam. Ayer Hitam pun mempunyai pandangan yang berlainan dan saya kata dalam ucapan saya pandangan ini bukanlah pandangan yang berasingan tetapi mewakili suara besar masyarakat di luar. Dan masih Yang Berhormat tidak jawab mengapa pada *in the first place* wang yang banyak tidak dapat diluluskan di dalam Parlimen, itulah pokoknya soalan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk bincang lebih panjang dan ambil masa lebih banyak. Kalau Yang Berhormat tidak mahu terima penjelasan sampailah esok malam pun tidak boleh. Walaupun saya jelas dan terangkan. Apa yang disebutkan oleh Ayer Hitam sama lebih kurang apa yang saya jelaskan. Yang Berhormat Ayer Hitam ada dua jenis sekolah, dan saya sebut ada tiga jenis. Lebih kurang

dia pun faham, sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan. Inilah SJK(C) dan SJK(T) yang merupakan setengahnya, bukan semua. Bukan ikut kaum. Bukan ikut jenis sekolah.

Di antara sekolah jenis kebangsaan juga ada sekolah bantuan penuh, di antara sekolah jenis kebangsaan Tamil ada juga sekolah merupakan sekolah kerajaan, jadi bukan 100% semua SJKT merupakan bantuan kerajaan. Ini bukan berasaskan kepada jenis sekolah kerana kita asaskan kepada secaranya bagaimana ia, siapa yang tubuhkan dan juga berasaskan kepada tanah yang dimiliki bukan oleh kerajaan tetapi dimiliki oleh Lembaga Pengurus Sekolah, jadi, inilah beberapa.....

Tuan Chong Chieng Jen: [*Bangun*] Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak mahu bagi jalan. [*Disampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak mahu bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: *Capital grant*.....

Dato' Hon Choon Kim: Kalau mengenai.....

Tuan Chong Chieng Jen: Mengenai *capital grant*! Kenapa di Bandar Kuching itu, Chong Hwa Primary School

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen:*one, two, three, four, five, six* tahun ini tidak ada peruntukan langsung. *Capital Grant*.

Dato' Hon Choon Kim: Yalah, Betul. Bukan tiap-tiap sekolah apabila mohon peruntukan.....

Tuan Chong Chieng Jen: Adakah ia kerana.....

Dato' Hon Choon Kim:mesti dapat, bukan macam ini. Kita ikut keutamaan, kita ikut kemampuan

Tuan Chong Chieng Jen: Bukan! Yang Berhormat tadi kata mengikut bilangan murid. Adakah kerana di Sarawak tidak ada MCA?

Dato' Hon Choon Kim: Tidak, tidak. Itu pasal saya cakap, saya cakap, bila saya jelaskan.....

Tuan Chong Chieng Jen: Hah! Di Sarawak itu diwakili oleh SUP, *so no allocation*lah, *capital grant*...

Dato' Hon Choon Kim: Tidak apa duduk, duduk. Saya belum mengizinkan dahulu. Sila duduk jangan macam ini. Kalau mahu saya jawab elok ikut peraturan, kalau tidak mahu tidak apa, [*Disorak*] kalau tidak mahu tidak apa. [*Dewan gamat*]

Tuan Chong Chieng Jen: Sombong.

Dato' Hon Choon Kim: Bukan sombong, bukan sombong, Yang Berhormat yang sombong. Tidak apa. [*Disampuk*] Apa yang saya sebutkan tadi ikut bilangan iaitu *grant-in-aid* atau per kapita geran untuk mata pelajaran, ikut bilangan murid, misal kata perpustakaan. Setiap murid akan dapat sekian banyak wang untuk satu tahun. Ini memang telah disalurkan kepada sekolah berkenaan pada tiap-tiap tahun, tidak perlu minta, ikut bilangan, ikut *enrolment*. Jangan putar belitkan apa yang saya sebut. Saya harap apa yang saya jawab semua orang dengar, tidak mahu putar belitkan apa yang sebut tadi. Itu yang saya hendak sebut. Saya terus pergi ke dasar dan juga pengurusan sekolah.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun.

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat bagi Serdang dahulu.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Hanya satu, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang faham geran yang dibagi kepada sekolah itu ikut bilangan murid. Tetapi adakah pihak kementerian akan mengkaji semula geran yang dibagi kepada pihak sekolah ikut bilangan murid ini tidak mencukupi untuk berbelanja. Sebab bekalan elektrik, air dan lain-lain itu mungkin tidak ada. Saya sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan Sekolah di Serdang ini, memang hadapi. Guru besar sendiri ada beritahu saya. Oleh sebab itu, bolehkah pihak kementerian akan mengkaji semula untuk menambah kadar geran itu.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini memang satu soalan yang baik. *[Disampuk]* Ini memang betul, kita tidak dapat nafikan bahawa kadar yang telah ditetapkan kalau ikut keadaan sekarang memang mungkin tidak cukup, jadi kita kena kaji. Kalau boleh dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita akan tambah lagi supaya membantu pihak sekolah untuk menjalankan aktiviti agar lebih licin lebih berkesan.

Mengenai 3M, beberapa Yang Berhormat pun telah bangkitkan, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang dan juga Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

Dato' Hon Choon Kim: Okey.

Tuan Lau Yeng Peng: Apa yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri saya faham, mungkin mereka tidak faham. Saya hendak tanya sedikit mengenai kekeliruan di antara bantuan modal dan juga bantuan penuh, adakah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menyelaraskan kedua-dua kategori ini.

Saya tahu itu satu perkara yang tidak senang tetapi adakah satu inisiatif, permulaan, untuk menyelaraskan kedua-dua jenis ataupun kedua-dua kategori tanah ini, atau bantuan penuh dan juga bantuan modal ini, supaya kekeliruan ini tidak dapat berlaku pada masa-masa datang. Ini juga memudahkan lagi penyelarasan di antara pembiayaan dari segi peruntukkan dan juga bantuan di masa depan. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Hon Choon Kim: Pada masa yang terdekat ini, kami, Kementerian Pelajaran harap Kerajaan Pusat akan memberi lebih banyak peruntukkan kepada sekolah bantuan kerajaan supaya kita boleh bantu lebih banyak sekolah. Sebenarnya kita pun telah cadang dengan harapan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kami akan dapat lebih banyak lagi, jadi kita haraplah dapat kelulusan dari pihak-pihak agensi kerajaan. Mengenai 3M.....

Tuan Wong Nai Chee: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Kita tidak cukup masa, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Kalau ada isu yang sama tidak perlulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Hon Choon Kim: Untuk 3M ini memang menteri pada masa menggulung dasar telah pun begitu panjang lebar menjelaskan. Apa yang saya hendak tambah sekarang ini ialah langkah-langkah atau program-program yang dijalankan oleh pihak

Kementerian Pelajaran memang nampak berkesan. Kita sedar tetapi nampak kadar yang tidak menguasai 3M pun telah dapat kita turunkan. Ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang bawa perkara ini, yang menunjukkan prihatin terhadap pembelajaran murid-murid. Kita harap dengan adanya program-program dan juga dengan latihan guru serta kelas pemulihan dapat kita jalankan dapat kurangkan masalah menguasai 3M. Yang Berhormat

Cik Tan Lian Hoe: Last sekali, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita tidak dapat nafikan bahawa pihak kementerian memang membuat banyak program untuk kelas pemulihan ini tetapi selalunya pihak kementerian akan memohon untuk dapatkan laporan. Laporan yang diterima itu sebenarnya tidak menggambarkan bahawa pelajar itu telah pun celik 3M. Saya tidak pasti adakah pihak kementerian mengarahkan kepada pegawai-pegawai daripada peringkat negeri ataupun pejabat daerah untuk turun memantau dan juga untuk menjalankan ujian terhadap pelajar-pelajar yang buta huruf ini. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih. Memang ini telah kita jalankan dari masa ke semasa untuk menguji sama ada program telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran berkesan atau tidak. Saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat.

Beberapa Yang Berhormat pun telah sebut soal asrama sekolah, asrama penuh. Ini memang satu kemudahan yang disediakan untuk membantu anak-anak kita khususnya di luar bandar. Mereka dari golongan yang kurang bernasib baik tetapi mereka malang dalam pembelajaran mereka. Inilah satu hasrat, ini memang tujuan kerajaan untuk mewujudkan asrama penuh bagi murid-murid ini.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga sebut - Yang Berhormat bagi Ledang sebut undang-undang, supaya pelajar kita lepas tamat pelajaran dapat menghormati undang-undang. Ini memang satu cadangan yang baik. Memang sebenarnya kita telah bekerjasama rapat dengan pegawai-pegawai dari Kementerian Pengangkutan dan juga pihak polis supaya kita dapat menyerap unsur-unsur kementerian atau unsur-unsur perkara ini dalam mata pelajaran kita. Bukan sebagai satu mata pelajaran yang asing. Jadi, memang kita tengah buat untuk perkara ini.

Yang Berhormat bagi Tuaran memang selalu sebut, bangkit perkara-perkara yang ada hubung kait dengan pendidikan. Saya ucapkan banyak terima kasih. Beliau juga - Yang Berhormat bagi Tuaran tidak ada sini sekarang.....

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Okey.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Minta maaf, terima kasih Tuan Pengerusi, minta maaf Timbalan Menteri. Saya setuju tadi tentang kerjasama yang sekolah-sekolah dapat daripada Kementerian Pengangkutan, polis dan sebagainya. Tetapi saya lebih fokus tadi kepada tindakan yang tegas daripada pihak sekolah dengan kerjasama polis untuk mengenakan penguatkuasaan dalam bentuk tindakan. Tangkap ke, apa ke - sekolah kena tegas supaya budak-budak ini, supaya pelajar-pelajar ini, murid-murid ini tidak menggunakan motosikal dalam keadaan yang tidak lengkap. Contohnya lesen tidak ada. Murid-murid sekolah di kampung pun sekarang saya tengok naik motosikal tanpa lesen. Itu sekolah rendah, sekolah menengah pun sama juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri cadang hendak habiskan atau hendak sambung?

Dato' Hon Choon Kim: Kalau boleh - berapa minit lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiga minit sahaja. *[Dewan gamat]*

Dato' Hon Choon Kim: Saya akuriah kepada Tuan Pengerusi. Kalau Yang Berhormat Tuan Pengerusi minta saya habiskan, saya habiskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kalau boleh, sila!

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang sentuh tentang masalah pembangunan sekolah di luar bandar. Memang kita peka dan inilah pun telah kita rancangkan.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa mahu habis dua minit? Begitu ramai berdiri, main-mainkah ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dia cuba, dia cuba.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh, main-main mana boleh. Apa guna 30 orang berdiri lima minit dan habis dalam 20 minit. Ini main-main, mana boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Duduk, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh, mana boleh! Protes, tidak boleh kita mahu protes. Tidak boleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak dibenarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat, bagi peluang.....

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh main-mainkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi.....

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah dapat sokongan daripada Barisan Nasional. Mahu serius.....

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau dia boleh habis tidak apalah, kalau boleh habis.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Sila duduk, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau tidak boleh.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, sila duduk, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau tidak boleh, dia hendaklah menjawab secara bertulis.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, saya cadang bahawa seorang Menteri cadang Peraturan 12.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Bagan. Cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng: Sampai 8.30 tidak apa.

Seorang Ahli: Sampai 12 lah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: 8.30.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat, saya tidak ada masalah, kalau Tuan Pengerusi minta saya habis, tamat saya boleh, kalau hendak sambung pun boleh, saya tidak ada apa-apa hal. *[Disampuk]*

Untuk Yang Berhormat membangkitkan beberapa perkara yang luar bandar, kita memang berhasrat untuk, memang telah berbincang dan pun telah kita kenal pasti beberapa tempat di mana yang perlu membina sekolah menengah baru, sekolah-sekolah rendah baru dan juga asrama penuh. Kita tengah rancang dan harap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.....

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat banyak peluang untuk lagi dalam perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Penjelasan, cukup apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Puan Chong Eng: Apa cukup?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang Yang Berhormat tidak boleh habiskan, boleh sambunglah. Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.43 petang.